




BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Laporan Tahunan 2020





BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2020 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2020.

Nor Shamsiah Yunus
Pengerusi
Lembaga Pengarah
31 Mac 2021



Kandungan

Prakata

Peranan Bank

- 7 Menggalakkan Kestabilan Monetari
- 13 *Rencana: Membina Penampakan: Peranan dan Fungsi Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia*
- 20 Menggalakkan Kestabilan Kewangan
- 28 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum
- 37 Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Terangkum
- 51 Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap
- 58 *Rencana: Menilai Keperluan Malaysia untuk Mata Wang Digital Bank Pusat*
- 62 Pengeluaran Mata Wang
- 68 *Rencana: Operasi Mata Wang semasa Pandemik COVID-19*
- 70 Mengekalkan Integriti Kewangan

Pengurusan Bank

- 78 Tenaga Kerja Bank
- 83 Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari
- 92 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 98 Menyantuni Rakyat Malaysia
- 104 *Rencana: Asas bagi Memperkasakan Pengurusan Kewangan Anda*
- 108 Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa

Tadbir Urus

- 114 Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Berkanun Bank

Kewangan Bank

- 135 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020
- 136 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020
- 137 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020



Nor Shamsiah Yunus

Gabenor Bank Negara Malaysia

Prakata

Tahun 2020 merupakan tahun yang luar biasa. Pandemik COVID-19 telah menjerumus seluruh dunia ke kancah krisis kesihatan awam yang menyaksikan kehilangan banyak nyawa serta menjejaskan banyak mata pencarian apabila aktiviti negara-negara di seluruh dunia hampir terhenti sepenuhnya. Malaysia juga tidak terkecuali apabila ekonominya mencatatkan penguncupan yang ketara terutamanya pada suku kedua tahun itu.

Dalam persekitaran yang cukup mencabar ini dan berdasarkan mandat untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan, Bank telah bertindak pantas dengan melaksanakan pelbagai langkah yang meluas dan menyeluruh untuk mengatasi kejutan pandemik kepada sistem kewangan dan ekonomi. Bagi tujuan tersebut, Bank telah bekerja rapat dengan pihak Kerajaan dan sektor kewangan untuk melindungi nyawa dan mata pencarian di negara ini.

Perkara yang menjadi keutamaan Bank adalah untuk mengurangkan kesan penguncupan ekonomi dan menggalakkan usaha pemulihan ekonomi yang berterusan. Oleh itu, Bank telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman ke paras paling rendah dalam sejarah serta mengambil langkah-langkah bagi memastikan mudah tunai mencukupi dan keadaan pasaran kekal teratur. Langkah-langkah bantuan bayaran balik hutang dan program pendanaan untuk PKS telah dilancarkan dalam skala besar yang belum pernah dilaksanakan bagi membantu mengurangkan masalah aliran tunai para peminjam dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik di samping memastikan aliran kredit kepada ekonomi berterusan. Keupayaan sektor kewangan memberikan sokongan mengikut skala yang diperlukan, membuktikan betapa mustahaknya membina penampakan terutamanya semasa ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang kukuh bagi mewujudkan sistem kewangan yang mampan dan berdaya tahan.

Setelah tahun 2020 meninggalkan kita, situasi krisis paling teruk juga mungkin sudah kita lewati. Namun begitu, masih banyak cabaran yang perlu dihadapi pada masa hadapan. Biarpun ekonomi telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan program imunisasi vaksin untuk membendung pandemik telah pun bermula di seluruh dunia, masih wujud ketidakpastian yang ketara mengenai evolusi dan trajektori pandemik.

Bank terus memelihara kestabilan monetari dan kewangan pada tahun 2020 dengan mengambil langkah-langkah drastik bagi mengatasi cabaran yang besar pada tahun tersebut.

Sebarang kelekakan dalam menangani pandemik boleh mengakibatkan penularan semula dan seterusnya mendorong penguatkuasaan semula langkah pembendungan yang ketat. Selain itu, isu pemulihan ekonomi yang tidak sekata dan kesan yang berpanjangan dalam beberapa sektor juga akan menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Memandangkan masih wujud ketidakpastian mengenai tahap pemulihan ekonomi, teras dasar monetari Bank pada tahun 2021 akan kekal akomodatif bagi menyokong pemulihan ekonomi yang teguh dan berterusan.

Bagi sektor kewangan, Bank memberikan keutamaan pada usaha memastikan sistem kewangan terus menyediakan perkhidmatan yang lancar tanpa gangguan kepada orang ramai selain memenuhi keperluan sektor isi rumah dan perniagaan untuk mendapatkan pembiayaan dan bantuan sementara. Kedudukan institusi kewangan yang sedia kukuh sebelum tercetusnya krisis telah berjaya menyerap kejutan yang berlaku kepada ekonomi. Institusi kewangan berada pada kedudukan yang mantap untuk memainkan peranan timbal balas (*counter-cyclical*) bagi membolehkan pemulihan yang pantas dan berterusan. Peranan ini disokong oleh fleksibiliti pengawalseliaan yang bersesuaian bagi membantu institusi perbankan memenuhi keperluan pelanggan mereka. Pada masa yang sama, Bank juga terus memberikan tumpuan pada langkah-langkah yang diambil oleh institusi kewangan untuk memperkukuh daya tahan operasi mereka, memelihara penampan kewangan terhadap kemungkinan kerugian akan datang, dan memberikan layanan yang saksama kepada pelanggan. Memandangkan pasaran kewangan dijangka terus tidak menentu, Bank juga akan memastikan mudah tunai mencukupi dan keadaan pasaran pertukaran asing dan pasaran wang kekal teratur.

Meskipun pengurusan krisis menjadi tumpuan Bank pada tahun 2020, namun Bank sentiasa berpandangan ke hadapan dan terus melaksanakan keutamaan strategik sedia ada yang amat penting untuk sektor kewangan. Bagi mempertingkatkan daya tahan dan juga prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, Bank akan melipatgandakan usahanya untuk menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi digital. Usaha ini meliputi pelesenan bank digital dan pelaksanaan segera inisiatif pembayaran digital, yang telah mencatatkan peningkatan yang ketara dari segi penggunaan dan penerimaannya sepanjang tahun lalu. Pandemik ini juga adalah seruan untuk bertindak menangani isu sejangat yang lain seperti risiko iklim, serta penekanan terhadap perlunya langkah segera diambil untuk mempercepat pembangunan ekonomi yang lebih berdaya tahan terhadap iklim. Oleh itu, langkah awal telah dimulakan untuk memupuk pemahaman yang sama berhubung dengan penilaian risiko iklim melalui penggunaan taksonomi. Seiring dengan penggunaan taksonomi ini, institusi kewangan dikehendaki memantapkan pengurusan dan penzahiran risiko iklim, sekali gus meningkatkan peranan dan sokongan mereka terhadap peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari. Secara lebih umum, Bank akan memuktamadkan senarai keutamaan pembangunan dan pengawalseliaan di bawah pelan tindakan baharu sektor kewangan yang akan dikeluarkan awal tahun hadapan. Antara keutamaan yang digariskan dalam pelan ini ialah mempercepat pembangunan pembiayaan bukan berasaskan hutang untuk mengurangkan jurang pembiayaan yang ditawarkan kepada isi rumah dan perniagaan.

Pandemik ini juga merupakan suatu ujian ketahanan organisasi kepada Bank. Kebaharuan, skala dan kadar penularan krisis yang pantas menuntut pada perlunya pendekatan “keseluruhan Bank” (*whole-of-Bank*) untuk menangani pandemik menggunakan segala pengetahuan dan kepakaran yang ada di seluruh Bank. Bank juga perlu dengan cepat membangunkan ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu dalam bidang di luar kepakaran lazim agar dapat segera memahami bagaimana pertimbangan kesihatan awam boleh memberikan impak kepada ekonomi dan sistem kewangan. Seperti juga di organisasi lain, Bank berdepan dengan cabaran yang memerlukan perubahan dengan segera kepada kaedah bekerja dari rumah atau secara jarak jauh. Perubahan ini memerlukan warga Bank mengimbangi pelbagai tuntutan pekerjaan, kekeluargaan dan kesihatan. Kesemua cabaran ini perlu dihadapi dalam persekitaran yang amat tidak menentu serta kekurangan maklumat yang mewajarkan Bank membuat penyesuaian yang pantas lagi kreatif supaya langkah tindak balas yang berkesan dapat diambil.

Setelah usaha menangani pandemik memasuki fasa baharu, pengalaman tahun lalu banyak memberikan iktibar kepada Bank untuk meningkatkan lagi ketangkasnya untuk berdepan krisis mendatang dan beroperasi dalam norma biasa. Melalui pengamatan daripada pelbagai sudut dan perspektif, Bank berupaya mengkaji dan menangani cabaran yang sukar sepanjang tahun 2020, serta menjalankan semua fungsinya dengan lancar bagi melaksanakan mandatnya. Bank akan terus memberikan keutamaan pada pelaburan modal insannya bagi memastikan pembangunan dan pengekalan keupayaan, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menghadapi perubahan yang dijangka berlaku dan ketidakpastian dalam dunia pascapandemik. Tambahan lagi, dengan norma bekerja yang baharu, Bank terus mengambil langkah-langkah untuk memperkukuh budaya dan nilai Bank, termasuk memastikan keterlibatan warga kerjanya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan aspirasi dan visi Bank, tanpa mengira tempat dan cara mereka bekerja. Akhir sekali, pandemik ini juga menekankan betapa perlunya Bank mengambil langkah segera untuk mempercepat pelaksanaan transformasi digital supaya warga Bank dilengkapi peralatan, teknologi dan data yang tepat bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan terbaik.

Sesungguhnya, pengalaman tahun lalu telah menjadikan saya lebih yakin dengan kemampuan Bank dalam mengharungi dan mengatasi cabaran-cabaran mendatang dengan penuh ketabahan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap warga Bank atas komitmen, dedikasi dan usaha gigih mereka dalam tempoh yang amat mencabar ini. Kebanyakan warga Bank telah menunjukkan kesungguhan bekerja melangkaui tuntutan tugas mereka demi memberikan khidmat terbaik kepada Bank dan negara. Saya juga sangat berterima kasih kepada Lembaga Pengarah Bank atas sokongan dan bimbingan yang diberikan.

Meskipun ekonomi negara kini semakin pulih daripada pandemik, masih banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan. Dalam persekitaran yang sangat tidak menentu ini, tiada ruang untuk kita cepat berasa selesa. Oleh itu, Bank beriltizam untuk melaksanakan mandatnya dengan standard profesionalisme dan integriti tertinggi. Dalam apa jua tindakan, Bank akan membuat pertimbangan yang teliti serta memastikan kesejahteraan orang ramai terpelihara bagi mendukung tradisi Bank sebagai institusi yang bertindak demi kepentingan negara.



Nor Shamsiah Yunus

Peranan Bank

- 7 **Menggalakkan Kestabilan Monetari**
- 13 *Rencana: Membina Penampan: Peranan dan Fungsi Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia*
- 20 **Menggalakkan Kestabilan Kewangan**
- 28 **Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Terangkum**
- 37 **Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Terangkum**
- 51 **Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak**
- 58 *Rencana: Menilai Keperluan Malaysia untuk Mata Wang Digital Bank Pusat*
- 62 **Pengeluaran Mata Wang**
- 68 *Rencana: Operasi Mata Wang semasa Pandemik COVID-19*
- 70 **Mengekalkan Integriti Kewangan**

Peranan Bank



Peranan Bank

Bank Negara Malaysia merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa Bank diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya¹.

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, Bank merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, Bank mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. Bank mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan Bank agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, Bank juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

Bank memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan

dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah Bank untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, Bank juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. Bank juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang lain, Bank memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, Bank telah bertindak balas terhadap risiko iklim. Pertama, melalui pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan yang bersesuaian bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Kedua, melalui penerapan amalan kelestarian dalam operasi Bank.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh Bank ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

¹ Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Dalam memainkan peranannya untuk menggalakkan kestabilan monetari, Bank berusaha melaksanakan dasar monetari yang bertujuan mengekalkan kenaikan paras harga umum barangan dan perkhidmatan yang rendah dan boleh dijangka serta mengambil kira perkembangan dan prospek ekonomi. Matlamat akhirnya adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Keputusan dasar monetari dibuat secara autonomi oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*), yang bermesyuarat enam kali setahun.¹ Bank menjalankan operasi monetari² bagi melaksanakan keputusan MPC.

Dasar monetari pada tahun 2020

Penularan pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020 telah mencetuskan suatu krisis kesihatan, yang kemudiannya mengakibatkan krisis ekonomi yang tidak dijangka dan belum pernah terjadi sebelum ini. Sebahagian besar ekonomi dunia mengalami

kejutan penawaran dan permintaan susulan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi membendung pandemik tersebut. Aktiviti pengeluaran, permintaan dan perjalanan di seluruh dunia telah terjejas teruk manakala aktiviti penghindaran risiko yang lebih ketara dalam kalangan pelabur dunia telah mengakibatkan volatiliti pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, rangsangan dasar yang signifikan yang diperkenalkan oleh banyak negara telah mengurangkan sebahagian daripada kesan pandemik terhadap ekonomi.


Malaysia turut terjejas akibat pandemik ini. Langkah-langkah pembendungan yang meluas, di samping penutupan sempadan antarabangsa yang diikuti oleh persekitaran permintaan luaran yang lemah, telah memberikan kesan yang besar terhadap kegiatan ekonomi dalam negeri. Pelaksanaan langkah-langkah pembendungan dalam bentuk perintah kawalan pergerakan dan prosedur operasi standard (*standard operating procedures, SOPs*), yang sememangnya diperlukan untuk mengawal penularan virus tersebut, bagaimanapun, telah mengekang aktiviti pengeluaran dan perbelanjaan dalam negeri. Akibatnya, keadaan pasaran pekerja menjadi sangat lemah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah rangsangan fiskal serta langkah-langkah monetari dan kewangan telah memberikan sokongan kepada ekonomi. Secara keseluruhan, pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020 (2019: +4.3%). Sementara itu, tekanan inflasi menjadi sederhana dan inflasi keseluruhan purata mencatatkan angka negatif iaitu -1.2% bagi tahun 2020 (2019: +0.7%) disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang jauh lebih rendah pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mengalami deflasi memandangkan kadar penurunan harga tidak berlaku secara berterusan ataupun meluas.

Pada setiap mesyuaratnya, MPC membuat penilaian sama ada kadar semasa bagi Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*), iaitu satu-satunya penunjuk pendirian dasar monetari, berada pada

¹ Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati pada bahagian 'Tadbir Urus' dalam laporan ini.

² Operasi monetari ialah operasi pasaran mengikut keperluan (*discretionary market operations*) dan merupakan mekanisme utama yang digunakan Bank untuk melaraskan mudah tunai dalam sistem perbankan. Pelarasan ini dilakukan dengan menyerap atau menambah mudah tunai melalui pelbagai jenis instrumen untuk mencapai matlamat operasinya iaitu kadar antara bank semalaman purata (*average overnight interbank rate, AOIR*). Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan boleh didapati pada bahagian 'Operasi Monetari' (*Monetary Operations*) di laman sesawang Bank.

Rajah 1: Gambaran Ringkas Mengenai Gangguan Terhadap Perkembangan Ekonomi, Perdagangan, Pasaran Pekerja dan Perjalanan Global yang Berpunca daripada Pandemik COVID-19



^a Anggaran

^p Awalan

^r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA)

paras wajar untuk memelihara kestabilan harga dan pada masa yang sama menyokong kegiatan ekonomi. Memandangkan kesan daripada tindakan dasar monetari biasanya mengambil masa antara tiga hingga empat suku tahun untuk mempengaruhi ekonomi dengan lebih nyata, MPC membuat keputusannya dengan menilai dan membincangkan prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan inflasi. Kakitangan Bank turut membantu dalam proses ini melalui pembentangan analisis pemantauan, hasil simulasi, analisis senario, dapatan penyelidikan dan unjuran mereka kepada MPC. MPC juga mengambil kira risiko ketidakseimbangan kewangan yang boleh menjejaskan sektor ekonomi yang lebih luas.

Pada tahun 2020, MPC mengurangkan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif daripada 3.00% kepada 1.75% dalam empat mesyuarat MPC yang diadakan pada bulan Januari, Mac, Mei dan Julai. Kadar OPR pada 1.75% merupakan kadar terendah dalam sejarah. Pengurangan OPR ini bertujuan untuk memberikan sokongan yang sewajarnya kepada kegiatan ekonomi. Hal ini dilihat terutamanya ketika pandemik ini tercetus, lantaran menyebabkan timbulnya keperluan untuk mengurangkan kesannya terhadap sektor perniagaan dan isi rumah. Dalam keadaan kegiatan ekonomi yang merosot, pengurangan OPR membantu meringankan beban membayar balik hutang dan seterusnya

mengurangkan kekangan wang tunai bagi isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat korporat. Kadar faedah yang lebih rendah juga telah mengurangkan kos pembiayaan dan memberikan sokongan kepada pengembangan kredit baharu serta aktiviti pemerolehan dana. Rangsangan dasar daripada pengurangan OPR yang ketara pada tahun 2020 dijangka terus memberikan kesan positif kepada ekonomi pada tahun 2021.


Pelarasan OPR ini menyokong langkah-langkah monetari dan kewangan lain yang diambil oleh Bank serta langkah-langkah fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan pandemik terhadap ekonomi di samping menyokong pemulihan ekonomi. Pada dua mesyuarat terakhir MPC bagi tahun 2020, iaitu pada bulan September dan November, MPC mengambil keputusan untuk mengekalkan kadar OPR. Berdasarkan penilaian MPC, ekonomi dalam negeri berada pada landasan pemulihan dan dasar monetari yang akomodatif kekal pada tahap yang wajar. Di samping itu, MPC memberikan penekanan terhadap perlunya langkah pengurusan permintaan yang dilengkapi dasar dari sudut penawaran dan struktur. Hal ini penting untuk memastikan pemulihan ekonomi akan berterusan selepas berakhirnya pandemik.³

³ Butiran yang lebih terperinci mengenai analisis yang menjadi asas kepada keputusan MPC boleh didapati dalam Pernyataan Dasar Monetari dan Buletin Suku Tahunan BNM serta dalam Bab Satu Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 di laman sesawang Bank.

Bagi membolehkan keputusan dasar monetari menghasilkan kesan yang dikehendaki terhadap kegiatan ekonomi, Bank melaksanakan operasi monetari yang menumpukan pada usaha memastikan paras mudah tunai adalah mencukupi dalam sistem perbankan supaya kadar antara bank semalaman purata (*average overnight interbank rate, AOIR*) terus berada sekitar paras OPR. Hal ini seterusnya

mempengaruhi paras kadar faedah lain dalam ekonomi, seperti kadar deposit, kadar pinjaman dan kadar hasil bon yang memberikan kesan pada keputusan simpanan dan perbelanjaan isi rumah dan perniagaan. Bank menggunakan pelbagai instrumen dalam operasi monetarinya seperti peminjaman tanpa cagaran dan repo pelbagai tempoh jangka pendek bagi memastikan mudah tunai dalam pasaran

Rajah 2: Angka-angka Utama Dalam Negeri Secara Sepintas Lalu



* Berkuat kuasa 20 Januari 2021

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Mengalakkan Kestabilan Monetari

keuangan domestik mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan⁴ dalam ekonomi.

Pada tahun 2020, khususnya semasa permulaan krisis, pasaran kewangan global dan domestik berdepan dengan aktiviti penghindaran risiko dan keadaan ketidakpastian yang ketara. Hal ini lantas mengakibatkan beberapa tempoh episod volatiliti dalam pasaran kewangan dan aliran modal. Bagi memelihara keadaan pasaran kewangan yang teratur dan menyokong aktiviti pengantaraan kewangan, Bank menyuntik mudah tunai sejumlah RM63.6 bilion ke dalam pasaran kewangan domestik melalui pembelian secara terus sekuriti Kerajaan⁵, repo berbalik dan pelarasan terhadap Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement, SRR*). SRR dilaraskan pada bulan Mac dan Mei 2020 lalu menjadikan nisbah SRR dikurangkan daripada 3.00% kepada 2.00%. Sejalan dengan pengurangan ini, fleksibiliti sementara diberikan kepada semua institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities, MGS*) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues, MGII*) bagi mematuhi SRR.

Kadar pertukaran ringgit

Satu lagi peranan utama Bank adalah untuk memastikan operasi pasaran pertukaran asing kekal cekap dan berkesan. Kadar pertukaran ringgit memainkan peranan penting dalam ekonomi kerana kadar ini, antara lain, memberikan kesan terhadap harga eksport, import dan paras hutang negara dalam mata wang asing. Malaysia masih meneruskan dasar kadar pertukaran yang fleksibel bagi ringgit. Hal ini bermakna kadar pertukaran ringgit ditentukan terutamanya oleh permintaan dan penawaran pasaran. Kadar pertukaran ringgit yang fleksibel ini memainkan peranan penting dalam memastikan ekonomi mampu bertahan daripada kejutan luaran dengan membolehkan pelarasan yang bersesuaian dalam urus niaga ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Namun begitu, sebagai sebuah ekonomi terbuka yang terdedah kepada pergerakan aliran modal rentas sempadan yang besar, fleksibiliti ini ada

kalanya menyebabkan volatiliti yang agak tinggi dalam kadar pertukaran ringgit, khususnya apabila pelabur bertindak balas terhadap perkembangan utama global dan dalam negeri. Oleh itu, Bank terus memastikan agar pergerakan kadar pertukaran tidak begitu keterlaluan supaya kegiatan ekonomi dalam negeri seperti perdagangan dan pelaburan, tidak terganggu. Bank juga menyokong operasi pasaran pertukaran asing domestik yang teratur dengan memastikan terdapat mudah tunai yang mencukupi sepanjang masa melalui campur tangan pertukaran asing dua halanya.

Analisis dan penyelidikan

Pengawasan dan penyelidikan beranalisis yang rapi berhubung dengan isu-isu jangka pendek dan panjang, termasuk oleh pejabat wilayah Bank, memberikan sokongan kepada MPC dalam merumuskan keputusan dasar moneterinya.

Fokus utama Bank pada tahun 2020 adalah untuk menganalisis bagaimana pandemik dan langkah-langkah kesihatan serta dasar susulan yang dilaksanakan pada peringkat global dan dalam negeri telah mempengaruhi ekonomi, harga, pekerjaan dan akses kepada pembiayaan. Analisis ini juga penting dalam menilai tahap kekukuhan pemulihan yang dijangkakan. Bank menghadapi cabarannya yang tersendiri dan cukup besar memandangkan sifat krisis kesihatan awam ini berubah dengan cepat. Oleh itu, unjuran pertumbuhan sangat bergantung pada perkembangan dan andaian utama berhubung dengan keadaan pandemik dan tindak balas dasar pihak berkuasa di seluruh dunia. Data dan penunjuk berfrekuensi tinggi baharu seperti penunjuk mobiliti, transaksi kad kredit dalam talian dan penggunaan platform penghantaran dalam talian untuk barang runcit dan barang keperluan digunakan untuk mengukur kesan langkah-langkah pembendungan dan kadar pemulihan ekonomi.

Beberapa penyelidikan penting telah dijalankan oleh kakitangan Bank, termasuk menilai saluran dan penyebaran pandemik melalui ekonomi serta mengkaji tindak balas dasar fiskal, monetari dan kewangan pada peringkat global.⁶ Bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai kesan pandemik terhadap dinamik inflasi, kakitangan Bank juga

⁴ Pengantaraan kewangan merujuk urus niaga antara pemberi pinjaman, penyimpan dan peminjam, atau antara pelabur dengan firma dalam pasaran kewangan.

⁵ Sekuriti Kerajaan ini termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities, MGS*) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues, MGII*).

⁶ Rujuk rencana dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Pertama 2020 bertajuk 'Krisis dan Dasar: COVID-19 Memang Luar Biasa' di laman sesawang Bank untuk mengetahui analisis tersebut.

menilai beberapa cara inflasi terjejas dalam masa terdekat dan memberikan penilaian awal tentang kesan jangka panjang terhadap inflasi yang mungkin berlaku berikutan perubahan struktur dalam ekonomi akibat pandemik.⁷ Memandangkan inflasi keseluruhan mengalami kadar negatif pada tahun 2020, kakitangan Bank telah menilai kriteria yang boleh menyebabkan persekitaran deflasi.^{8 9} Bagi menilai potensi risiko deflasi dengan lebih baik, kakitangan Bank memperluas skop analisis mereka dengan membentuk rangka kerja untuk mengenal pasti barangan dalam kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang paling mudah terjejas akibat perubahan harga sekiranya pandemik kembali menular.

Bank juga menilai kesan pindahan berikutan langkah pengurangan OPR terhadap pasaran kewangan domestik, sistem perbankan, ekonomi dan inflasi. Selain itu, memandangkan persekitaran kadar faedah yang rendah di seluruh dunia, penyelidikan berhubung dengan had bawah efektif (*effective lower bound*, ELB) dijalankan bagi menilai ruang dasar monetari Bank.¹⁰

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Bersama (*Joint Policy Committee*, JPC) diadakan untuk menilai secara menyeluruh isu-isu yang memberi implikasi terhadap kestabilan monetari dan kewangan. JPC mengadakan mesyuaratnya pada tahun 2020 untuk mempertimbangkan penilaian yang mendalam berhubung dengan kesan pandemik terhadap kualiti aset dan aktiviti pemberian pinjaman institusi perbankan serta potensi implikasinya terhadap prospek pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. Perhatian khusus diberikan kepada penilaian potensi risiko jurang yang semakin besar antara permintaan dengan penawaran kredit yang berpunca daripada perubahan kesanggupan dan sikap untuk membuat dan memberi pinjaman.

Pada tahun 2020, Bank terus memberikan sokongan khidmat nasihat kepada Kerajaan dalam mengemudi ekonomi negara ketika menghadapi

krisis. Gabenor Bank merupakan anggota Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council*, EAC), dan Bank turut menyertai beberapa kumpulan dasar terpilih yang memberikan tumpuan pada pelbagai perkara keutamaan ekonomi termasuk merumuskan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Dalam usaha mengurangkan kesan pandemik terhadap pertumbuhan ekonomi, Bank secara aktif telah mengemukakan cadangan langkah-langkah tindak balas dasar jangka pendek dan sederhana bagi melindungi kehidupan dan punca pendapatan rakyat Malaysia. Selanjutnya, sebagai penasihat kewangan Kerajaan, Gabenor juga merupakan anggota Jawatankuasa Dasar Fiskal (*Fiscal Policy Committee*, FPC) yang bertanggungjawab memperkukuh kewangan sektor awam dan memelihara kemampaan fiskal jangka panjang. Di samping itu, Bank juga memberikan sokongan terhadap strategi untuk memelihara penarafan kredit negara.

Bank telah mempergiatkan kerja-kerja penyelidikannya yang berkaitan dengan isu jangka panjang dan isu struktur yang dihadapi oleh ekonomi negara. Penyelidikan ini tertumpu terutamanya pada keutamaan mengurangkan kesan kerosakan yang berkekalan kepada ekonomi akibat krisis serta membina daya tahan dan ketangkasan ekonomi untuk masa hadapan. Bidang utama penyelidikan ini termasuk strategi untuk menggalakkan pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif, keperluan pembaharuan yang berterusan bagi dasar dan insentif pelaburan, keperluan segera untuk pembaharuan menyeluruh dalam pasaran pekerja, serta keperluan meningkatkan usaha-usaha pendigitalan.¹¹

Komunikasi dan jangkauan

Meskipun terdapat sekatan pergerakan dan keperluan penjarakan fizikal, perbincangan dan interaksi Bank dengan orang ramai, pihak media, ahli ekonomi dan peserta pasaran kewangan tentang isu-isu ekonomi dan pasaran kewangan terus berjalan lancar sepanjang tahun 2020, terutamanya melalui platform dalam talian. Sidang akhbar bagi Laporan Tahunan Bank 2019, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019, Buletin Suku Tahunan Bank dan inisiatif interaksi Bank yang lain telah diadakan secara maya. Usaha-usaha sebelum ini

⁷ Rujuk rencana dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Kedua 2020 bertajuk 'COVID-19: Kesannya terhadap Inflasi' di laman sesawang Bank untuk mengetahui analisis tersebut.

⁸ Deflasi ditakrifkan sebagai penurunan harga yang berterusan dan meluas.

⁹ Rujuk rencana dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ketiga 2020 bertajuk 'Memahami Deflasi' di laman sesawang Bank untuk mengetahui analisis tersebut.

¹⁰ Rujuk rencana bertajuk 'Pembelian Aset oleh Bank Pusat' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 untuk mengetahui analisis tersebut.

¹¹ Rujuk rencana bertajuk 'Memastikan Set Semula Penting Adalah Tepat: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 untuk mengetahui analisis tersebut.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

untuk meningkatkan kehadiran Bank secara dalaman telah membolehkan maklumat, penilaian dan analisis terus dikongsikan dengan lancar. Dalam keadaan ketidakpastian yang ketara akibat pandemik, Bank turut mempergiat interaksi dan perbincangannya dengan institusi kewangan, firma, ahli industri, pelabur langsung asing dan bank pusat lain, termasuk interaksi melalui pejabat wilayah Bank. Kesemua interaksi tersebut bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai keadaan ekonomi, harga dan kewangan. Tindakan ini bagi membolehkan Bank membuat penilaian yang mantap berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Penerbitan Bank terus memberikan maklumat berkenaan dasar monetari dan analisis ekonomi yang komprehensif dan tepat pada masanya. Pernyataan Dasar Monetari (*Monetary Policy Statement, MPS*) memberikan penilaian MPC mengenai prospek ekonomi dan rasional di sebalik keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini. Sorotan Bulanan pula memberikan maklumat bulanan terkini mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan. Analisis ekonomi yang lebih mendalam pula terkandung dalam Buletin Suku Tahunan Bank. Beberapa pembaharuan telah dibuat kepada Laporan Tahunan Bank 2019 agar isi kandungannya lebih mudah difahami oleh masyarakat umum, sementara Tinjauan Ekonomi dan Monetari pula dilancarkan pada tahun 2020 sebagai penerbitan teknikal khusus

untuk berkongsi penilaian dan unjuran prospek ekonomi yang dibuat oleh Bank.¹² Sejalan dengan trend komunikasi yang lebih berbentuk digital, kandungan penerbitan Bank turut disiarkan melalui platform media sosial.

Langkah selanjutnya

Dalam keadaan pandemik yang terus tidak menentu pada peringkat global dan dalam negeri pada tahun 2021, Bank akan terus melaksanakan dasar yang memudahkan kadar pemulihan ekonomi serta kemampuan pemulihan tersebut. Dalam hal ini, penilaian dasar monetari oleh MPC akan didorong oleh data, memandangkan maklumat yang akan diperoleh mengenai perkembangan ekonomi dan monetari menjadi sangat penting untuk memastikan dasar monetari kekal akomodatif bagi menyokong ekonomi. Operasi monetari akan terus tertumpu pada usaha memastikan mudah tunai mencukupi dalam pasaran pertukaran asing, bon dan wang, serta menyokong dasar Bank lain bagi memastikan pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur dan pengantaraan kewangan terus berjalan lancar tanpa gangguan. Bank juga akan terus mengemukakan pandangan dan sarannya kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah dasar yang wajar bagi membantu Malaysia kembali pulih selepas pandemik ini serta memperkukuh daya tahan negara demi masa hadapan.

¹² Pernyataan Dasar Monetari, Sorotan Bulanan, Buletin Suku Tahunan BNM, Laporan Tahunan BNM 2019 serta Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 boleh didapati di laman sesawang Bank.

Membina Penampakan: Peranan dan Fungsi Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia

Pengenalan

Rizab antarabangsa merupakan sebahagian daripada aset kewangan luaran sebuah negara yang dipegang di negara lain. Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) mentakrifkan aset rizab antarabangsa sebagai “Aset luaran yang sudah tersedia kepada dan dikawal oleh bank-bank pusat atau pihak berkuasa monetari¹ untuk memenuhi keperluan pembiayaan imbangan pembayaran² (*balance of payments*, BOP), bagi campur tangan dalam pasaran pertukaran bagi mempengaruhi kadar pertukaran mata wang, dan untuk tujuan lain yang berkaitan”³. Perkara ini membezakan rizab antarabangsa dengan tabungan atau dana domestik yang lain, kerana ia ditakrifkan secara khusus dan dimaksudkan untuk memenuhi tujuan tertentu.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) memainkan peranan penting dalam pengurusan makroekonomi Malaysia. Secara khusus, ia membantu ekonomi negara menghadapi aliran keluar modal yang besar dan tidak menentu, seterusnya memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan, serta mengekalkan keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan orang ramai. Rencana ini menggariskan faktor-faktor pengumpulan dan penggunaan rizab, dan menerangkan secara ringkas pengurusan rizab antarabangsa BNM. Rencana ini juga memberikan penerangan berhubung dengan salah tanggapan orang ramai mengenai rizab antarabangsa BNM.

Bagaimanakah negara-negara mengumpulkan rizab antarabangsa dan mengapa mereka memegangnya?

Negara-negara, khususnya ekonomi sedang pesat membangun⁴, mengumpulkan rizab antarabangsa terutamanya daripada aliran masuk perdagangan dan pelaburan rentas sempadan. Aktiviti-aktiviti ini menghasilkan aliran masuk mata wang asing dan meningkatkan permintaan terhadap mata wang domestik dalam pasaran pertukaran asing. Bank pusat menjalankan operasi pasaran pertukaran asing apabila perlu bagi memastikan mudah tunai mencukupi dan pasaran pertukaran asing yang teratur. Operasi ini menghasilkan pengumpulan atau pengeluaran rizab antarabangsa sebagai produk sampingan. Magnitud campur tangan pasaran pertukaran asing dan saiz pemegangan rizab antarabangsa berbeza-beza di setiap negara dan bergantung pada obligasi pertukaran asing negara itu, kecenderungan kepada aliran keluar modal dan jenis rejim kadar pertukaran.

Mengambil iktibar daripada krisis-krisis terdahulu, motif jaminan sendiri atau berjaga-jaga lebih banyak berlaku dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Perkara ini diperlihatkan semasa Taper Tantrum 2013⁵, apabila penampakan rizab antarabangsa yang mencukupi membolehkan ekonomi sedang pesat membangun yang terkesan menghadapi aliran keluar modal daripada pasaran kewangan domestik tanpa meninggalkan kesan buruk terhadap ekonomi. Selepas Krisis Kewangan Asia, banyak ekonomi sedang pesat membangun juga mencapai kemajuan yang besar dalam usaha membangunkan dan mendalami lagi pasaran kewangan domestik mereka bagi mengurangkan pergantungan kepada pembiayaan luaran.

¹ Di kebanyakan negara, bahagian utama rizab antarabangsa ialah pemegangan mata wang asing serta deposit dan sekuriti mata wang asing oleh bank-bank pusat atau pihak berkuasa monetari.

² Imbangan pembayaran merangkumi perdagangan antarabangsa dan urusan niaga kewangan/pelaburan antara pemastautin sebuah negara dengan negara lain di dunia.

³ Tujuan lain yang berkaitan termasuk mengekalkan keyakinan terhadap mata wang dan ekonomi dalam negeri, dan berfungsi sebagai asas untuk peminjaman asing (Sumber: International Monetary Fund (2013). “International Reserves and Foreign Currency for Data Template”).

⁴ Merangkumi 156 negara membangun seperti yang dikenal pasti oleh IMF.

⁵ Estrada, G., Park D., Ramayandi A. (2015). “Taper Tantrum and Emerging Equity Market Slumps”. Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank, ADB).

Jadual 1: Motivasi dalam Mengumpul dan Memegang Rizab Antarabangsa

<ul style="list-style-type: none"> • Motif berjaga-jaga bagi memastikan kemampuan memenuhi obligasi luaran, terutamanya semasa aliran keluar modal yang besar 	<p>Secara umumnya, negara memegang rizab antarabangsa untuk memenuhi obligasi luaran. Sekiranya berlaku kejutan ekonomi atau kewangan, aliran keluar modal yang besar mungkin mengurangkan mudah tunai mata wang asing dengan ketara dalam pasaran kewangan domestik. Ini boleh menyebabkan permintaan terhadap mata wang asing tidak dapat dipenuhi dengan cekap. Perkara ini boleh mengganggu kemampuan negara untuk memenuhi obligasi luarannya dengan lancar kerana menghadapi kesukaran untuk mendapatkan mata wang asing. Tahap rizab antarabangsa yang mencukupi memberikan jaminan kepada pemiutang luaran dan pelabur bukan pemastautin mengenai kemampuan negara untuk memenuhi obligasi luarannya meskipun dalam keadaan pasaran yang teruk. Tindakan ini dilakukan melalui penggunaan rizab antarabangsa untuk memastikan mudah tunai mata wang asing yang mencukupi dalam pasaran kewangan domestik. Bank for International Settlements menganggarkan bahawa lebih daripada separuh pengumpulan rizab antarabangsa antara tahun 2000 dan 2016 didorong oleh motif berjaga-jaga⁶.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan pasaran mata wang asing domestik berfungsi dengan lancar dan teratur 	<p>Rizab antarabangsa bertindak sebagai penampan yang membolehkan bank pusat melakukan campur tangan pasaran pertukaran asing apabila perlu bagi mengekalkan keadaan pasaran pertukaran asing domestik yang teratur dan mengelakkan volatiliti kadar pertukaran yang berlebihan. Perkara ini sangat penting semasa tempoh tekanan pasaran pertukaran asing. Volatiliti yang berlebihan dalam pasaran pertukaran asing meningkatkan kos urus niaga pertukaran asing dan lindung nilai bagi perniagaan. Perkara ini boleh menjejaskan keputusan perdagangan dan pelaburan. Oleh itu, memegang rizab antarabangsa yang mencukupi memberikan keyakinan kepada peserta pasaran bahawa bank pusat boleh meminimumkan volatiliti kadar pertukaran yang berlebihan, dan dengan itu mengelakkan panik dalam pasaran pertukaran asing disebabkan oleh tingkah laku kelompok (<i>herd behaviour</i>) dalam kalangan peniaga mata wang asing.</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Mercantilist/daya saing eksport 	<p>Campur tangan dalam pasaran pertukaran asing juga dapat mengurangkan tekanan penambahan nilai berterusan terhadap kadar pertukaran negara. Dengan berbuat demikian, bank pusat mengekalkan kadar pertukaran di bawah nilai yang memelihara daya saing eksport. Melalui pembelian pertukaran wang asing, bank pusat menyerap aliran masuk mata wang asing, mengumpul rizab antarabangsa dan menyekat kenaikan nilai mata wang domestik negara. Negara-negara ini dapat mengekalkan lebih akaun semasa dan perdagangan yang besar sehingga memburukkan kedudukan defisit akaun semasa dan perdagangan bagi rakan perdagangan mereka. Perkara ini mungkin mengundang tindakan terutamanya oleh negara-negara yang mengalami defisit akaun semasa dan perdagangan yang berpanjangan. Bahkan ia boleh menggalakkan negara-negara yang terkesan untuk melemahkan mata wang domestik mereka dan melaksanakan dasar perlindungan dalam bentuk tarif atau bukan tarif bagi melindungi industri dalam negeri daripada persaingan asing yang tidak adil. Malaysia tidak berpegang pada amalan memelihara atau memperoleh daya saing eksport melalui penambahan rizab antarabangsa kerana ia tidak berkekalan dan boleh membawa kepada kesan yang tidak diingini termasuk tindakan balas daripada rakan perdagangan.</p>

⁶ Arslan Y., Cantu C. (2019). "The Size of Foreign Exchange Reserves". Bank for International Settlements (BIS).

- **Alat untuk menambat mata wang di bawah rejim kadar pertukaran tetap**



Turun naik kadar pertukaran boleh menyebabkan ketidakpastian dan penghindaran risiko yang mengakibatkan keputusan dan aktiviti penggunaan dan pelaburan yang lemah. Sebagai contoh, kadar pertukaran yang turun naik mendadak dan tidak menentu boleh menghalang pelaburan jangka panjang kerana kesukaran menilai masa yang sesuai untuk penukaran kepada mata wang asing bagi tujuan pelaburan. Oleh itu, negara-negara mungkin memutuskan untuk menggunakan rizab antarabangsa mereka bagi memastikan kestabilan kadar pertukaran, termasuk menambat mata wang domestik mereka kepada satu mata wang asing tertentu atau sekumpulan mata wang asing. Rizab antarabangsa mungkin dikumpulkan atau digunakan ekoran aktiviti campur tangan pasaran pertukaran asing yang bertujuan menstabilkan pergerakan kadar pertukaran. Dengan ruang yang terbatas atau ketiadaan ruang untuk penambahan atau penyusutan nilai kadar pertukaran, negara-negara dengan rejim kadar pertukaran tetap atau kadar pertukaran yang membolehkan penambahan atau penyusutan nilai berlaku secara beransur-ansur (*crawling exchange rate regime*) akan memerlukan penampungan rizab antarabangsa yang lebih besar bagi mempertahankan tahap sasaran kadar pertukaran tertentu semasa tempoh aliran keluar modal yang besar.

Pemegangan rizab antarabangsa BNM: Motivasi dan pengurusan

Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (*Central Bank of Malaysia Act, CBA 2009*), BNM diamanahkan untuk memegang dan mengurus rizab antarabangsa bagi tujuan memastikan kestabilan kewangan dan monetari, serta mengekalkan keyakinan orang ramai⁷. Memandangkan integrasi yang mendalam bagi perdagangan dan kewangan Malaysia dengan ekonomi global⁸, pemegangan rizab antarabangsa sangat penting sebagai alat yang dapat digunakan untuk melindungi ekonomi dalam negeri terhadap kebalikan aliran modal secara tiba-tiba. Dalam hal ini, rizab antarabangsa yang dipegang oleh BNM terutamanya adalah untuk tujuan berjaga-jaga bagi memudahkan perdagangan antarabangsa dan urus niaga kewangan, dan untuk memastikan keadaan pasaran pertukaran asing yang teratur, terutamanya semasa ekonomi atau kewangan negara menghadapi tekanan.

Pengurusan rizab antarabangsa oleh BNM tertakluk pada rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko yang ketat yang dihasilkan berdasarkan CBA 2009. Rangka kerja ini menetapkan garis panduan khusus untuk mengurus rizab antarabangsa, termasuk aset yang dibenarkan, had pelaburan dan penanda aras pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah BNM. Peruntukan pelaburan rizab antarabangsa memastikan mudah tunai pertukaran asing yang mencukupi sambil memenuhi matlamat jangka panjang untuk memelihara modal, risiko dan pulangan⁹. Perkara ini memerlukan pemegangan portfolio yang sangat pelbagai, yang mampu bertahan menghadapi keadaan pasaran dunia yang teruk. Jawatankuasa Pengurusan Rizab mengawasi strategi pelaburan dan menilai semula risiko yang timbul daripada prospek pasaran ekonomi dan kewangan dunia. Rangka kerja pengurusan risiko membantu memastikan kemampunan dan kecukupan rizab antarabangsa BNM untuk memenuhi obligasi luaran Malaysia.

Pendedahan tanggapan salah mengenai rizab antarabangsa

Bahagian rencana ini bertujuan untuk menjawab salah tanggapan orang ramai mengenai rizab antarabangsa BNM.

⁷ Seksyen 5(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

⁸ Seperti yang diukur oleh keterbukaan perdagangan dan kewangan. Pada akhir tahun 2020, keterbukaan perdagangan (jumlah eksport dan import barang dan perkhidmatan dibahagi dengan KDNK) Malaysia berada pada 117% daripada KDNK sementara keterbukaan kewangan (jumlah aset dan liabiliti kewangan luaran dibahagikan dengan KDNK) berada pada 266% daripada KDNK.

⁹ "Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman". Laporan Tahunan BNM 2019.

Salah Tindakan 1:

Rizab antarabangsa Malaysia terlalu rendah.


Berdasarkan pelbagai penanda aras yang diterima pada peringkat antarabangsa (Rajah 1), rizab antarabangsa BNM pada akhir tahun 2020 kekal mencukupi, dan tidak rendah atau terlalu tinggi. Memandangkan tahap keterbukaan perdagangan dan kewangan Malaysia yang tinggi, memiliki rizab antarabangsa yang mencukupi adalah penting untuk mengurangkan kesan kebalikan aliran modal yang mendadak.

Rajah 1: Penunjuk Kecukupan Rizab Antarabangsa¹

Liputan rizab antarabangsa ke atas import (bulan)

Mengukur keupayaan negara untuk membiayai import jika aliran bersih modal lain terhenti.

Bilangan bulan liputan ke atas import




* Malaysia menggunakan import tertangguh sebagai penanda aras.

Liputan rizab antarabangsa ke atas hutang luar negeri jangka pendek (kali)

Mengukur keupayaan negara untuk membiayai hutang luar negeri yang akan matang dalam masa 12 bulan jika aliran bersih modal lain terhenti.


Liputan rizab ke atas hutang luar negeri jangka pendek, kali



Liputan rizab antarabangsa ke atas wang secara luas (peratus)

Mengukur keupayaan negara untuk mengharungi aliran keluar modal jika aliran bersih modal lain terhenti.


Liputan rizab ke atas wang secara luas, %



Liputan rizab antarabangsa dengan metrik IMF Assessing Reserves Adequacy (ARA; peratus)

Mengukur keupayaan negara untuk memenuhi keperluan mata wang asing dengan mengambil kira tahap eksport, wang secara luas, hutang luar negeri jangka pendek dan liabiliti lain.

Liputan rizab ke atas metrik IMF ARA, %



¹ Pada akhir tahun 2020, kecuali data bagi Argentina, Colombia, Mesir, Filipina, Poland, RR China, Rusia, Thailand dan Turki untuk rajah liputan rizab antarabangsa ke atas hutang luar negeri jangka pendek, di mana data adalah pada akhir September 2020.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, CEIC Data, pihak berkuasa kebangsaan dan Bank Negara Malaysia

Pengumpulan rizab antarabangsa telah bergerak seiring dengan potensi mudah tunai pertukaran asing yang diperlukan oleh ekonomi. Rizab antarabangsa BNM menepati nilai ambang kecukupan rizab tetapi tidak melebihi penanda aras ini dengan ketara. Oleh itu, rizab antarabangsa adalah mencukupi dan tidak berlebihan¹⁰.

Salah Tindakan 2:

Rizab antarabangsa dapat digunakan untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan dan membayar sebahagian daripada hutang Kerajaan.

Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia terdedah kepada aliran modal dua hala yang mendadak dengan nilai yang cukup besar. BNM diberi kepercayaan untuk memastikan kesan aliran modal ini diurus dengan baik bagi memelihara pasaran pertukaran asing yang teratur dan keadaan makroekonomi yang stabil. Rizab antarabangsa BNM berada pada tahap yang setara dengan liabiliti luaran Malaysia. Penyusutan rizab antarabangsa BNM untuk tujuan lain akan menjejaskan kemampuan Malaysia untuk menghadapi dan bertindak balas terhadap kejutan luaran, dengan itu mendedahkan negara kepada risiko yang besar semasa tempoh tekanan.

Pengalaman negara dengan episod-episod lepas mengenai aliran modal yang besar dan tidak menentu, yang terkini pada tahun 2015, menunjukkan betapa pentingnya memegang jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi. Malaysia telah mengalami beberapa episod kebalikan aliran modal yang besar. Sebagai contoh, semasa Krisis Kewangan Global Tahun 2008-2009 dan episod-episod kejutan harga minyak tahun 2014-2015, aliran keluar portfolio masing-masing berjumlah USD26.0 bilion (S3 2008 - S1 2009) dan USD13.7 bilion (S3 2014 - S3 2015). Semasa episod-episod ini, BNM menggunakan rizab antarabangsa untuk mengimbangi aliran keluar mudah tunai mata wang asing yang ketara dan memastikan pasaran pertukaran asing domestik berfungsi dengan teratur. Tindakan ini berjaya mengurangkan turun naik kadar pertukaran ringgit yang berlebihan yang pasti menjejaskan ekonomi Malaysia. Hal ini menunjukkan pentingnya pemegangan rizab antarabangsa yang mencukupi untuk meminimumkan sebarang kesan buruk kepada ekonomi akibat aliran keluar modal yang besar. Perkara ini juga menegaskan bahawa rizab antarabangsa BNM diperlukan untuk tujuan yang ditetapkan dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain, termasuk membiayai defisit fiskal Kerajaan atau melunaskan hutang Kerajaan. Pembiayaan perbelanjaan fiskal menggunakan rizab antarabangsa dipandang negatif oleh pelabur dan penganalisis pasaran kewangan kerana ia memberikan isyarat bahawa rizab antarabangsa mungkin menyusut lagi.

Salah Tindakan 3:


BNM menggunakan rizab antarabangsa untuk mencapai tahap kadar pertukaran ringgit yang khusus.

BNM tidak meletakkan sasaran pada sebarang tahap kadar pertukaran ringgit yang khusus. Malaysia mengekalkan dasar kadar pertukaran fleksibel dengan tahap kadar pertukaran ringgit ditentukan oleh pasaran.¹¹ Hal ini membolehkan kadar pertukaran memainkan peranan penting dalam ekonomi terutamanya untuk bertindak balas, dan menyerap kesan kejutan luaran secara berkesan (lihat Rajah 2). Seperti yang dinyatakan dalam bahagian rencana sebelum ini, tujuan BNM memegang rizab antarabangsa adalah untuk mengekalkan fungsi

¹⁰ Mengumpul rizab antarabangsa yang besar melibatkan kos melepas (*opportunity cost*) apabila dana mata wang asing yang berlebihan disimpan dalam bentuk aset rizab yang sangat mudah tunai dan lebih konservatif. Di samping itu, pengumpulan rizab antarabangsa yang agresif boleh menjejaskan peranan kadar pertukaran terapung dan mungkin ditafsirkan oleh rakan perdagangan sebagai mengejar motif daya saing eksport. Perkara ini boleh menyebabkan beberapa akibat termasuk kurang pelaburan dalam sektor dalam negeri, terlalu bergantung pada sektor eksport dan langkah tindakan balas daripada rakan perdagangan seperti yang dibincangkan dalam bahagian sebelumnya.

¹¹ IMF mengklasifikasikan kadar pertukaran ringgit di bawah pengaturan terapung, yang ditakrifkan sebagai "sebahagian besarnya ditentukan oleh pasaran, tanpa landasan yang dapat dipastikan atau dapat diramalkan untuk kadar itu". Di samping itu, klasifikasi ini mengakui bahawa negara-negara dengan pengaturan kadar pertukaran terapung melakukan campur tangan pertukaran asing, khususnya untuk mengekalkan fungsi pasaran pertukaran asing yang teratur. Di bawah takrifan ini, campur tangan pertukaran asing bukan bertujuan untuk membuat sasaran pada kadar pertukaran yang khusus.

Rajah 2 : Paras Rizab Antarabangsa dan Kadar Pertukaran RM/USD



* Merujuk Krisis Kewangan Global 2008-2009

Sumber : Bank Negara Malaysia

pasaran pertukaran asing domestik yang teratur. Oleh itu, operasi campur tangan pertukaran asing BNM adalah bertujuan untuk mencegah keadaan pasaran pertukaran asing yang tidak teratur dan mengelakkan turun naik kadar pertukaran yang berlebihan dengan memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran pertukaran asing domestik. Penting untuk dinyatakan bahawa operasi campur tangan pertukaran asing ini dilakukan dalam tempoh tambah nilai dan susut nilai ringgit. Campur tangan pertukaran asing dua hala ini menegaskan bahawa BNM tidak membuat sasaran pada kadar pertukaran khusus.

Usaha berterusan untuk mengukuhkan daya tahan luaran Malaysia

Liberalisasi Dasar Pertukaran Asing secara progresif¹² telah menghasilkan pengumpulan aset luaran oleh syarikat dan institusi perbankan berjumlah USD365.5 bilion pada akhir tahun 2020, meningkat daripada USD62.6 bilion pada akhir tahun 2001. Aset luaran ini boleh digunakan oleh entiti dalam negeri bagi memenuhi obligasi luaran mereka tanpa membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa.

Bagi mengukuhkan lagi daya tahan luaran Malaysia, BNM terus melaksanakan inisiatif untuk mendalamkan pasaran kewangan domestik dan menggalakkan pengurusan risiko pertukaran asing yang lebih aktif oleh syarikat, institusi perbankan dan isi rumah. Inisiatif ini termasuk meningkatkan akses pasaran pertukaran asing domestik dan memudahkan pembangunan dan penawaran produk dan instrumen lindung nilai pertukaran asing yang cekap untuk melindungi daripada turun naik kadar pertukaran. Langkah-langkah ini meningkatkan kadar pertukaran fleksibel Malaysia bagi memenuhi tujuannya sebagai barisan pertama pertahanan dalam memudahkan penyesuaian ekonomi gerak balas kepada kejutan. Di samping itu, inisiatif ini telah membantu meningkatkan nilai transaksi bulanan purata swap, urus niaga hadapan dan opsiyen pertukaran asing daripada USD67.3 bilion pada tahun 2012 kepada USD171.9 bilion pada tahun 2020.

¹² Satu set langkah kehematan yang berkaitan dengan pasaran pertukaran asing bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memelihara kedudukan imbalan pembayaran.

Usaha berterusan untuk memajukan kerjasama antarabangsa dan kemudahan akses kepada jaringan keselamatan kewangan global dan serantau melengkapkan tindakan negara untuk meningkatkan daya tahan ekonomi kewangan. Contoh penting ialah Inisiatif Multilateralisasi Chiang Mai, iaitu perjanjian pertukaran mata wang multilateral serantau antara ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan, yang bertujuan untuk memenuhi keperluan imbangan pembayaran dan mudah tunai pertukaran asing jangka pendek. Inisiatif ini dapat memainkan peranan tambahan untuk menyokong rizab antarabangsa sedia ada.

Kesimpulan

Rizab antarabangsa BNM kekal mencukupi, tetapi tidak berlebihan, bagi memenuhi potensi keperluan mata wang asing ekonomi semasa tempoh kejutan. Hal ini adalah untuk memastikan perdagangan antarabangsa dan urus niaga kewangan tidak terganggu dalam tempoh tekanan pasaran. Campur tangan BNM adalah selaras dengan rejim kadar pertukaran fleksibel Malaysia yang membolehkan penyesuaian makroekonomi yang diperlukan berlaku sebagai tindak balas kepada kejutan luaran. Di samping itu, ketersediaan instrumen lindung nilai kadar pertukaran secara meluas membolehkan perniagaan dan individu melindungi diri mereka daripada turun naik kadar pertukaran. Penyertaan Malaysia dalam jaringan keselamatan kewangan antarabangsa serantau dan global memberikan satu lagi lapisan penampan terhadap kejutan mudah tunai mata wang asing. Oleh itu, rizab antarabangsa perlu digunakan secara berhemat dan tepat berikutan peranannya yang begitu penting.

Rujukan

- Adams C., Park D. (2009). "Causes and Consequences of Global Imbalances: Perspective from Developing Asia". Asian Development Bank.
- Arslan Y., Cantu C. (2019). "The Size of Foreign Exchange Reserves". Bank for International Settlements (BIS) Papers No. 104.
- Bank Negara Malaysia (2020). "Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman". Laporan Tahunan BNM 2019
- Estrada, G., Park D., Ramayandi A. (2015). "Taper Tantrum and Emerging Equity Market Slumps". Asian Development Bank.
- International Monetary Fund (2013). "International Reserves and Foreign Currency Liquidity: Guidelines for a Data Template".
- International Monetary Fund (2020). "Annual Report on Exchange Arrangements and Exchange Restrictions 2019".
- Seksyen 5(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Mandat Bank adalah untuk memastikan kestabilan kewangan kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank melaksanakan mandat ini dengan memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan sepanjang kitaran ekonomi dan berupaya menghadapi kejutan. Dalam hal ini, Bank perlu memastikan institusi kewangan berdaya tahan dan diurus dengan baik, membangunkan sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan boleh diyakini, serta memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan teratur. Sistem kewangan yang kukuh dan stabil akhirnya menyumbang kepada perkhidmatan yang selamat dan berkesan kepada pengguna kewangan.

Keutamaan kestabilan kewangan pada tahun 2020

Gangguan dan impak terhadap ekonomi akibat pandemik COVID-19 menimbulkan cabaran yang besar kepada institusi-institusi kewangan. Bank Negara Malaysia (Bank) telah menyelaraskan keutamaan pengawalan dan penyeliaan untuk mencapai tiga objektif utama. Pertama, untuk memastikan institusi-institusi kewangan mempunyai penampungan yang

mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan semasa krisis dan pada fasa pemulihan. Kedua, untuk mengurangkan tekanan aliran tunai bagi peminjam yang terjejas melalui pemberian bantuan yang tepat pada masanya dan yang terselaras. Ketiga, untuk mengurangkan tingkah laku prokitaran yang boleh meningkatkan risiko kewangan dan makroekonomi.


Berikutan sekatan pergerakan yang telah menyebabkan gangguan dalam seluruh ekonomi, institusi-institusi kewangan mengambil langkah-langkah penyesuaian dalam pengaturan bekerja dengan serta-merta bagi memastikan perkhidmatan kewangan tetap diteruskan dan pada masa yang sama melindungi keselamatan dan kesihatan kakitangannya. Tindakan terselaras dalam institusi kewangan dan merentas industri penting bagi menangani risiko operasi dengan berkesan dalam keadaan yang belum pernah dihadapi sebelum ini (Gambar Rajah 1).

Tiada kerugian atau kejadian risiko operasi yang besar berlaku pada tahun 2020. Hal ini kerana institusi-institusi kewangan mempertingkatkan kawalan dan proses tadbir urus untuk mengenal pasti dan memberikan respons dengan pantas terhadap gangguan operasi akibat perintah kawalan pergerakan. Namun begitu, pandemik ini secara asasnya menguji pelan kesinambungan perniagaan dan pemulihan bencana institusi-institusi kewangan kerana pelan tersebut tidak dirangka untuk mengatasi gangguan operasi yang unik dan untuk tempoh yang lama seperti ini. Kini, kebanyakan institusi kewangan telah mengemas kini pelan kesinambungan perniagaan mereka dengan keupayaan operasi yang lebih kukuh untuk bersedia menghadapi gangguan operasi yang lebih meluas dan berterusan pada masa hadapan.

Perbankan – Langkah-langkah bantuan COVID-19

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang diumumkan pada bulan Mac 2020, Bank telah bekerjasama dengan industri

Gambar Rajah 1: Tindak balas penting untuk mengurus risiko operasi dalam persekitaran COVID-19




perbankan untuk melaksanakan moratorium secara automatik selama enam bulan bagi bayaran balik pinjaman/pembiayaan untuk individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang layak mulai 1 April 2020. Langkah ini telah memberikan bantuan aliran tunai segera kepada isi rumah dan perniagaan pada skala dan kepantasan yang diperlukan apabila kegiatan ekonomi tergendala secara tiba-tiba. Kira-kira 8 juta peminjam individu dan 250,000 peminjam PKS telah memperoleh manfaat daripada moratorium secara automatik ini. Selain itu, bank-bank juga menyediakan sokongan kepada syarikat korporat besar melalui penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman/pembiayaan.

Dengan pelonggaran sekatan PKP mulai bulan Mei serta keadaan ekonomi yang bertambah baik, kira-kira 840,000 peminjam telah menyambung semula bayaran balik pinjaman/pembiayaan mereka menjelang akhir bulan September 2020. Bank bekerjasama dengan industri perbankan untuk beralih kepada bentuk bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan yang lebih bersasar, dengan

tumpuan diberikan pada golongan yang memerlukan bantuan kewangan, seperti perusahaan mikro dan mereka yang telah kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan yang ketara. Memandangkan penyambungan semula kegiatan ekonomi secara beransur-ansur dan keperluan kewangan peminjam yang berbeza, bantuan secara bersasar ini boleh disesuaikan berdasarkan keadaan kewangan peminjam yang khusus. Peminjam yang mampu membayar balik pinjaman/pembiayaan digalakkan berbuat demikian untuk mengurangkan kos pinjaman/pembiayaan keseluruhan. Pada masa yang sama, peminjam telah diberikan jaminan bahawa jika keadaan kewangan mereka terjejas akibat kejutan pandemik yang seterusnya, mereka masih boleh mendapatkan bantuan tanpa menjejaskan laporan kredit mereka dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*). Angka-angka penting mengenai bantuan secara bersasar ini ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

Selain pakej bantuan yang disediakan, institusi perbankan turut bekerjasama rapat dengan Agensi

Gambar Rajah 2: Kadar pengambilan bantuan yang disediakan oleh sektor perbankan serta sektor insurans dan takaful



Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memastikan pelanggan yang menyertai program pengurusan hutang AKPK diberikan bantuan segera, melalui penyelarasan metrik penilaian penstrukturan semula hutang. Hal ini seterusnya mempercepatkan dengan ketara proses permohonan bantuan individu melalui AKPK.

Institusi perbankan menggunakan pendekatan baharu untuk memberikan bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan COVID-19 secepat mungkin tanpa menjejaskan standard tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap. Memandangkan skala dan kecepatan yang diperlukan untuk melaksanakan usaha ini, fungsi khusus yang diberikan kuasa dan akauntabiliti yang jelas diwujudkan untuk menyelaraskan tindakan dalam institusi perbankan. Fungsi khusus ini bertanggungjawab terutamanya untuk merancang strategi bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan secara keseluruhan, memastikan infrastruktur dan sumber adalah mencukupi, menyelia strategi komunikasi dan interaksi yang berkesan serta memantau risiko dan keberkesanan program-program bantuan.

Insurans dan takaful – langkah-langkah bantuan COVID-19

Langkah-langkah bantuan yang serupa juga disediakan oleh industri insurans dan takaful untuk mengurangkan kekangan aliran tunai, mengekalkan perlindungan dan mengurangkan kos perlindungan pemegang polisi dan peserta takaful yang terjejas. Langkah-langkah bantuan ini termasuk pilihan untuk menangguhkan bayaran premium insurans hayat dan sumbangan takaful keluarga selama tiga bulan, penstrukturan semula polisi insurans dan sijil takaful, pengecualian bayaran yuran dan caj, serta pemprosesan tuntutan yang lebih cepat. Meskipun syarikat insurans dan pengendali takaful menanggung kos tuntutan perubatan yang ketara lebih tinggi pada tahun-tahun kebelakangan ini, industri insurans dan takaful menangguhkan penyelarasan harga polisi insurans/sijil takaful perubatan dan kesihatan yang dirancang sehingga tahun 2021. Maklumat lanjut mengenai kadar pengambilan bantuan diberikan dalam Gambar Rajah 2.

Berikutan pelaksanaan semula PKP di kebanyakan negeri pada bulan Januari 2021, industri insurans dan takaful bersetuju untuk meneruskan dan memperluas langkah-langkah bantuan bagi meringankan beban kewangan pemegang polisi dan peserta takaful. Langkah-langkah ini termasuk pelanjutan

tempoh permohonan untuk penangguhan bayaran premium insurans hayat dan sumbangan takaful keluarga sehingga 30 Jun 2021 dan pengecualian faedah selama enam bulan untuk bayaran yang ditangguhkan. Hal ini bertujuan membantu pelanggan menyambung semula pembayaran mereka secara beransur-ansur.

Selain itu, industri insurans dan takaful turut menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan lebih banyak ujian COVID-19 dengan memperuntukkan sumbangan sebanyak RM8 juta kepada Dana Ujian COVID-19 (*COVID-19 Test Fund*, CTF) yang ditubuhkan oleh industri. Butiran lanjut mengenai jumlah penggunaan CTF ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

Memastikan komunikasi yang jelas dan telus

Bank mempertingkatkan komunikasinya sepanjang tempoh pandemik ini bagi memastikan pelanggan mendapat maklumat terkini mengenai bantuan kewangan yang disediakan oleh industri kewangan. Bank bekerjasama rapat dengan industri kewangan dalam pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2020 bagi menyampaikan maklumat mengenai program bantuan yang tersedia serta menyediakan saluran penyelesaian dan khidmat nasihat kepada pelanggan yang memerlukan bantuan untuk mengurus kewangan mereka. Inisiatif jangkauan kepada orang ramai dan PKS dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bab “Interaksi dengan Rakyat Malaysia”.

Selain mewujudkan kesedaran tentang bantuan bayaran balik yang disediakan, Bank turut bekerjasama dengan institusi anggota¹ Rangkaian Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*, FEN) dalam usaha memperluas jangkauan inisiatif literasi kewangan melalui platform digital dan media sosial. Program jangkauan yang memberikan tumpuan terhadap pengurusan kewangan yang berhemat dan berkesan telah mendapat sambutan yang menggalakkan di seluruh negara. Butiran lanjut inisiatif ini dipaparkan dalam Gambar Rajah 3 di bawah, dan juga boleh didapati dalam Rencana bertajuk “Asas untuk Pengurusan Kewangan Anda”.

¹ Institusi-institusi yang menganggotai FEN ialah BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, dan Permodalan Nasional Berhad. FEN merumuskan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, iaitu pelan strategik 5 tahun untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dan memperkasa rakyat Malaysia untuk (a) menabung, mengurus dan melindungi wang mereka, (b) merancang dan memastikan masa depan yang mampan, dan (c) melindungi diri daripada penipuan (*fraud*) dan skim penipuan kewangan (*financial scam*).

Gambar Rajah 3: Inisiatif pendidikan kewangan yang dikelolakan oleh FEN

Inisiatif FEN bertujuan untuk mendidik segmen masyarakat yang disasar contohnya remaja, pekerja, MSME & kumpulan pendapatan rendah



Topik penting yang diliputi

- Mendapatkan bantuan awal untuk bantuan bayaran balik pinjaman
- Pengurusan wang dalam tempoh yang mencabar
- Kebersihan kewangan
- Tingkah laku kewangan yang baik & sikap rasional dalam pengurusan kewangan
- Amaran penipuan kewangan
- E-pembayaran

* Merujuk interaksi melalui webinar, pertandingan, wacana pendidikan kewangan, permainan, kuiz, program radio dan TV, rencana surat khabar, pameran secara maya.

Keutamaan pengawalan dan penyeliaan

Institusi-institusi kewangan berada dalam keadaan kewangan yang kukuh ketika pandemik melanda. Institusi perbankan, penanggung insurans dan pengendali takaful berupaya menyediakan bantuan yang diperlukan dan ini sebahagian besarnya adalah hasil daripada penampakan kewangan mereka yang dibina sekian lama. Kedudukan kewangan yang kukuh ini telah membolehkan mereka menyokong langkah-langkah bantuan dan aktiviti pengantaraan kewangan. Keutamaan pengawalan dan penyeliaan Bank tertumpu pada amalan institusi kewangan dalam mengurus risiko dan menggalakkan layanan yang adil kepada pengguna, terutamanya berkaitan dengan bantuan kewangan yang diberikan kepada mereka. Bank juga mempergiat interaksi dengan institusi kewangan mengenai langkah-langkah yang diambil bagi memastikan operasi mereka berdaya tahan berikutan penyesuaian besar yang dibuat terhadap proses kerja dan interaksi dengan pelanggan sebagai tindak balas terhadap pandemik ini. Selain itu, Bank memberikan fleksibiliti tambahan dari segi kewangan dan operasi kepada institusi kewangan melalui penyesuaian keperluan pengawalseliaan yang sewajarnya untuk mencerminkan ketidakpastian yang meningkat akibat krisis pandemik dan mengurangkan tingkah

laku prokitaran. Bank turut merancang semula program pengawalan dan penyeliaannya bagi mengurangkan beban ke atas institusi kewangan supaya tumpuan boleh diberikan terhadap usaha membantu pelanggan mereka semasa krisis. Gambaran keseluruhan mengenai langkah-langkah ini ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4.

Industri perniagaan perkhidmatan wang, terutamanya segmen pertukaran mata wang, terjejas akibat penutupan sempadan dan sekatan pergerakan. Fleksibiliti operasi diberikan untuk mengurangkan bebanan kewangan dan operasi yang dialami oleh pengendali perniagaan perkhidmatan wang. Fleksibiliti yang diberikan termasuk pengecualian yuran lesen tahunan dan keperluan perbelanjaan latihan kakitangan, serta penangguhan tempoh penghantaran laporan audit dan statistik kepada Bank.

Tumpuan dan keutamaan penyeliaan


Dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19, Bank menyesuaikan pendekatan dan amalan penyeliaannya. Kumpulan kerja khas yang terdiri daripada anggota-anggota dari pelbagai seksyen telah ditubuhkan untuk menjalankan penilaian bersepadu yang segera dan menggabungkan

tinjauan makroekonomi dan sektor kewangan dalam situasi krisis. Perbincangan dengan pihak lembaga pengarah dan pengurusan institusi kewangan serta juruaudit luar juga diadakan dengan lebih kerap, dengan tumpuan diberikan pada pembentukan metrik dan penunjuk baharu untuk menilai kedudukan kewangan peminjam sebagai alternatif kepada penilaian konvensional. Usaha-usaha penyeliaan juga tertumpu pada pemantapan pelaksanaan ujian tekanan dan penilaian risiko berpandangan ke hadapan oleh Bank dan institusi kewangan untuk mencerminkan risiko yang berubah. Secara kolektif, pengumpulan maklumat ini membolehkan Bank mengekalkan pemantauan rapi ke atas amalan pengambilan risiko oleh institusi-institusi kewangan serta kecukupan penampunan modal dan penampunan mudah tunai mereka.

Perbincangan dan interaksi dengan pengawal selia dan penyelia lain

Memandangkan kesan global pandemik ini, kerjasama dan pertukaran maklumat merentas sempadan dan antara agensi amat penting pada tahun 2020. Bank telah berbincang dan berinteraksi secara rapat dengan pengawal selia pada peringkat global dan rantau untuk berkongsi pengalaman dan iktibar berhubung dengan tindak balas dasar dan penyeliaan terhadap COVID-19. Forum penyeliaan dianjurkan secara maya bagi menyokong penyeliaan Bank secara keseluruhan terhadap kumpulan institusi kewangan yang mempunyai operasi di luar negara serta pengawalseliaan terhadap anak syarikat tempatan yang dimiliki oleh institusi kewangan antarabangsa yang besar. Pada tahun 2020, Bank menganjurkan atau menyertai forum

Gambar Rajah 4: Langkah-langkah bantuan pengawalseliaan untuk sektor perbankan serta sektor insurans dan takaful



pengawalseliaan untuk sembilan kumpulan insurans dan empat bank dengan pengawal selia dari 13 negara. Perbincangan dan interaksi ini penting untuk membolehkan Bank menjangka dan menganggarkan risiko dan kesan ekonomi akibat pandemik, menilai pilihan untuk bertindak balas terhadap risiko yang dikenal pasti dan menyelaraskan tindakan dan komunikasi untuk mengurangkan risiko.

Bank juga terus menyumbang secara aktif kepada usaha-usaha Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*, BCBS), Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (*International Association of Insurance Supervisors*, IAIS), Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (*Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks*, EMEAP), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board*, IFSB), dan Rangkaian Menghijaukan Sistem Kewangan (*Network for Greening the Financial System*, NGFS) ke arah pengukuhan daya tahan sektor kewangan semasa krisis dan pemulihan yang mampan selepas krisis. Secara amnya, bidang tumpuan Bank adalah sejajar dengan keutamaan BCBS dan IAIS yang merangkumi pengukuhan aktiviti pemantauan dan penyelarasan penyeliaan serta memastikan piawaian kehematan yang berterusan. Usaha ini bertujuan menyediakan institusi-institusi kewangan keupayaan operasi untuk menghadapi pandemik COVID-19 terutamanya dengan memberikan sokongan wajar bagi memenuhi keperluan ekonomi. Bank juga terus mengawasi risiko baru muncul berkenaan dengan perubahan iklim dan pendigitalan.

Dalam negeri, Bank bekerjasama rapat dengan pengawal selia dan agensi lain, termasuk Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menangani risiko dan isu-isu yang menjejaskan sektor kewangan. Bank juga terus bekerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Agency*, NACSA) dan (*CyberSecurity Malaysia*, CSM) untuk menyelaraskan tindak balas terhadap ancaman siber yang menjadikan institusi kewangan sebagai sasaran. Tambahan lagi, Bank meneruskan kerjasama dengan industri bagi meningkatkan keselamatan siber sektor kewangan semasa melakukan aktiviti dalam talian (*cyber hygiene*) dan memupuk perkongsian maklumat mengenai perkembangan terkini berkaitan dengan ancaman siber. Bidang kerjasama utama yang lain termasuk penubuhan pasukan khas dengan institusi perbankan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*,

MASB) untuk mengenal pasti dan mengemas kini isu-isu interpretasi utama berkaitan dengan perakaunan pinjaman bantuan.

Tindakan penguatkuasaan


Bagi melaksanakan mandat kestabilan kewangannya, Bank menggunakan pelbagai tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan untuk menggalakkan tadbir urus, pematuhan dan amalan pengurusan risiko yang kukuh oleh institusi kewangan, memastikan perlindungan kepada pengguna kewangan yang sewajarnya dan melindungi integriti sistem kewangan. Tindakan penyeliaan seperti teguran dan arahan lazim digunakan untuk memperbaiki kelemahan yang kurang serius dalam amalan pematuhan, tadbir urus dan pengurusan risiko. Selain itu, tindakan penguatkuasaan formal seperti penalti dan denda monetari pentadbiran dikenakan ke atas kes-kes pelanggaran keperluan pengawalseliaan Bank yang serius dan aktiviti yang salah dari segi undang-undang, yang boleh menimbulkan risiko yang tidak wajar kepada orang ramai atau menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap sistem kewangan. Pada tahun 2020, majoriti tindakan campur tangan Bank (99%) merupakan tindakan penyeliaan manakala baki 1% lagi merupakan tindakan penguatkuasaan dalam bentuk penalti monetari pentadbiran terhadap dua institusi berlesen. Tindakan penyeliaan yang lebih kerap dilaksanakan berbanding dengan tindakan penguatkuasaan adalah setara dengan peningkatan tahap pematuhan dalam kalangan institusi pelapor.

Pada tahun 2020, Bank telah mengambil sebanyak 277 tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi-institusi. Hampir tiga perempat daripadanya merupakan tindakan ke atas institusi yang bukan di bawah pengawalan Bank (Rajah 2). Kebanyakan kes ini mempunyai tahap keseriusan yang rendah dan melibatkan ketidakpatuhan berkaitan dengan eksport, yang berpunca daripada kekurangan kesedaran atau kefahaman tentang peraturan yang sedia ada. Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai keperluan pengawalseliaan yang berkaitan, Bank terus mengadakan taklimat secara berkala untuk para pengeksport dan persatuan perdagangan, menghasilkan program latihan untuk kakitangan institusi perbankan dengan kerjasama *Asian Banking School*, serta berkongsi maklumat penting dan bahan tambahan secara meluas kepada persatuan PKS dan dewan perniagaan.

Bank turut membendung pelbagai aktiviti kewangan haram dengan mengenakan perintah pemberhentian dan larangan (*cease and desist order*) kepada lapan pengendali perniagaan perkhidmatan wang haram dan menjalankan siasatan jenayah terhadap 10 pengendali lain. Usaha-usaha Bank juga berjaya memperoleh enam sabitan kesalahan undang-undang berkaitan dengan perniagaan perkhidmatan wang haram, pengambilan deposit secara haram dan aktiviti pengubahan wang haram, dengan jumlah denda yang bernilai RM1.3 bilion dan hukuman penjara kepada para pesalah.


Pada tahun 2020, penambahbaikan telah dibuat terhadap Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti

Rajah 1: Bilangan kes pada tahun 2020 mengikut jenis dan ciri kesalahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Bilangan tindakan yang diambil pada tahun 2020 mengikut jenis institusi



*Individu dan entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank serta proses penilaian untuk memperjelas penggunaan prinsip-prinsip kesetaraan dan ketekalan di samping meningkatkan ketelusan. Sejarar dengan matlamat untuk meningkatkan ketelusan, semua tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank telah disiarkan dalam laman sesawang Bank sejak tahun 2019. Perubahan juga dibuat untuk meningkatkan kecekapan tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian apabila kesalahan atau pelanggaran telah dibuktikan.

Langkah selanjutnya

Walaupun Malaysia berada dalam landasan pemulihan, ketidakpastian berhubung dengan COVID-19 dan kesan struktur terhadap sektor ekonomi tertentu akan terus memberikan cabaran dalam tempoh jangka pendek. Oleh itu, keutamaan pengawalan dan penyeliaan pada tahun 2021 akan terus tertumpu pada usaha mengenal pasti dan bertindak balas terhadap risiko yang muncul sambil membina asas bagi menyokong pemulihan ekonomi yang pantas dan mampan. Inisiatif yang sedia ada juga akan diteruskan supaya sistem kewangan kekal pada kedudukan yang baik untuk menyokong ekonomi benar dalam peralihan transformasi yang dibawa oleh teknologi baharu, peserta baharu dan perubahan struktur dalam ekonomi.

Usaha pengawalan dan penyeliaan pada tahun 2021 akan tertumpu pada langkah menambah baik rangkuman risiko dan tahap tindak balas dasar pengawalseliaan yang ditetapkan oleh Bank. Usaha ini juga akan meningkatkan daya tahan dan kemampuan jangka panjang institusi-institusi kewangan dari segi kewangan dan operasi. Bank akan terus memberikan tumpuan pada ujian tekanan dan simulasi krisis serta pengurusan risiko teknologi memandangkan perkhidmatan kewangan begitu pantas beralih daripada ruang fizikal kepada platform maya. Penghalusan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang sedia ada pada tahun 2021 akan turut mengambil kira teknologi dan model perniagaan baharu yang diterima pakai oleh institusi kewangan, termasuk peserta baharu dalam sistem kewangan seperti bank digital.

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

Bank komited untuk menggalakkan sistem kewangan yang progresif dan inklusif yang mampu memberikan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi keperluan ekonomi Malaysia.

Pada tahun 2020, Bank meneruskan usaha untuk membangunkan sektor kewangan meskipun berhadapan dengan cabaran untuk menguruskan dan bertindak balas terhadap pandemik COVID-19. Bank menumpukan usahanya ke arah mempercepat pendigitalan perkhidmatan kewangan, memperdalam pasaran kewangan, mempertingkatkan akses kepada pembiayaan dan rangkuman kewangan, serta membina daya tahan kewangan.

Mempercepat pendigitalan perkhidmatan kewangan

Bagi individu dan perniagaan, pendigitalan akan menyumbang kepada cara yang lebih mudah, pantas dan murah untuk mengakses perkhidmatan serta mengurus kewangan mereka. Menyedari akan hal ini, Bank berusaha untuk memastikan peraturan-peraturannya responsif terhadap inovasi digital yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, di samping memastikan institusi kewangan dapat menguruskan risiko yang berkaitan dengan berkesan.

Susulan tercetusnya pandemik itu, terdapat peralihan yang lebih cepat ke arah perkhidmatan kewangan dalam talian. Pada tahun 2020, urusan niaga perbankan dalam talian meningkat sebanyak 49%, sementara urusan niaga e-dompet¹ (*e-wallet*) meningkat sebanyak 131% berbanding dengan

tempoh yang sama pada tahun 2019 (lebih banyak trend boleh dilihat dalam bab “Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap”). Untuk terus menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan dalam talian yang kian meningkat, Dokumen Dasar mengenai Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic know-your-customer, e-KYC*) telah dikeluarkan pada bulan Jun 2020. Penyelesaian e-KYC membolehkan pelanggan membuka akaun secara digital pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Sebagai gerbang ke arah pendigitalan, e-KYC diharapkan dapat membuka jalan untuk inovasi yang lebih besar dan penyediaan perkhidmatan kewangan digital secara menyeluruh. Beberapa institusi kewangan, termasuk institusi perbankan, pengeluar e-wang dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang telah mula menerima pakai penyelesaian e-KYC, dan lebih banyak lagi institusi dijangka menyusul pada tahun 2021.

Bank telah mengeluarkan Dokumen Dasar mengenai Rangka Kerja Pelesenan Bank Digital pada 31 Disember 2020. Pelesenan institusi-institusi yang baharu dengan model perniagaan yang inovatif dijangka mampu menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Menerusi penggunaan platform teknologi yang tangkas serta analisis data, bank digital dijangka dapat memperluas penawaran produk dan perkhidmatan perbankan yang lebih bersasar bagi menyelesaikan masalah pengguna Malaysia, terutamanya untuk segmen pengguna yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Bank akan menerima pakai rangka kerja kawal selia yang setara di samping menghendaki bank-bank digital untuk mematuhi had dedahan agregat aset pada tahun-tahun awal operasi. Langkah-langkah ini disasarkan untuk mengurangkan halangan kemasukan, sambil membolehkan Bank membuat pemerhatian terhadap risiko. Dengan penerbitan Dokumen Dasar tersebut, Bank telah mula menerima permohonan lesen hingga 30 Jun 2021.

¹ Wang elektronik (*e-wang* atau *e-money*) yang berasaskan rangkaian dan boleh diakses melalui Internet, telefon bimbit atau peranti lain.

Sehingga lima lesen akan dipertimbangkan untuk pemohon yang layak menjelang suku pertama tahun 2022. Pemohon-pemohon yang berjaya perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai cadangan nilai yang kukuh yang memberikan tumpuan perkhidmatan pada segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan serta mempunyai kemampuan untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan demi memelihara kestabilan sistem kewangan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kemajuan yang ketara dapat diperhatikan dalam penggunaan teknologi dalam pasaran kewangan. Matlamat Bank adalah untuk meningkatkan kecekapan serta ketelusan dalam proses pengantaraan dan penentuan harga. Pada tahun 2020, pendigitalan dalam pasaran kewangan tempatan terus mencapai kemajuan dalam bidang perdagangan pertukaran asing. Susulan penerbitan Rangka Kerja bagi Platform Perdagangan Elektronik (*Electronic Trading Platforms*, ETP) pada tahun 2019, Bank pada tahun 2020 telah meluluskan tiga pengendali ETP global untuk memberikan perkhidmatan mereka sebagai pengantara dalam pasaran kewangan Malaysia. Perkembangan ini telah menyumbang kepada pendigitalan pasaran kewangan, sekali gus membantu meningkatkan pengaturan kerja dari jarak jauh semasa pandemik. Perdagangan melalui ETP mencakupi hampir 19% daripada urusan perdagangan pertukaran asing tempatan berikutan pengendali ETP yang diluluskan telah memulakan operasi mereka.

Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (Sandbox) terus memainkan peranan penting untuk mendorong inovasi dalam sektor kewangan. Yang paling ketara ialah minat yang semakin meningkat daripada pemohon yang menyediakan penyelesaian *Insurtech* seperti insurans digital secara menyeluruh, broker insurans digital dan perniagaan pengagregatan kewangan. Perkembangan ini bergerak senada dengan agenda Bank untuk meningkatkan penembusan insurans, sekali gus memperdalamkan rangkuman kewangan di Malaysia. Pada tahun 2020, sebuah syarikat pengendali takaful telah mendapat kelulusan untuk menguji secara langsung produk takaful keluarga rakan setara (*peer-to-peer*, P2P) dalam Sandbox. Sementara itu, empat syarikat teknologi kewangan (*fintech*) telah maju ke tahap persiapan², untuk menjalankan ujian secara langsung ke atas penyelesaian mereka. Walau bagaimanapun, sebilangan besar pemohon pada tahun itu telah menarik diri atau


permohonan mereka tidak memenuhi kriteria untuk menjalankan ujian dalam Sandbox. Hal ini berlaku lazimnya disebabkan oleh penyelesaian inovatif yang dicadangkan tidak mempunyai apa-apa halangan pengawalseliaan yang mewajarkannya untuk menjalani ujian dalam Sandbox atau pemohon kurang bersedia dari segi operasi untuk menguji inovasi mereka secara langsung.

Bank juga giat mengambil langkah untuk memudahkan inovasi yang lebih meluas melangkaui penyelesaian *fintech*. Untuk tujuan ini, Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (*Financial Technology Enabler Group*, FTEG), satu kumpulan kerja dalaman bersilang fungsi yang ditubuhkan pada bulan Jun 2016 untuk menyokong Bank dalam dasar pengawalseliaan dan strategi pembangunan bagi penggunaan inovasi teknologi dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah diberikan nama baharu iaitu Kumpulan Teknologi dan Inovasi Kewangan (*Financial Technology and Innovation Group*, FinTIG). Menyedari skop inovasi kewangan yang terus berkembang, perubahan nama pada kumpulan ini mencerminkan mandat FinTIG yang diperluas bagi mencakupi inovasi yang bukan dipacu oleh teknologi, seperti perubahan dalam model perniagaan, saluran pengedaran dan reka bentuk produk yang mungkin tidak melibatkan penggunaan teknologi baharu. Seiring dengan perkembangan ini, Sandbox juga dikaji semula bagi mencakupi inovasi yang tidak didorong oleh teknologi. Jabatan Pembangunan Kewangan dan Inovasi (*Financial Development and Innovation*, FDI) Bank berfungsi sebagai pusat hubungan utama (fintech@bnm.gov.my) untuk Bank dalam hal-hal yang berkaitan *fintech*. FDI, sebagai sekretariat kepada FinTIG bekerjasama rapat dengan anggota FinTIG ke arah menggalakkan inovasi.

Bagi menyokong pembangunan keseluruhan ekosistem *fintech* yang dinamik di Malaysia, Bank bekerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (*Malaysia Digital Economy Corporation*, MDEC) untuk melancarkan program *Fintech Booster* pada bulan Ogos 2020 (Gambar Rajah 1). Program yang berfungsi sebagai platform untuk menghubungkan syarikat *fintech* dengan peserta

² Setelah mendapat persetujuan Bank untuk menyertai Sandbox, pemohon dianggap telah maju ke Tahap 2 (tahap persiapan) iaitu pemohon akan berbincang dengan Bank mengenai perinciannya (misalnya parameter pengujian, strategi untuk keluar dan rancangan peralihan) sebagai persiapan untuk peringkat ujian langsung yang selanjutnya.

Gambar Rajah 1: Program Fintech Booster



Sumber: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem ini bermatlamat untuk menyediakan syarikat fintech membina keupayaan dan sokongan berkaitan dengan hal-hal perundangan dan pematuhan, pembangunan perniagaan dan akses kepada sumber teknologi untuk meningkatkan prospek inovasi kewangan yang berdaya maju dan berjaya. Bank menyokong program tersebut melalui bahagian Perundangan dan Pematuhan manakala bahagian Model Perniagaan dan Teknologi dipantau oleh MDEC dengan sokongan rakan strategiknya.

Memperdalam pasaran kewangan

Pada tahun 2020, Bank meneruskan inisiatif pembangunan yang sedang dilaksanakan. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik akses pasaran dan mudah tunai selanjutnya dalam pasaran kewangan domestik. Yang pertama, Bank mengambil

langkah untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik untuk pelabur global. Semasa pandemik, interaksi dengan peserta pasaran global diteruskan meskipun secara maya. Kedua, melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam pasaran domestik, Bank melaksanakan inisiatif untuk memperdalam mudah tunai dalam pasaran bon kerajaan dan pasaran swap kadar faedah, yang menyumbang kepada penentuan harga pasaran yang lebih cekap dan menyediakan fleksibiliti yang lebih besar dalam pengurusan risiko. Selain itu, Dasar Pertukaran Asing (*Foreign Exchange Policy, FEP*) telah diperhalusi untuk menambah baik keadaan lindung nilai bagi syarikat dan pelabur. Secara keseluruhan, langkah-langkah ini telah mengukuhkan lagi daya tahan dan daya tarikan pasaran kewangan domestik.

Gambar Rajah 2: Pedalaman Pasaran Kewangan

 Meningkatkan akses kepada pasaran kewangan Malaysia	 Langkah-langkah untuk memperdalam mudah tunai telah menghasilkan pasaran yang lebih bertenaga
<p>Pemformalan Rangka Kerja Pembuat Pasaran Utama (Primary Market Maker, PMM) pada bulan April 2020</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Bank-bank PMM diberikan fleksibiliti membuat pasaran dan kini menerbitkan rujukan sebut harga USD/RM secara berterusan pada platform antarabangsa ✓ Nilai pertukaran asing (FX) yang berjumlah USD3.3 bilion telah diperantarakan oleh bank-bank PMM selepas waktu perdagangan KL pada tahun 2020 dengan spread bida-tawar yang kompetitif <p>Penyenaraian bon kerajaan Malaysia di bawah Rejim Dikecualikan Bursa Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pasaran bon domestik yang lebih mudah dilihat dan telus untuk menarik minat pelabur jangka panjang dan pada masa yang sama meningkatkan pemprofilan pasaran bagi terbitan MGS/MGII <p>Interaksi berterusan dengan para peserta pasaran kewangan global</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Perundingan bersama pelabur yang berkesan oleh FMAM-BNM melalui persidangan video dengan pengurus portfolio, pedagang dan kustodian pada peringkat global ✓ Interaksi berterusan dengan pelabur asing dan penyedia indeks bon untuk menjelaskan tentang dokumentasi, FX pihak ketiga dan keperluan sebelum pendanaan (pre-funding) <p>Program perintis memberi fleksibiliti bagi swap kadar faedah (IRS) pada bulan November 2020</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Bank-bank bukan pemastautin boleh mengurus niaga dalam IRS secara langsung dengan bank-bank dalam pesisir atau melalui Pejabat Luar Negara yang Dilantik (AOO) mereka tanpa komitmen kukuh ✓ Berdasarkan maklum balas positif usaha rintis ini, Bank mengumumkan liberalisasi pasaran IRS tempatan apabila semua bank tempatan dan AOO mereka boleh melakukan dagangan IRS dengan bank bukan pemastautin tanpa komitmen kukuh berkuat kuasa 15 Mac 2021 	<p>Kaedah penyelesaian yang dikaji semula untuk Kontrak Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kontrak hadapan MGS dinaik taraf sebagai instrumen lindung nilai alternatif yang lebih baik menerusi usaha sama dengan Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pembuat pasaran utama untuk mengkaji semula kaedah penyelesaian, iaitu, daripada penyampaian wang tunai kepada penyampaian secara fizikal <p>Lelongan bon kerajaan yang dibentuk untuk menyerlahkan peningkatan pembukaan semula</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Terbitan bon individu yang lebih besar dalam pasaran untuk mudah tunai pasaran bon yang lebih baik ✓ Memberi jejak indeks yang lebih mudah oleh pelabur bon pasif di seluruh dunia <p>Persekitaran lindung nilai yang lebih baik untuk syarikat dan pelabur</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Para pengeksport mempunyai lindung nilai semula jadi yang lebih baik kerana hasil yang kurang daripada RM200,000 dikecualikan daripada pertukaran ✓ Pemastautin boleh melindungi nilai obligasi mata wang asing sehingga tempoh asas dan diberikan fleksibiliti untuk membatalkan kedudukan lindung nilai mereka sebagai tindak balas kepada perubahan dalam pasaran

Meningkatkan akses kepada pembiayaan dan rangkaian kewangan

Rangkaian kewangan penting untuk mewujudkan masyarakat yang lebih saksama. Pandemik COVID-19 terus menyerlahkan perlunya untuk menyokong dan melindungi segmen masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, terutamanya bagi mereka yang terjejas dengan ketara. Sejajar dengan perkembangan ini, Bank terus mempergiatkan langkah-langkah untuk memajukan rangkaian kewangan.

Tumpuan penting pada tahun 2020 adalah untuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan untuk PKS dalam keadaan perniagaan yang sangat mencabar. PKS memberikan sumbangan yang cukup besar kepada ekonomi Malaysia, iaitu hampir 39%³ daripada KDNK dan mewujudkan hampir 50% daripada jumlah

guna tenaga. Namun, penampakan tunai mereka yang secara relatif rendah dan margin keuntungan yang lebih kecil menjadi semakin teruk akibat pandemik, lantas menyebabkan mereka lebih mudah mengalami kekangan aliran tunai dan pembiayaan. Bagi membantu PKS menghadapi pandemik itu, Bank telah meningkatkan dengan ketara peruntukan bantuan pembiayaan di bawah Dana BNM untuk PKS (Dana BNM) daripada RM9.1 bilion kepada RM23.1 bilion. Kemudahan⁴ di bawah Dana BNM telah disalurkan melalui institusi kewangan dan bertujuan untuk memberikan bantuan tunai segera kepada PKS yang sangat terkesan, menyokong pemulihan sektor-sektor ekonomi yang teruk terjejas dan meningkatkan keupayaan inovatif PKS yang berteknologi tinggi. Dana BNM menjadi pelengkap kepada pembiayaan PKS yang lebih besar yang diberikan

³ Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

⁴ Kemudahan di bawah Dana BNM termasuk Kemudahan Bantuan Khas (SRF), Kemudahan Agromakanan (AF), Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF), Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES), Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF), Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF), Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) dan Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA). Untuk keterangan lanjut, sila rujuk www.bnm.gov.my/covid19/

oleh institusi kewangan. Institusi kewangan telah mengeluarkan sejumlah RM256.8 bilion dalam bentuk pinjaman/pembiayaan kepada PKS pada tahun 2020, dengan lebih banyak akaun diluluskan berbanding dengan tahun sebelumnya (2020: 145,993 akaun; 2019: 115,498 akaun). Dana BNM telah membantu untuk menampung perniagaan dan melindungi pekerjaan, dengan kira-kira RM6.0 bilion dana masih tersedia untuk permohonan baharu oleh PKS pada pertengahan bulan Mac 2021. Fakta utama berkenaan Dana BNM disediakan dalam Gambar Rajah 3. Di samping memperuntukkan sejumlah dana, Bank juga memberikan sokongan kepada skim jaminan kredit yang telah disediakan untuk terus menggalakkan pinjaman bank dalam persekitaran risiko yang meningkat.

Dana-dana Bank memanfaatkan lebih daripada 32,000 PKS dan menyokong kira-kira 596,600 pekerjaan.

Memandangkan persekitaran akan terus mencabar, Bank berusaha untuk memastikan dana-dana Bank untuk PKS adalah responsif terhadap cabaran yang dihadapi dalam jangka masa terdekat, sambil menyokong kemampuan mereka untuk melakukan transformasi dan menyesuaikan diri dengan norma baharu yang akan meningkatkan lagi potensi pertumbuhan Malaysia pada masa hadapan. Bank terus melaksanakan langkah-langkah aktif untuk meningkatkan kesedaran dan menangani kebimbangan PKS berhubung dengan kemudahan yang mempunyai permintaan secara relatif rendah, seperti Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA *Tourism Financing*, PTF), yang dibelenggu oleh prospek perniagaan yang lemah dalam sektor itu. Walau bagaimanapun, pengambilan yang lebih rendah memberikan Bank fleksibiliti untuk memperuntukkan semula sumber kepada keperluan mendesak PKS lain. Hal ini dicerminkan oleh penambahan saiz Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*SME Automation and Digitalisation Facility*, ADF) yang diumumkan pada bulan Mac 2021 iaitu daripada RM300 juta kepada RM1 bilion. Penambahan ini adalah bagi menggalakkan PKS di seluruh sektor untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi yang boleh memberikan sokongan yang lebih baik terhadap pemulihan dan produktiviti mereka dalam persekitaran selepas pandemik.

Untuk memberikan PKS akses sehati kepada bantuan penstruktur semula hutang serta pendidikan kewangan dan khidmat nasihat kewangan yang khusus dan menyeluruh, fungsi Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) telah dipindahkan ke Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 1 September 2020. Dengan rangkaian kemudahan dalam talian AKPK yang meluas dan 12 cawangan di seluruh negara, pemindahan ini akan memberikan PKS akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan penstruktur semula hutang serta memperkukuh kemampuan SDRS untuk menguruskan PKS yang memerlukan bantuan penyelesaian hutang. Seterusnya, meja bantuan khas untuk perniagaan mikro⁵ yang ditubuhkan di AKPK pada bulan November 2020 bertindak sebagai saluran tambahan kepada perusahaan mikro untuk mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman bersasar dan nasihat kewangan secara percuma. Satu perkembangan yang ketara ialah susulan pemindahan fungsi SDRS ke AKPK dan penamatan tempoh moratorium automatik pada bulan September 2020, bilangan PKS yang dibantu oleh Bantuan Pembayaran Balik kepada PKS⁶ (*Repayment Assistance to SMEs*, RAS) AKPK meningkat sebanyak 48% pada bulan September hingga Disember 2020, berbanding dengan lapan bulan pertama pada tahun itu.

Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) kekal penting dalam memperluaskan akses kepada pembiayaan. IKP memainkan peranan kitaran berbalas semasa pandemik bagi merapatkan jurang pembiayaan dalam sektor ekonomi strategik dan membantu golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2020, jumlah pinjaman/pembiayaan terkumpul oleh IKP mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.7% kepada RM153.7 bilion (akhir tahun 2019: -0.3% kepada RM142.7 bilion), disokong oleh permintaan daripada sektor isi rumah, pertanian dan perdagangan am.

IKP juga telah memberikan sokongan serta bantuan kepada segmen yang berisiko lebih tinggi yang lazimnya tidak mendapat perkhidmatan daripada bank perdagangan dan yang terjejas akibat pandemik itu. Hal ini termasuk bantuan kewangan untuk perniagaan agromakanan, operator pelancongan, perniagaan perkhidmatan wang dan inap desa. Selain itu, IKP terlibat sebagai pentadbir

⁵ Meja bantuan perniagaan mikro boleh diakses melalui www.akpk.org.my/microhelpdesk

⁶ Terdiri daripada SDRS dan Program Pengurusan Hutang (*Debt Management Program*, DMP) untuk pemilik tunggal.

Gambar Rajah 3: Dana BNM untuk PKS dalam Angka – Fakta utama kemudahan terpilih pada tahun 2020

Dana secara bersasar memenuhi keperluan pembiayaan PKS dalam keadaan pandemik COVID-19

Fakta utama kemudahan terpilih¹

	Kemudahan Bantuan Khas SRF	Kemudahan Agromakanan AF	Kemudahan Automasi & Digital PKS ² ADF	Pembiayaan Pelancongan PENJANA PTF	Kemudahan Bantuan & Pemulihan Bersasar TRRF	Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional HTF-NIA
MATLAMAT	MENGURANGKAN KEKANGALAN ALIRAN TUNAI	MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN EKSPORT MAKANAN	MEMBERIKAN INSENTIF KEPADA AUTOMASI DAN PENDIGITALAN	MEMBANTU SEKTOR PELANCONGAN	MENYOKONG BANTUAN DAN PEMULIHAN SEKTOR PERKHIDMATAN	MENYOKONG SEKTOR BERTEKNOLOGI TINGGI DAN INOVATIF
TARIKH DIUMUMKAN	27 FEB 2020	27 FEB 2020 ³	27 FEB 2020	30 JUL 2020	06 NOV 2020	15 DEC 2020
JUMLAH PERUNTUKAN	RM 10.0 BILION ⁴	RM 1.5 BILION	RM 1.0 BILION ⁵	RM 0.6 BILION ⁶	RM 4.0 BILION ⁷	RM 0.8 BILION ⁸
BAKI PERUNTUKAN	DIGUNAKAN SEPENUHNYA	RM 0.2 BILION	RM 0.8 BILION	RM 0.5 BILION	RM 2.7 BILION	RM 0.8 BILION
KADAR KELULUSAN	78%	91%	83%	64%	88%	100%

¹ Setakat 17 Mac 2021

² Di bawah Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (All Economic Sector, AES)

³ Merujuk tarikh peruntukan ditambah untuk AF, iaitu kemudahan yang sedia ada

⁴ Peruntukan SRF telah ditambah pada bulan Mac 2020 (daripada RM2 bilion kepada RM5 bilion) dan bulan Mei 2020 (RM5 bilion kepada RM10 bilion)

⁵ Peruntukan ADF telah ditambah pada bulan Mac 2020 (daripada RM0.3 bilion kepada RM1 bilion)


⁶ Daripada jumlah awal sebanyak RM1 bilion, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan semula kepada Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) pada bulan Februari 2021 dan RM200 juta kepada ADF pada bulan Mac 2021

⁷ Peruntukan TRRF telah ditambah pada bulan Februari 2021 (daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion)

⁸ Daripada jumlah awal sebanyak RM 1 bilion, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan semula kepada ADF pada bulan Mac 2021

... mengekalkan perniagaan dan pekerjaan yang membantu menstabilkan ekonomi

Profil akaun yang diluluskan^{1,2}



¹ Setakat 24 Februari 2021

² Jumlah pusing ganti jualan PKS adalah seperti yang dilaporkan dalam permohonan untuk dana

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif


utama untuk pelbagai skim pembiayaan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan Bank di bawah pakej rangsangan PRIHATIN, PENJANA, PERMAI dan PEMERKASA yang diumumkan baru-baru ini. Pakej-pakej ini bertujuan untuk meneruskan operasi perniagaan kecil dan perusahaan mikro. Pada akhir tahun 2020, sebanyak 30,905 perusahaan mikro mendapat manfaat daripada RM833.7 juta pembiayaan yang disediakan oleh IKP di bawah skim PRIHATIN dan PENJANA. Selain pembiayaan, lebih daripada 68,900 perniagaan dan 1,625,000 individu diberikan moratorium selama 6 bulan ke atas pembayaran balik pembiayaan oleh IKP. Langkah ini memberikan sokongan yang tepat pada masanya kepada isi rumah dan PKS yang mudah terjejas dalam sektor ekonomi utama pada tahun yang mencabar itu.

Pada tahun 2020, Bank telah memperkenalkan dan mempertingkatkan beberapa keperluan dasar

dalam usaha untuk menjajarkan dan meningkatkan hasil pembangunan IKP dengan lebih baik yang berpandukan kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (*Performance Measurement Framework, PMF*). Keperluan ini, yang tertumpu pada perancangan strategik korporat dan pelaporan kewangan IKP, bertujuan untuk menginstitusikan objektif dan mandat pembangunan dalam strategi dan aktiviti perniagaan IKP, dan menjajarkan seterusnya pencapaian IKP dengan keutamaan pembangunan negara.

Bagi memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan pada tempoh kawalan pergerakan, Bank telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan IKP untuk memastikan kesinambungan operasi bank-bank ejen. Di samping itu, Bank bekerjasama dengan institusi kewangan yang berkenaan untuk menyediakan mesin ATM dan kaunter bergerak

Gambar Rajah 4: Bidang utama dalam meningkatkan ekosistem pembiayaan bagi PKS dan individu dalam keadaan pandemik COVID-19



¹ Data yang dipetik merujuk data kumulatif sejak penubuhan SDRS pada tahun 2003 dan AKPK pada tahun 2006

di komuniti luar bandar dan pedalaman bagi memudahkan penyaluran bantuan Kerajaan. Selain Bank Bergerak sedia ada yang ditawarkan oleh institusi kewangan, Bank juga berusaha untuk mewujudkan saluran alternatif yang baharu seperti mesin ATM mudah alih bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kewangan asas di seluruh negara.

Perbankan ejen terus berkhidmat sebagai saluran penting untuk menyediakan akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan di kawasan pedalaman yang mempunyai hubungan terhad, lantas menjana kesan limpahan yang positif kepada masyarakat secara lebih meluas. Pada sembilan bulan pertama tahun 2020, sebanyak 17.1 juta urus niaga perkhidmatan kewangan asas bernilai RM1.6 bilion telah dilakukan di bank-bank ejen (Januari - September 2019: 20.8 juta urus niaga, berjumlah RM1.9 bilion). Sejak pengenalan inisiatif perbankan ejen pada tahun 2012, bank-bank ejen telah memberi kemudahan kepada 212 juta urus niaga, berjumlah RM17.9 bilion pada akhir bulan September 2020. Dari segi kebolehcapaian, 95% daripada daerah kecil atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan asas (2011: 46%).

Membina daya tahan melalui tawaran produk kewangan yang inklusif

Pada tahun 2020, Bank juga berusaha untuk membangunkan lagi landskap insurans mikro dan takaful mikro Malaysia. Inisiatif utama dalam bidang ini ialah semakan rangka kerja Perlindungan Tenang, yang dilancarkan pada tahun 2017, bagi menggalakkan penyediaan dan pengambilan penyelesaian insurans dan takaful yang bermakna bagi golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Prinsip-prinsip utama dan kemajuan inisiatif Perlindungan Tenang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.

Semakan rangka kerja Perlindungan Tenang termasuklah fleksibiliti sesuai-untuk-tujuan (*fit-for-purpose*) bagi menggalakkan inovasi dan menangani cabaran dari segi penawaran produk. Sebagai contoh, lebih banyak entiti akan dibenarkan untuk mengedar produk

Perlindungan Tenang. Selanjutnya, entiti-entiti tersebut akan diberikan fleksibiliti operasi tambahan dan produk Perlindungan Tenang boleh digabungkan dengan produk kewangan lain sekiranya penggabungan tersebut didapati akan mendorong kepada pengambilan produk perlindungan yang lebih tinggi untuk manfaat segmen yang disasarkan tanpa meningkatkan risiko dengan nyata. Pada masa yang sama, penanggung insurans dan pengendali takaful (*Insurers and Takaful Operators*, ITO) juga dikehendaki mematuhi parameter yang ditetapkan apabila mereka bentuk produk untuk memastikan produk Perlindungan Tenang memberikan perlindungan dan manfaat yang mempunyai nilai yang berpatutan untuk wang (*good value-for-money*) untuk memelihara kepentingan pengguna.

Menyedari akan kepentingannya, Kerajaan Malaysia juga telah mengumumkan insentif dalam Belanjawan 2021 untuk mempromosikan produk Perlindungan Tenang. Antara insentif ini termasuk baucar RM50 untuk penerima yang layak dan pelanjutan tempoh pengecualian duti setem selama lima tahun lagi untuk produk Perlindungan Tenang. Langkah-langkah ini dijangka dapat meningkatkan lagi pengambilan produk Perlindungan Tenang dan memperluas jaringan keselamatan kewangan untuk rakyat.

Bank telah mengadakan usaha komunikasi dan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai perlindungan insurans dan takaful dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network*, FEN), Bank bekerjasama dengan industri insurans dan takaful untuk menganjurkan satu program pendidikan dan kesedaran sempena Bulan Literasi Kewangan pada bulan Oktober 2020 menggunakan platform webinar. Webinar tersebut menarik lebih daripada 27,000 penonton.

Melangkaui ruang insurans/takaful, Bank juga membantu dalam usaha industri untuk membangunkan ekosistem inovatif bagi perkhidmatan kewangan yang lebih inklusif. Usaha ini termasuk model perniagaan baharu yang melibatkan perkongsian antara penyedia perkhidmatan pembayaran dengan

Gambar Rajah 5: Prinsip utama dan kemajuan Perlindungan Tenang

Inisiatif ini yang dilancarkan pada tahun 2017 bertujuan untuk menggalakkan penanggung insurans dan pengendali takaful supaya menawarkan produk yang sesuai kepada segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan, dan memenuhi prinsip yang berikut:



firma pengurusan dana untuk membolehkan pelaburan mikro dibuat, sekali gus memperluas akses kepada produk pengurusan kekayaan. Dalam bidang-bidang ini, Bank bekerjasama erat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan untuk meningkatkan serta memperhalusi peraturan yang sedia ada bagi mempermudah perkongsian tersebut, bermatlamatkan pemeliharaan kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna.

Dalam memperkukuhkan daya tahan kewangan dan sosial, Bank juga terus menyokong kemajuan dan integrasi kewangan sosial dalam perkhidmatan kewangan Islam, terutamanya untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Perincian lebih lanjut mengenai inisiatif Bank untuk memajukan kewangan sosial dimuatkan dalam bab “Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif”.

Langkah selanjutnya

Bagi tahun 2021, keutamaan Bank adalah menentukan pembangunan dan pengawalseliaan terpenting bagi tempoh lima tahun yang akan datang (2022 - 2026) di bawah pelan induk baharu untuk sektor kewangan (Pelan Induk 3.0). Keutamaan ini akan tertumpu pada usaha membolehkan teknologi dan inovasi yang didorong oleh data, meningkatkan daya saing sektor kewangan, memperluas akses dan penggunaan penyelesaian kewangan yang bertanggungjawab, dan memastikan pengantaraan kewangan kekal berkesan untuk menyokong keperluan ekonomi pada masa hadapan. Pelan Induk 3.0 juga akan memberikan penekanan terhadap peranan sektor kewangan sebagai pemangkin dalam memajukan agenda kemampanan, khususnya risiko berkaitan iklim untuk menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi yang lebih lestari.

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Bank terus komited untuk memajukan kewangan Islam dengan memberikan tumpuan pada usaha menyokong pemulihan ekonomi yang mampan, membina daya tahan sosial dan iklim serta memperkasakan perdagangan halal.

Pada tahun 2020, Bank menumpukan usaha ke arah memajukan kewangan Islam dalam menangani cabaran ekonomi yang timbul akibat pandemik. Tumpuan diberikan pada usaha meningkatkan sumbangan kewangan Islam dalam membantu pemulihan ekonomi, membina daya tahan sosial, menggalakkan daya tahan iklim serta memperkasakan perdagangan, perniagaan dan ekonomi digital.

Industri perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan dan tangkas dalam persekitaran ekonomi dan operasi yang sangat tidak menentu. Industri ini terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan bahagian pasarannya semakin bertambah daripada keseluruhan sistem kewangan. Industri ini juga mencatatkan penunjuk kekukuhan kewangan yang teguh (Gambar Rajah 1).

Mengurangkan kesan COVID-19 kepada perniagaan dan isi rumah

Industri perbankan Islam dan takaful mengambil langkah-langkah proaktif untuk membantu pelanggan yang terjejas akibat pandemik. Hal ini disokong oleh peranan aktif Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia yang mengeluarkan keputusan-keputusan penting sepanjang tahun 2020 untuk memberikan panduan pelaksanaan langkah-langkah bantuan yang selaras dengan prinsip Syariah. Hampir separuh daripada 15 mesyuarat MPS yang diadakan pada tahun 2020 tertumpu pada perbincangan


mengenai hal-hal Syariah yang berkaitan dengan langkah-langkah bantuan COVID-19. Keputusan-keputusan ini (Gambar Rajah 2) menumpukan pada usaha mengurangkan kesukaran kewangan yang dialami oleh pelanggan yang terjejas akibat pandemik.

Keputusan-keputusan MPS juga menjadi topik perbincangan utama pada Mesyuarat Autoriti Penasihat Syariah Berpusat dalam Kewangan Islam yang dianjurkan oleh Central Bank of the UAE pada bulan Mei 2020. Mesyuarat ini mempertemukan 40 sarjana Syariah dan pakar kewangan Islam dari tujuh negara, yang mempunyai tadbir urus Syariah peringkat kebangsaan yang setara dengan MPS serta organisasi-organisasi penetapan piawaian antarabangsa. Perbincangan dalam mesyuarat ini telah dapat membantu meningkatkan pemahaman dalam kalangan kumpulan profesional pengamal Syariah antarabangsa mengenai amalan yang berbeza, cabaran dan pertimbangan. Perkara-perkara ini menjadi asas bagi keputusan-keputusan yang dibuat mengenai cara mengendalikan program bantuan kewangan, terutamanya yang berkaitan dengan penyelarasan penentuan semula harga ekoran pelaksanaan pembayaran tertangguh.

Di Malaysia, jawatankuasa Syariah institusi kewangan Islam menyokong fungsi MPS. Khususnya, jawatankuasa Syariah memberikan nasihat mengenai penerapan keputusan Syariah MPS berhubung dengan hal-hal Syariah yang terpakai pada operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti institusi kewangan Islam. Berikutan peranan yang penting ini, Bank memperkenalkan rangka kerja kompetensi pelbagai aspek pada tahun 2020 (Gambar Rajah 3) untuk jawatankuasa Syariah. Rangka kerja ini meningkatkan lagi kualiti perbincangan jawatankuasa Syariah dan menggalakkan keputusan yang wajar dilaksanakan di institusi masing-masing. Pada tahun 2020, Bank meluluskan sebanyak 117 pelantikan jawatankuasa Syariah yang dicadangkan oleh institusi kewangan Islam, merangkumi 45 pelantikan baharu dan 72 pelantikan semula.

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Gambar Rajah 1: Pertumbuhan perbankan Islam dan takaful pada tahun 2020



Penunjuk kekukuhan kewangan utama terpilih pada akhir tahun 2020

Perbankan Islam		Perbankan konvensional		Pengendali takaful		Syarikat insurans	
18.4%	Nisbah jumlah modal	18.5%		234.6%	Nisbah kecukupan modal⁴	217.6%	
137.2%	Nisbah perlindungan mudah tunai	151.7%					
0.9%	Jejas nilai³	1.0%					
0.7%	Pulangan atas aset	1.2%		RM1.4 b	Baki transaksi⁵ (dana hayat/keluarga)	RM4.7 b	

Nota:

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan

² Merujuk jumlah aset dana takaful atau dana insurans




³ Merujuk nisbah pembiayaan/pinjaman tak berbayar

⁴ Termasuk pengendali takaful semula dan syarikat insurans semula

⁵ Merujuk lebihan sumbangan/premium bersih setelah ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan

Gambar Rajah 2: Keputusan MPS berhubung dengan amalan dan cara institusi kewangan Islam menangani kesan COVID-19

Keputusan MPS berlandaskan prinsip ihsan...

 <p>Keuntungan tidak dikompaun</p> <p>Keuntungan terakru bagi pembiayaan asal tidak boleh dimasukkan sebagai jumlah prinsipal baharu bagi pembiayaan yang distruktur atau dijadual semula</p>	 <p>Pengaturan dipermudahkan bagi pembiayaan yang distruktur semula</p> <p>Pelanggan boleh memeterai perjanjian tambahan untuk menstruktur semula pembiayaan dengan merujuk silang kepada perjanjian asal</p>	 <p>Persetujuan bersama pihak berkontrak</p> <p>Komunikasi yang jelas kepada pelanggan mengenai terma dan syarat pembiayaan yang distruktur atau dijadual semula untuk mengelakkan salah faham dan kemungkinan timbulnya pertikaian</p>	 <p>Bantuan berterusan kepada segmen yang disasarkan</p> <p>Institusi kewangan Islam perlu memberikan pertimbangan sewajarnya kepada keupayaan kewangan pelanggan, seperti melalui penyambungan penangguhan atau bantuan pembayaran bersasar</p>
---	---	--	--


...memperluaskan pelaksanaan langkah-langkah bantuan untuk pelanggan yang terjejas akibat COVID-19

- 1 Bantuan pembayaran meluas**
Penangguhan bayaran selama enam bulan secara automatik bagi semua pembiayaan yang layak kepada individu dan PKS mulai bulan April hingga September 2020
- 2 Kelonggaran pembayaran sumbangan takaful**
Pilihan untuk menangguhkan sumbangan takaful keluarga selama tiga bulan sementara perlindungan takaful berterusan
- 3 Bantuan pembayaran bersasar**
Bantuan tambahan kepada individu dan PKS yang layak

Jadual 1: Keputusan penting MPS sepanjang 2020

No	Keputusan	Tujuan	Hasil diingini
1.	Parameter <i>Hajah</i> (keperluan) dan <i>Darurah</i> (keperluan mendesak)	Panduan untuk sarjana Syariah dalam menentukan aplikasi pengecualian hukum Syarak kepada keperluan mendesak yang dihadapi oleh kewangan moden. Panduan tersebut akan memastikan keputusan Syariah disokong oleh metodologi yang berasas.	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan parameter Syariah yang konsisten dalam menilai keadaan <i>Hajah</i> dan <i>Darurah</i>. Keyakinan masyarakat yang berterusan terhadap kewangan Islam.
2.	<i>Murabahah</i> Komoditi Bercagar (<i>Collateralised Commodity Murabahah, CCM</i>)	Memperluas instrumen pendanaan/ mudah tunai bagi mengumpulkan dana dan memenuhi keperluan mudah tunai institusi kewangan Islam.	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan mudah tunai yang lebih baik oleh institusi kewangan Islam. Peningkatan mudah tunai sekuriti Islam yang dipegang oleh institusi kewangan Islam.
3.	Dompet elektronik (<i>e-wallet</i>) sebagai suatu instrumen pembayaran yang patuh Syariah	Penjelasan mengenai status pematuhan Syariah wang elektronik (<i>e-money</i>) berserta panduan mengenai elemen penting bagi membangunkan produk dompet elektronik patuh Syariah.	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan penyelesaian pembayaran yang inovatif dalam pasaran. Persekitaran yang kondusif bagi fintech Islam.

Gambar Rajah 3: Rangka kerja kompetensi untuk ahli jawatankuasa Syariah institusi kewangan



Menggalakkan penyelesaian kewangan yang inklusif dan pelbagai

Pada tahun 2020, Bank menumpukan inisiatif pembangunan kewangan Islam berlandaskan tiga tema utama:

- Membina daya tahan sosial
- Menggalakkan daya tahan iklim
- Memperkasakan perdagangan, perniagaan dan ekonomi digital

Membina daya tahan sosial

Industri perbankan Islam dan takaful terus memajukan agenda kewangan sosial melalui inovasi produk dan penambahbaikan perkhidmatan (Gambar Rajah 4). Kewangan sosial merujuk perkhidmatan kewangan yang menggembeng modal dermawan (*philanthropic capital*) dengan menggunakan instrumen seperti derma, endowmen (termasuk wakaf tunai) atau zakat untuk memperoleh impak sosial yang nyata.

Gambar Rajah 4: Pengantaraan kewangan menggunakan instrumen kewangan sosial



Pada tahun 2020, industri ini memperkenalkan produk baharu yang direka bagi memenuhi keperluan khusus segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Produk ini termasuk pembiayaan mikro ihsan untuk usahawan B40 yang dibiayai oleh sumbangan derma syarikat korporat dan program pembiayaan pada kadar termampu bagi membina rumah para penerima zakat. Perlindungan kewangan juga diberikan kepada keluarga miskin tegar dalam bentuk rider takaful menggunakan derma.

Integrasi kewangan sosial yang selanjutnya memerlukan institusi kewangan Islam bekerjasama erat dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan rakan kongsi bukan tradisional seperti pertubuhan sosial dan pertubuhan bukan kerajaan. Kerjasama ini membolehkan setiap pihak berkepentingan menyumbangkan kepakaran, pengetahuan dan sumber tersendiri bagi mencapai matlamat yang sama iaitu meningkatkan daya tahan kewangan dan sosial kumpulan sasaran (Gambar Rajah 5).

Salah satu contoh perkongsian bersinergi yang terbukti berjaya ialah myWakaf. myWakaf ialah platform wakaf tunai digital yang dirintis oleh enam bank Islam dengan kerjasama lapan MAIN, yang memperoleh dana sebanyak RM7.6 juta pada akhir tahun 2020. Dana ini disalurkan untuk membiayai projek berimpak tinggi di seluruh negara dalam bidang penjagaan kesihatan, pendidikan dan pemeraksanaan komuniti (Gambar Rajah 6).

Rencana di bawah mengenai Pemeraksanaan Usahawan B40 melalui iTEKAD menunjukkan contoh program rintis yang menggunakan instrumen kewangan sosial untuk melengkapkan penyelesaian kewangan sedia ada. Bank akan terus memantau kemajuan dan kesan yang dihasilkan daripada inisiatif kewangan sosial yang dijalankan oleh industri. Bank juga akan menilai sebarang tindak balas pengawalseliaan atau pembangunan yang perlu dipertimbangkan untuk mengukuhkan ekosistem yang menyokong kewangan sosial yang lebih berdaya tahan dan memberangsangkan di Malaysia.

Pemeriksaan Usahawan B40 melalui iTEKAD

Sejak tahun kebelakangan ini, Bank telah menggalakkan penggunaan instrumen kewangan sosial secara inovatif dalam kewangan Islam. Instrumen seperti wakaf, zakat dan sedekah menawarkan manfaat yang tersendiri bagi memenuhi keperluan kewangan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pandemik COVID-19 telah membuka peluang kepada Bank untuk memperluas inisiatif kewangan sosial bagi mengurangkan kesan ekonomi akibat pandemik ke atas guna tenaga dan perniagaan mikro. Gandingan penyelesaian kewangan dengan instrumen-instrumen ini melengkapkan program pembiayaan sedia ada untuk usahawan mikro dan bertujuan membantu mereka meraih semula sumber pendapatan selepas mengalami kesan yang teruk daripada perubahan ekonomi.

Pada bulan Mac 2020, Bank memulakan program rintis yang dikenali sebagai “iTEKAD” (yang bermaksud “tekat saya”). Program iTEKAD menggabungkan kewangan sosial dengan pembiayaan mikro dan latihan berstruktur. Program ini bertujuan memperkasakan usahawan mikro berpendapatan rendah supaya boleh menjana pendapatan yang lebih mampan, berdaya tahan dari segi kewangan dan seterusnya berbakti semula kepada masyarakat.

Program rintis pertama dimulakan di Wilayah Persekutuan dengan tiga rakan pelaksana iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp).



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri melancarkan iTEKAD pada 14 Mei 2020 disaksikan oleh Timbalan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad, Encik Mohd Muazzam Mohamed (dua dari kiri)


Mengalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Usahawan B40 menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan formal atas beberapa sebab. Banyak yang menghadapi kesukaran kerana kekurangan rekod prestasi perniagaan dan kewangan, kemahiran pengurusan perniagaan dan kewangan yang tidak mencukupi, serta aktiviti perniagaan yang cenderung berisiko tinggi. Dengan menggabungkan ciri-ciri kewangan sosial dalam penyelesaian pembiayaan, usahawan B40 mempunyai lebih banyak pilihan pembiayaan dan bukan hanya bergantung pada pembiayaan melalui hutang untuk meneruskan atau mengembangkan perniagaan mereka. Yang penting, peningkatan kemahiran, bimbingan dan pemantauan pencapaian berdasarkan impak dapat mencerahkan potensi untuk berjaya dalam usaha perniagaan mereka serta meningkatkan daya tahan kewangan untuk jangka panjang.

Keberkesanan program iTEKAD yang dilaksanakan memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak berkepentingan memandangkan mekanisme penyampaian yang lebih berintensif sumber berbanding dengan penyaluran kewangan cara tradisional.

Berdasarkan pengalaman yang sangat positif setakat ini, program iTEKAD akan diperluas pada tahun 2021 dengan jangkaan penyertaan tambahan dua lagi institusi kewangan Islam. Institusi kewangan Islam ini akan menyediakan rangkaian penyelesaian kewangan campuran melalui pelbagai instrumen kewangan sosial seperti wakaf tunai dan sedekah. Peluasan program iTEKAD ini juga akan melibatkan penyertaan lebih banyak negeri dan rakan pelaksana baharu yang boleh menyokong pelaksanaan program secara berkesan. Langkah ini seterusnya akan memperluas jangkauan institusi kewangan Islam dalam inisiatif pembangunan dan daya tahan sosial.

Gambar Rajah 7: Cabaran dihadapi usahawan B40 dan komponen utama program iTEKAD



Gambar Rajah 8: Ciri dan kemajuan program iTEKAD

CIRI iTEKAD

iTEKAD merupakan program kewangan sosial yang menyeluruh bagi usahawan mikro B40 yang menyediakan:



Pembiayaan mikro



Pendanaan kewangan sosial
(daripada zakat, wakaf tunai dan derma)



Latihan dan program mentor berstruktur

PERJALANAN PELANGGAN YANG MENYELURUH

1. Pengambilan

- Permohonan langsung, atau dikenal pasti oleh bank peserta atau rakan pelaksana, contohnya Majlis Agama Islam Negeri
- Kelayakan berdasarkan kemampuan kewangan dan profil risiko



2. Peningkatan kemahiran

- Peserta menjalani latihan berstruktur dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan, seperti:
- Pembangunan idea perniagaan
 - Perakaunan dan pengurusan kewangan
 - Pemasaran digital
 - Komunikasi dan penjenamaan
 - Etika keusahawanan



3. Pendanaan

- Kemudahan pembiayaan mikro (hingga RM50,000) pada kadar keuntungan 4%
- Sumbangan zakat dalam bentuk peralatan, mesin dan alat ICT



4. Bimbingan mentor

- Peserta menjalankan perniagaan dengan sokongan berterusan daripada rakan pelaksana dan mentor perniagaan
- Mentor perniagaan akan memberikan panduan secara berterusan selama 12 bulan
- Mentor perniagaan menyediakan khidmat nasihat, bimbingan dan pelaporan prestasi



5. Pelaporan impak

- Meliputi pelbagai petunjuk prestasi seperti:
- Jumlah simpanan
 - Jumlah pendapatan perniagaan
 - Bilangan pekerjaan yang diwujudkan
 - Pertumbuhan aset perniagaan
 - Sumbangan zakat



6. Bayar ke hadapan

- Menyumbang semula kepada masyarakat dengan mewujudkan pekerjaan, membayar zakat dan memperkasakan usahawan mikro B40 yang lain



PENCAPAIAN PADA TAHUN 2020

Pelaksanaan iTEKAD melalui kerjasama bank Islam dengan rakan pelaksana telah menghasilkan

57 **24**
33

usahawan mikro terlatih

10

sektor perniagaan*

RM536,000

pembiayaan mikro diberikan

RM42,000

dana zakat disalurkan

* Pertanian, kecantikan dan kosmetik, makanan dan minuman, fesyen dan pakaian, makanan tambahan kesihatan, IT/telekomunikasi, perkilangan, peruncit, perkhidmatan, sukan

IMPAK

- Seorang usahawan mikro B40 daripada industri fesyen telah berjaya mengembangkan perniagaannya

80%
peningkatan pendapatan perniagaan dalam tempoh 8 bulan sejak Mac 2020

RM3,000

dana zakat diterima untuk membeli mesin jahit dan bahan jahitan

RM10,000

pembiayaan mikro diterima untuk meningkatkan aliran tunai

4

pekerja dikekalkan meskipun terkesan akibat COVID-19



memulakan pemasaran dalam talian

- Seorang pengusaha kantin sekolah menghidupkan semula perniagaannya

66%

pendapatan sebelum pandemik diperoleh semula dalam 2 bulan

RM7,000

pembiayaan mikro digunakan bagi menaik taraf peralatan dapur dan membaiki kantin

RM3,000

pembiayaan mikro dikhususkan untuk membuka perniagaan kek dan permaidani yang baharu secara dalam talian

- Seorang peniaga makanan meneruskan perniagaannya walaupun terjejas teruk semasa pandemik

68%

pendapatan sebelum pandemik diperoleh semula dalam 2 bulan

RM20,000

pembiayaan mikro diterima untuk membeli bahan, perkakas dan utiliti baharu

2

pembeku baharu dibeli untuk meningkatkan kapasiti perniagaan

3

pekerja dikekalkan meskipun terkesan akibat COVID-19

"iTEKAD memberi nafas baharu kepada perniagaan saya. Pembiayaan ini menyediakan modal kerja yang amat diperlukan, manakala bimbingan daripada SME Corp sangat membantu perniagaan kecil seperti kami untuk bertahan dan menghadapi cabaran pandemik."

Pengusaha perniagaan kantin sekolah

"Bukan sekadar pembiayaan, iTEKAD memberikan panduan berguna kepada peniaga kecil untuk menguruskan perniagaan mereka dengan lebih sistematik melalui kelas dan latihan."

Pemilik restoran yang khusus untuk juadah tradisional

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Menggalakkan daya tahan iklim


Bank juga memberikan sokongan terhadap peranan kewangan Islam dalam memacu agenda kelestarian dan daya tahan iklim untuk sistem kewangan. Hal ini selaras dengan nilai-nilai asas Syariah untuk mencegah kemudaratan dan menggalakkan perolehan manfaat termasuk memelihara alam sekitar. Nilai intrinsik prinsip kewangan Islam terpakai secara universal dalam merealisasikan visi pertumbuhan ekonomi yang seimbang, mampan dan inklusif.

Pada tahun 2020, Bank menyertai usaha membangunkan tiga panduan terperinci (panduan mengikut sektor) bersama-sama industri melalui Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI). Sebagai permulaan, panduan mengikut sektor ini yang memberikan fokus kepada minyak sawit, tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga akan dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2021. Usaha ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan industri


terhadap pembangunan sistem kewangan yang menyokong kelestarian dan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon. Panduan mengikut sektor ini akan membantu pelaksanaan secara praktikal langkah-langkah yang disarankan oleh Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3), termasuk taksonomi berasaskan prinsip (rujuk Bab 2.2 mengenai “Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari”) dan Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan VBI (VBI Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF), yang dikeluarkan pada tahun 2019. Panduan mengikut sektor ini menggariskan pertimbangan risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) dalam subsektor/industri dan aktiviti tertentu. Panduan ini merupakan alat yang penting untuk membantu institusi kewangan membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan. Pada tahun 2021, panduan mengikut sektor tambahan untuk sektor pembuatan, pembinaan dan infrastruktur, serta minyak dan gas juga akan dirumuskan.

Gambar Rajah 9: Panduan Sektor VBIAF sebagai alat utama bagi mendorong perubahan tingkah laku dalam ekonomi dan masyarakat

Panduan Sektor VBIAF memberikan panduan kepada institusi kewangan untuk merangkumkan pertimbangan risiko persekitaran, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) dalam proses membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan mereka



Gambar Rajah 10: Usaha bersepadu untuk pembinaan keupayaan dalam memangkinkan penerapan VBI merentas sektor perbankan dan takaful



Pengendali takaful juga telah mula menerapkan VBI dengan menjajarkan strategi korporat mereka dan mencari kaedah penambahbaikan amalan dan operasi perniagaan. Tindakan ini bertujuan menghasilkan impak positif yang jauh lebih besar kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Proses merumuskan rangka kerja VBI untuk takaful kini berada pada tahap akhir. Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA) dijangka mengeluarkan rangka kerja ini pada awal tahun 2021 untuk memberikan panduan kepada industri takaful dalam penerapan VBI.

Memperkasakan perdagangan, perniagaan dan ekonomi digital


Bank bekerjasama dengan beberapa institusi perbankan Islam untuk mencari cara pengaturan kedudukan struktur kewangan yang berbeza bagi membantu keperluan mudah tunai PKS pada peringkat operasi perniagaan mereka yang berbeza (Gambar Rajah 11). Memandangkan struktur-struktur ini secara relatif masih lagi baharu kepada industri, Bank memudahkan pembangunan penyelesaian dengan memberikan penjelasan mendalam mengenai keperluan pengawalseliaan dan pelaporan.

Mengalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Pada tahun 2020, Bank juga memberi tumpuan pada usaha meningkatkan pasaran digital bagi membolehkan PKS yang mendapat pensijilan halal untuk menyertai pasaran baharu. Satu inisiatif yang utama ialah perkongsian strategik antara institusi kewangan Islam dengan Halal Development Corporation Berhad. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perlindungan takaful bagi syarikat yang mendapat pensijilan halal dan berdaftar di bawah Platform Bersepadu Halal (Halal Integrated Platform, HIP). HIP yang merupakan platform khidmat nasihat digital dan rangkaian hubungan dalam talian meletakkan

asaran sebanyak 5,000 PKS yang mendapat pensijilan halal dan akan dilancarkan pada tahun 2021. Selain itu, tahun 2020 turut menyaksikan tiga bank Islam melancarkan program-program khusus untuk memudahkan perniagaan mikro dan PKS halal. Program-program ini meliputi khidmat nasihat perniagaan dan perkhidmatan pepadanan perniagaan yang menghubungkan usahawan dengan bakal pembeli melalui e-pasaran (*e-marketplace*). Melalui inisiatif ini, syarikat Malaysia yang mendapat pensijilan halal akan mempunyai akses pasaran yang lebih baik dan peluang mengembangkan perniagaan di persada pasaran halal global.

Gambar Rajah 11: Struktur kewangan baharu untuk memenuhi keperluan mudah tunai PKS pada peringkat berbeza kitaran perniagaan



Kemudahan Mudah Tunai untuk Vendor Kerajaan

Skim mudah tunai yang buat masa kini dalam peringkat rintis, distrukturkan untuk mengurangkan kekangan aliran tunai yang dihadapi oleh perniagaan. Skim ini membolehkan vendor PKS kontrak perolehan awam yang layak untuk mendapatkan bayaran lebih cepat sementara menunggu pembayaran sebenar daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Skim ini melibatkan penjualan atau pemindahan invois terkumpul vendor PKS kepada bank peserta. Struktur ini memberikan manfaat yang berikut kepada vendor PKS:

- **Tidak meningkatkan leveraj vendor** memandangkan kemudahan ini melibatkan penjualan hak pembayaran sebenar dalam invois kepada bank, yang secara efektif memindahkan tuntutan bayaran daripada vendor kepada Prinsipal. Oleh itu, di bawah kemudahan ini, bank mempunyai rekursa yang terhad ke atas vendor dan bukan seperti struktur pembiayaan atau pinjaman; dan
- **Harga yang kompetitif** kerana kemudahan tersebut disediakan berdasarkan kedudukan kredit Kerajaan sebagai Prinsipal dan bukannya penilaian kredit vendor.

Program rintis ini akan dimulakan pada suku pertama 2021 yang melibatkan empat institusi perbankan Islam dan penyertaan empat Kementerian. Kementerian-kementerian yang terlibat terdiri daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kementerian-kementerian ini akan bertindak sebagai Prinsipal dan pengaturannya meliputi kontrak pembekalan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Setelah program rintis ini selesai, skim ini akan diperluas untuk meliputi penyertaan lebih banyak institusi perbankan dan Prinsipal, termasuk sektor swasta. Skim ini juga akan mempertimbangkan untuk melibatkan lebih banyak kontrak lain seperti kontrak perolehan berkaitan kerja serta pelbagai jenis kemudahan termasuk struktur pra-pembiayaan.

Gambar Rajah 12: Pembayaran dipercepat kepada vendor PKS Kerajaan melalui Skim Rintis Mudah Tunai¹

Dilaksanakan dengan memanfaatkan infrastruktur sedia ada (iaitu sistem perolehan Kerajaan dan platform pembiayaan perdagangan bank-bank) untuk meningkatkan kecekapan dan mempercepat masa ke pasaran



Manfaat utama kepada vendor PKS

- ✓ **Menyediakan mudah tunai segera**, membolehkan vendor PKS menguruskan keperluan kewangan dan pendahuluan mereka dengan lebih baik bagi memenuhi permintaan/pesanan baharu
- ✓ **Tidak mempengaruhi "gearing"** vendor PKS
- ✓ **Harga yang kompetitif berdasarkan** kedudukan kewangan Kerajaan sebagai Prinsipal
- ✓ **Menambah baik akses** kepada kemudahan perbankan, termasuk untuk perusahaan kecil
- ✓ **Tiada cagaran** diperlukan

Nota:

¹ Skim Mudah Tunai Rintis ini yang dikenali sebagai CAKNA merupakan kemudahan pembiayaan oleh bank-bank Islam untuk vendor yang telah mendapat kontrak bekalan dan perkhidmatan daripada Kerajaan

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Pengendali takaful juga inovatif dalam penawaran produk dan perkhidmatan mereka dalam menghadapi cabaran COVID-19. Banyak pengendali takaful telah menaik taraf pusat hubungan pelanggan layan diri dan infrastruktur sistem berdigital mereka untuk menyokong operasi perniagaan takaful dan menambah baik pengalaman pelanggan. Seiring dengan kesedaran pengguna yang lebih tinggi mengenai perlindungan kesihatan, Bank mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit berasaskan digital, antaranya teleperubatan, aplikasi kesihatan dan peralatan kesihatan boleh pakai (*wearables*). Beberapa penawaran secara digital juga diperkenalkan bagi memenuhi keperluan segmen yang lazimnya dikecualikan. Perlindungan ini termasuk untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran, perlindungan berdasarkan penggunaan dan PKS mikro dalam platform e-dagang.

Pada tahun 2020, Bank telah membantu kemasukan model takaful rakan setara (*peer-to-peer*, P2P) ke dalam *Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan. Model takaful baharu ini yang berasaskan kontrak *tā'awun* (saling membantu) dan *wakalah bi al-ujrah* (pengurus dilantik yang berbayar) sedang dalam peringkat ujian secara langsung selama setahun dengan jumlah maksimum 10,000 peserta. Tawaran yang dibuat melalui aplikasi mudah alih ini menyediakan perlindungan manfaat kematian atas dasar saling membantu, yang melibatkan perkongsian sama rata jumlah tuntutan sebenar apabila berlaku kematian dalam kalangan peserta. Aplikasi mudah alih ini juga

mempunyai ciri-ciri seperti proses pengambilan, penamaan dan tuntutan yang ringkas untuk kemudahan para peserta.

Bank bersama-sama dengan penyedia kewangan Islam juga memperkukuh libat urus dengan agensi kerajaan dan komuniti perniagaan, khususnya dalam industri halal. Sebagai contoh, maklumat penting mengenai penyelesaian kewangan Islam kini tersedia dalam Panduan Asas untuk Mengeksport yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE), serta Manual Prosedur Pensijilan Halal (Domestik) 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Perkembangan ini akan membantu meningkatkan kesedaran dan penerimaan penyelesaian kewangan Islam dalam kalangan syarikat yang mendapat pensijilan halal.

Langkah selanjutnya

Pada tahun 2021, Bank akan meneruskan usaha membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif dan inklusif. Bank akan meningkatkan tumpuan pada tiga bidang utama iaitu daya tahan sosial, daya tahan iklim dan pemeraksanaan perniagaan. Usaha ini melibatkan kepelbagaian penyelesaian kewangan patuh Syariah untuk menangani jurang pasaran dan mengambil pendekatan inovatif bagi memenuhi keperluan masyarakat dan ekonomi yang berubah. Perkembangan ini, bersama-sama fokus industri berasaskan nilai, akan membantu untuk mengukuhkan lagi sektor kewangan Islam dan meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan dan kemajuan sosioekonomi Malaysia.

Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak

Sistem pembayaran dan pengiriman wang merupakan nadi kepada ekonomi moden. Sistem ini memudahkan orang ramai dan perniagaan menjalankan urusan niaga seperti membeli barangan runcit, membeli-belah dalam talian, membayar pembekal dan mengirim wang ke luar negara. Berdasarkan kepentingannya kepada ekonomi, Bank mengawal selia sistem ini dan menyelia peserta industri bagi memastikan keselamatan, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti sistem pembayaran dan pengiriman wang.

Keutamaan penting Bank pada tahun 2020 adalah untuk memastikan sistem pembayaran dan pengiriman wang terus beroperasi pada tahap keselamatan, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti yang tinggi, dalam keadaan persekitaran operasi yang mencabar susulan penularan pandemik. Usaha yang giat juga dilakukan ke arah mempercepat penggunaan perkhidmatan pembayaran elektronik (e-pembayaran) dan pengiriman wang elektronik (e-pengiriman wang), terutamanya dalam kalangan masyarakat dan perniagaan kecil yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Usaha ini merupakan sebahagian daripada agenda pendigitalan yang lebih meluas bagi memastikan isi rumah dan perniagaan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengurus risiko dan mengambil manfaat ke atas peluang yang muncul dalam kebiasaan baharu. Bank juga meneruskan usaha untuk memupuk pembangunan infrastruktur

pembayaran yang utama bagi memastikan infrastruktur tersebut terus berkesan dan relevan bagi memenuhi keperluan ekonomi Malaysia.

Trend utama pembayaran dan pengiriman wang


Pada tahun 2020, RENTAS¹, sistem pembayaran nilai tinggi Malaysia, dan sistem pembayaran runcit terus beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar dengan mencatatkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi 99.9%. Penggunaan perkhidmatan e-pembayaran meningkat dengan ketara pada tahun itu (Gambar Rajah 1). Meskipun kegiatan ekonomi berkurang akibat pandemik dan sekatan pergerakan, jumlah bilangan transaksi e-pembayaran terus mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 14% kepada 5.5 bilion transaksi pada tahun 2020. Secara purata, seorang individu di Malaysia melakukan 170 transaksi e-pembayaran pada tahun 2020, meningkat daripada 150 transaksi pada tahun 2019. Sementara itu, penggunaan cek dan wang tunai mencatatkan penurunan mendadak pada tahun 2020. Bilangan cek yang dijelaskan menurun kepada 59.9 juta cek, turun 29% daripada tahun sebelumnya. Begitu juga, pengeluaran wang tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM), sebagai proksi kepada penggunaan wang tunai, menurun kepada 768.7 juta transaksi bernilai RM377.3 bilion pada tahun 2020, masing-masing turun 9% dan 12% berbanding dengan tahun 2019.²

Peningkatan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran didorong terutamanya oleh peralihan yang semakin meningkat oleh pengguna ke arah

¹ Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata.

² Seperti yang dijelaskan dalam bab Pengeluaran Mata Wang, pertumbuhan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2020 berkemungkinan didorong oleh pegangan tunai untuk tujuan berjaga-jaga. Orang ramai mengumpulkan wang tunai tambahan untuk keselesaan dan keselamatan berikutan ketidakpastian ekonomi akibat pandemik. Keadaan ini bukan hanya berlaku di Malaysia malah banyak negara lain turut melaporkan fenomena yang sama.

Gambar Rajah 1: Penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas



Sumber: Bank Negara Malaysia


kaedah pembayaran tanpa sentuhan dan dalam talian. Kaedah pembayaran ini lebih selamat dan lebih mudah kerana ia membantu mengurangkan sentuhan dan mengurangkan keperluan untuk berkunjung ke premis fizikal. Untuk bayaran di premis fizikal, transaksi kad tanpa sentuhan mencakupi 1 daripada setiap 2 transaksi kad pada tahun 2020, meningkat daripada 1 daripada setiap 3 transaksi kad pada tahun 2019. Sementara itu, transaksi perbankan dalam talian mencatatkan kenaikan sebanyak 49% kepada 2.5 bilion transaksi (2019: 1.7 bilion). Manakala transaksi e-dompet³ pula telah meningkat sebanyak 131% menjadi 0.6 bilion transaksi (2019: 0.3 bilion). Lebih banyak peniaga juga mendaftar untuk menerima e-pembayaran secara kod Respon Pantas (Quick Response, QR) dengan bilangan pendaftaran

meningkat sebanyak 164% kepada 773,484 pada akhir tahun 2020 berbanding 292,969 pendaftaran pada akhir tahun 2019.⁴

Penggunaan perkhidmatan e-pengiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia pengiriman wang⁵ juga berkembang dengan ketara (Gambar Rajah 2). Pada tahun 2020, jumlah nilai transaksi e-pengiriman wang meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada RM6.6 bilion, mencakupi 25% daripada jumlah pengiriman wang keluar (2019: RM3.2 bilion, 14%). Hal ini disokong, antara lain, oleh kos yang lebih rendah daripada perkhidmatan e-pengiriman wang dan proses pendaftaran akaun secara elektronik melalui penggunaan teknologi Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer, e-KYC) yang lebih senang dan menyediakan pengalaman perkhidmatan yang lancar dan mudah kepada pengguna. Keupayaan penyedia perkhidmatan pengiriman wang untuk menawarkan perkhidmatan e-pengiriman wang juga menyokong pemulihan industri daripada kesan pandemik dengan kadar segera, dengan mencatat RM26.5 bilion dalam jumlah pengiriman wang keluar, yang merupakan peningkatan sebanyak 12% dari tahun 2019. Meskipun pengiriman wang oleh pekerja asing lebih rendah disebabkan oleh keadaan ekonomi

Gambar Rajah 2: Penggunaan e-pengiriman wang yang lebih meluas

E-pengiriman wang terus menjadi pilihan yang menarik



Sumber: Bank Negara Malaysia

³ Wang elektronik berasaskan rangkaian.

⁴ Berdasarkan data yang dilaporkan oleh lima pengeluar utama wang elektronik berasaskan rangkaian.

⁵ Merujuk penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank berlesen.

yang lemah, pengiriman wang keluar yang dilakukan melalui penyedia pengiriman wang terus meningkat, didorong oleh pengiriman wang individu dan perniagaan yang masing-masing meningkat sebanyak 9% dan 89% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Memastikan keselamatan dan memupuk keyakinan terhadap sistem pembayaran dan pengiriman wang

Aktiviti pengawasan terhadap sistem pembayaran dan pengiriman wang

Berikutan persekitaran operasi yang mencabar akibat pandemik, aktiviti pengawasan Bank pada tahun 2020 memberikan tumpuan pada usaha memastikan pengendali RENTAS dan sistem pembayaran runcit utama dapat mengekalkan pengurusan kesinambungan perniagaan yang mencukupi dengan mengambil kira cabaran unik yang timbul berikutan langkah-langkah yang diambil bagi membendung penularan virus. Hal ini termasuk memastikan ketersediaan pusat-pusat pemulihan dan memulakan operasi secara pembahagian serta keupayaan akses jarak jauh yang selamat untuk mengurangkan risiko jangkitan. Pengendali juga dikehendaki untuk meningkatkan kewaspadaan mereka terhadap risiko IT dan keselamatan siber, di samping memastikan sumber-sumber kritikal disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga apabila diperlukan untuk meneruskan operasi dan memudahkan penyelesaian semua isu tepat pada masanya.

Pada tahun itu, penilaian Bank ke atas RENTAS, sistem pembayaran runcit utama⁶ yang dikendalikan oleh PayNet⁷, dan peserta industri lain termasuk pengeluar wang elektronik (e-wang), pemeroleh saudagar dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang telah bersama-sama memberikan tumpuan pada risiko operasi, IT dan siber. Penilaian itu bertujuan untuk memastikan amalan pengurusan risiko yang diterima pakai oleh pengendali dan peserta industri adalah mantap dalam mengurangkan gangguan operasi, kelemahan keselamatan dan pencerobohan. Bagi sistem pembayaran runcit utama, bidang yang menjadi tumpuan juga termasuk

tadbir urus dan tahap pematuhan terhadap Prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) yang berkaitan. PFMI ini dikeluarkan oleh Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI) di Bank for International Settlements (BIS) dan International Organization of Securities Commissions (IOSCO). Bank juga mengeluarkan komunikasi berkala mengenai keselamatan siber untuk meningkatkan kesedaran industri berkenaan dengan ancaman siber yang terkini. Di samping itu, pematuhan terhadap keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and counter terrorism financing*, AML/CFT) kekal sebagai tumpuan penting, disokong oleh penyeliaan berasaskan risiko ke atas peserta industri.

Memandangkan pandemik telah mengekang aktiviti penyeliaan dan pengawasan di premis, Bank memanfaatkan penggunaan teknologi baharu dan analisis data secara meluas bagi menyokong aktiviti penyeliaan Bank ke atas penyedia perkhidmatan pengiriman wang serta pengawasan terhadap pengendali haram bagi mengurangkan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Bank juga terus meneroka potensi perkhidmatan berasaskan pengkomputeran awan (*cloud-based*) dan pembelajaran mesin automatik untuk melengkapkan dan meningkatkan keupayaan pengawasan Bank. Selain itu, Bank terus meningkatkan pelaburannya dalam pengambilan dan latihan tenaga mahir yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam analisis data.

Tindak balas dasar terhadap risiko baru muncul dan pembangunan pasaran

Bank terus mengeluarkan, mengkaji semula dan menambah baik dasar-dasar Bank untuk memastikan dasar-dasar tersebut kekal berkesan dan relevan bagi mengurus risiko yang baru muncul dan pembangunan pasaran. Pada tahun 2020, Bank telah mengeluarkan dokumen dasar mengenai penentusahan berasaskan risiko untuk transaksi kad pembayaran dalam talian. Hal ini akan mendorong kepada pengalaman pelanggan yang lebih baik dengan aliran penentusahan yang lebih lancar dan mengukuhkan pengurusan penipuan dengan menggalakkan penggunaan teknologi dan analisis yang didorong data. Selain itu, Bank sedang menjalankan kajian semula ke atas dasarnya yang berkaitan dengan e-wang, pemeroleh saudagar dan perniagaan e-pengiriman wang yang bertujuan untuk meningkatkan pengurusan risiko-risiko, terutamanya risiko pengurusan dana,

⁶ Merujuk Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (RPP), GIRO Antara Bank (IBG) dan Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX).

⁷ Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) merupakan pengendali sistem pembayaran perkongsian dan infrastruktur pasaran kewangan di Malaysia, yang dimiliki secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan 11 bank domestik.

Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cepak

risiko penyelesaian, risiko teknologi dan siber, dan risiko penipuan. Ia juga bagi memupuk inovasi dan mewujudkan peserta pasaran yang berupaya untuk terus membangunkan dan membantu meningkatkan ekosistem pembayaran Malaysia.

Menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran dan e-pengiriman wang dengan lebih meluas

Bank dan industri memperhebatkan lagi usaha komunikasi dan jangkauan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran dan e-pengiriman wang sebagai kaedah yang lebih selamat dan lebih mudah untuk membuat pembayaran. Bank melancarkan kempen #JomDigital untuk mendidik orang ramai tentang manfaat dan langkah-langkah menggunakan perkhidmatan e-pembayaran dan e-pengiriman wang (Gambar Rajah 3). Bahan komunikasi termasuk video pendek dan infografik telah dikongsikan melalui saluran media arus perdana dan media sosial. Bagi perkhidmatan e-pengiriman wang, satu pendekatan secara bersasar untuk mengurangkan halangan dan meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan saluran pengiriman wang formal dalam kalangan pekerja asing terus dilaksanakan. Pendekatan ini termasuk penyiaran video dalam bahasa ibunda mereka melalui saluran

Gambar Rajah 3: Infografik Kempen #JomDigital



Sumber: Bank Negara Malaysia

media sosial. Bagi memelihara kepercayaan dan keyakinan terhadap penggunaan e-pembayaran, Bank juga telah meningkatkan pendidikan dan kesedaran kewangan mengenai langkah-langkah keselamatan kewangan asas yang harus diambil oleh orang ramai untuk melindungi diri mereka daripada menjadi mangsa sindiket penipuan kewangan.

Bank juga bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan lain untuk menangani kesukaran dan memudahkan proses peralihan kepada e-pembayaran. Kemajuannya sangat memberangsangkan, terutama dalam sektor awam, yang menyaksikan e-pembayaran merangkumi 60% daripada jumlah kutipan Kerajaan pada tahun 2020 (2019: 52%).⁸ Satu contoh baik



Kempen MyDebit oleh PayNet dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia

⁸ Sumber: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Seorang peniaga di Pasar Payang, Terengganu yang telah mendaftar untuk menerima pembayaran melalui kod QR

ialah Jabatan Imigresen Malaysia yang berjaya melaksanakan penerimaan e-pembayaran di semua kaunter imigresen di seluruh negara. Hal ini telah memudahkan penggunaan e-pembayaran yang lebih tinggi yang mencakupi 84% daripada jumlah kutipan yang diterima oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 2020, berbanding dengan 48% pada tahun 2019.⁹ Usaha juga dilakukan untuk berbincang dan berinteraksi dengan kerajaan negeri dan persatuan perniagaan bagi menggalakkan penggunaan yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan kecil. Sebagai contoh, Bank bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan Inisiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam bagi memperluaskan penggunaan e-pembayaran di semua 56 pasar basah di Pulau Pinang. Satu lagi

contoh ialah di Pasar Payang, satu kawasan pasar yang terkenal di Terengganu, melalui kerjasama dengan persatuan peniaga tempatan dan industri, Bank telah membantu 329 peniaga untuk mula menerima e-pembayaran.

Merangsang pembangunan infrastruktur pembayaran utama

Bagi mendorong peningkatan kecekapan dan menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan pembayaran dan kewangan, Bank bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menentukan strategi peralihan kepada ISO 20022 untuk Malaysia.

Strategi peralihan kepada ISO 20022: Pendekatan peralihan dan langkah seterusnya

ISO 20022 merupakan piawaian pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan kandungan data yang dipertingkat, format pemesejan berstruktur dan fleksibiliti untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu. Penggunaan ISO 20022 memberikan peluang kepada industri kewangan di Malaysia untuk meningkatkan kecekapan pembayaran, mempermudah pengurusan risiko yang lebih baik serta menawarkan perkhidmatan dan produk nilai ditambah kepada pelanggan.

Peralihan kepada ISO 20022 juga membantu mengurangkan potensi gangguan terhadap transaksi pembayaran. Hal ini terutamanya untuk pembayaran merentas sempadan apabila kehilangan maklumat melalui pemangkas data boleh mendorong kepada ketidakpatuhan terhadap keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan. Pada peringkat global, negara-negara besar seperti Kesatuan Eropah, United

⁹ Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia

Kingdom dan Amerika Syarikat serta beberapa negara ASEAN akan beralih kepada ISO 20022 dalam beberapa tahun yang akan datang.

Pada bulan Jun 2020, Bank telah memuktamadkan dan mengumumkan strategi peralihan kepada ISO 20022 untuk sistem pembayaran di Malaysia selepas berunding dengan peserta industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Strategi tersebut mencerminkan beberapa prinsip panduan, termasuk pertimbangan tahap kesediaan industri, memastikan perlindungan berkesan terhadap risiko operasi dan pematuhan, keberkesanan kos dan keupayaan untuk memperoleh manfaat daripada ISO 20022 seawal mungkin. Usaha peralihan akan dilakukan dalam dua fasa bermula bulan Jun 2022 (Gambar Rajah 4).

Gambar Rajah 4: Pendekatan Dua Fasa untuk Peralihan kepada ISO 20022 bagi RENTAS



¹ Amalan pasaran global bagi piawaian pemesejan ISO 20022 untuk mengharmonikan penggunaan ISO 20022 bagi sistem pembayaran bernilai tinggi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Spesifikasi mesej untuk Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP), yang pada masa ini menggunakan piawaian ISO 20022 secara proprietari, juga akan diselaraskan dengan spesifikasi pemesejan baharu yang akan diterima pakai untuk RENTAS (HVPS+). Hal ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan institusi kewangan yang menyertai RENTAS dan RPP, kerana mereka hanya perlu mengendalikan satu piawaian pemesejan sahaja bagi transaksi pembayaran bernilai besar dan runcit.

Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) ialah infrastruktur pembayaran perkongsian yang memudahkan pembayaran segera dan lancar antara akaun bank dengan akaun e-wang. Pada masa ini RPP menawarkan dua perkhidmatan. Perkhidmatan pertama, DuitNow, yang membolehkan pengirim memindahkan dana dengan merujuk nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan Malaysia atau nombor pendaftaran perniagaan penerima. Perkhidmatan kedua, DuitNow QR, adalah penyelesaian pembayaran QR kebangsaan menggunakan kod QR tergabung yang dapat digunakan untuk menerima pembayaran daripada pelanggan semua pengendali e-dompet yang mengambil bahagian.

Pada tahun 2021, lebih banyak perkhidmatan akan ditawarkan secara berperingkat di bawah RPP. Perkhidmatan ini termasuk DuitNow Request, DuitNow AutoDebit, DuitNow Online Banking/Wallets dan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan (Gambar Rajah 5). Kemajuan selanjutnya juga telah dibuat untuk mempermudah pembayaran QR masa nyata rentas sempadan dengan negara jiran di rantau ASEAN bermula dengan Thailand, Indonesia dan Singapura. Perkhidmatan ini dijangka beroperasi pada tahun 2021. Perkhidmatan pembayaran merentas sempadan ini, yang dipermudah dengan menghubungkan sistem pembayaran masa nyata rantau ini, akan dapat meningkatkan kemudahan, kecekapan dan persaingan yang sihat dalam


pembayaran rentas sempadan. Hal ini termasuk memberi pengguna dan peniaga potensi kaedah pembayaran alternatif yang lebih cepat dan berkesan dari segi kos berbanding dengan kaedah pembayaran tradisional seperti pengaturan perbankan koresponden dan kad pembayaran.

Langkah selanjutnya

Pada 2021, Bank akan terus memberikan tumpuan ke arah usaha untuk memastikan kelancaran sistem pembayaran dan pengiriman wang utama

beroperasi dengan tahap keselamatan, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti yang tinggi. Dengan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran dan e-pengiriman wang dalam dunia selepas pandemik dijangka terus berada pada tahap yang memberangsangkan, Bank juga akan terus bekerjasama dengan industri untuk mengurangkan halangan kepada penggunaan, terutamanya dalam kalangan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan di samping memastikan rangka kerja pengawalseliaan Bank terus berkesan dalam memudahkan inovasi.

Gambar Rajah 5: Perkhidmatan baharu yang akan diperkenalkan di bawah RPP



Sumber: PayNet

Menilai Keperluan Malaysia untuk Mata Wang Digital Bank Pusat

Kemajuan teknologi dan kadar pendigitalan yang semakin pesat telah mendorong kepada peningkatan penggunaan pembayaran secara digital dan kemunculan aset digital yang diterbitkan secara persendirian¹ (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Perbandingan mata wang fiat, e-wang dan aset digital

	 Dikeluarkan dan disokong oleh badan berdaulat	 Dikeluarkan oleh pihak swasta dan disokong dengan aset	 Dikeluarkan oleh pihak swasta dan tidak disokong dengan aset
Instrumen	Mata wang fiat 1. Mata wang dan duit syiling Bank 2. Mata Wang Digital Bank Pusat (CBDC)	Wang Elektronik (E-wang) cth. Boost, GrabPay, Setel, ShopeePay, dan Touch 'n Go	Aset Digital
			Stablecoin (cth. Tether, USD Coin) 1. Token pertukaran ¹ (cth. Bitcoin, Ethereum) 2. Token sekuriti ² 3. Token utiliti ³
Penyimpan nilai	Nilai disokong oleh badan berdaulat (cth. Kerajaan, bank pusat)	Nilai disokong dengan mata wang fiat	Nilai disokong dengan aset (cth. mata wang fiat, komoditi)
Medium pertukaran	<ul style="list-style-type: none"> Digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran Beberapa negara sedang meninjau kebolehlaksanaan pengeluaran CBDC (mata wang fiat dalam bentuk digital) 	Digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran	Berpotensi untuk digunakan sebagai kaedah pembayaran bergantung pada keberkesanan mekanisme penstabilan nilai
Unit akaun	Digunakan secara meluas untuk penetapan harga barangan dan perkhidmatan	Dalam denominasi mata wang fiat	Mungkin dalam denominasi mata wang fiat (bagi stablecoins yang disokong dengan mata wang fiat)
			Tidak digunakan secara meluas untuk penetapan harga barangan dan perkhidmatan

¹ Digunakan sebagai kaedah pertukaran atau untuk pelaburan

² Boleh memberikan hak, cth. hak milik, pembayaran balik untuk sejumlah wang atau kelayakan terhadap keuntungan pada masa hadapan

³ Boleh ditebus untuk mendapatkan akses kepada produk atau perkhidmatan khusus

Nota: Contoh yang diberikan bertujuan untuk memberikan ilustrasi dan bukan bermaksud sebarang bentuk sokongan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Financial Action Task Force, Bank for International Settlements, Cryptoassets Taskforce


Kebanyakan aset digital, dalam bentuknya pada masa ini, tidak digunakan sebagai instrumen pembayaran disebabkan terutamanya aset ini tidak menunjukkan ciri-ciri universal wang. Pada dasarnya, ciri-ciri aset digital menghalang aset tersebut daripada menjadi penyimpan nilai dan medium pertukaran yang baik. Hal ini disebabkan keadaan aset digital yang terdedah kepada turun naik harga yang tidak menentu, ancaman siber dan kekurangan dari segi boleh skala² (*scalability*). Sebagai contoh, harga Bitcoin mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 39% dalam tempoh satu hari pada bulan Mac 2020³. Oleh itu, orang ramai perlu mempunyai pemahaman yang jelas mengenai aset digital seperti ciri-cirinya, teknologi yang mendasarinya dan risiko yang berkaitan (Gambar Rajah 2). Bentuk baharu aset digital seperti *stablecoins* juga telah mula diperkenalkan.

¹ Aset digital atau aset maya merujuk lambang nilai digital yang boleh didagangkan secara digital dan berfungsi sebagai medium pertukaran dan/ atau unit akaun dan/atau penyimpan nilai tetapi tidak memiliki status wang yang sah diperlakukan. Aset digital atau aset maya tidak dikeluarkan atau dijamin oleh mana-mana negara, dan hanya memenuhi fungsi yang disebutkan di atas melalui persetujuan dalam kalangan komuniti pengguna aset digital (Sumber: Virtual Currencies Report 2014 oleh Pleno Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force, FATF*)).

² Bagi aset digital yang menggunakan model berasaskan amanah yang tidak berpusat seperti Bitcoin, setiap pengguna perlu memuat turun dan mengesahkan sejarah semua transaksi yang pernah dibuat. Hal ini boleh menyebabkan waktu pemrosesan transaksi menjadi perlahan, sehingga skalanya tidak dapat ditingkatkan untuk memudahkan pembayaran runcit harian. Sebagai contoh, Bitcoin hanya mampu memproses 3.3 transaksi sesaat berbanding dengan kira-kira 2,000 hingga 3,500 transaksi sesaat untuk rangkaian kad antarabangsa utama (Sumber: BIS Annual Economic Report 2018, "V. Cryptocurrencies: Looking beyond the hype").

³ Sumber: <https://www.coindesk.com/bitcoin-prices-in-2020-heres-what-happened>.

Gambar Rajah 2: Membetulkan tanggapan salah umum mengenai aset digital



TANGGAPAN SALAH UMUM 1:
Aset digital dan teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology, DLT*) adalah sama.

PENJELASAN:
Aset digital merupakan salah satu daripada aplikasi DLT. DLT membolehkan pengguna memindahkan aset digital kepada orang lain secara langsung tanpa melalui pihak berkuasa berpusat atau pengantara. DLT juga mempunyai pelbagai aplikasi lain melangkaui aset digital (cth. pembiayaan perdagangan, identiti digital, pendaftaran harta tanah).

TANGGAPAN SALAH UMUM 2:
Aset digital seperti Bitcoin merupakan kaedah pembayaran alternatif yang baik.

PENJELASAN:
Aset digital seperti Bitcoin mempunyai pelbagai batasan (cth. turun naik harga yang tinggi, mudah terdedah kepada ancaman siber, isu penskalaan) yang mengurangkan kesesuaiannya sebagai kaedah pembayaran.

TANGGAPAN SALAH UMUM 3:
Dengan adanya CBDC, bank pusat bercadang mengeluarkan aset digital seperti Bitcoin.

PENJELASAN:
Meskipun CBDC mungkin menggunakan teknologi asas yang sama (cth. blok rantai atau DLT), CBDC berbeza daripada aset digital kerana CBDC merupakan wang yang sah diperlakukan dan disokong dengan tuntutan terhadap bank pusat, tidak seperti aset digital yang bukan merupakan wang yang sah diperlakukan dan tiada nilai intrinsik.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bank for International Settlements

Sesetengah *stablecoins* direka bentuk untuk mengurangkan turun naik nilainya dengan menghubungkan atau menyokong *stablecoins* tersebut dengan aset seperti mata wang fiat⁴.

Landskap aset digital dan pembayaran yang cepat berubah telah mendorong bank-bank pusat menilai kewajaran mengeluarkan mata wang digital bank pusat (*central bank digital currency, CBDC*). CBDC boleh menjadi suatu cara untuk mencapai objektif dasar awam dengan memanfaatkan keupayaan yang ditawarkan oleh teknologi baharu, umpamanya teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology, DLT*)⁵.

Mengimbangi manfaat dan risiko pengeluaran CBDC

CBDC⁶ ialah instrumen pembayaran digital yang dikeluarkan oleh bank pusat yang merupakan liabiliti langsung bank pusat⁷. Walaupun pengeluaran CBDC berpotensi untuk memberikan manfaat seperti penyelesaian yang lebih cepat, akses yang lebih mudah, dan daya tahan sistem yang lebih baik⁸, namun risikonya tetap ada.

Bergantung pada cara CBDC direka bentuk⁹, mungkin terdapat implikasi yang berbeza dari segi penyaluran dasar monetari dan kestabilan sistem kewangan. Sebagai contoh, walaupun CBDC yang menawarkan faedah (*interest-bearing*) boleh mempercepat penyaluran perubahan kadar dasar monetari kepada pengguna akhir, hal ini mungkin mencetuskan risiko kestabilan kewangan sekiranya berlaku peralihan dana secara besar-besaran daripada deposit yang disimpan di institusi perbankan kepada CBDC. Keadaan ini boleh mengganggu kestabilan

⁴ Mata wang fiat merujuk wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh badan yang berdaulat, contohnya Kerajaan atau bank pusat sesebuah negara, yang diakui sebagai wang yang sah diperlakukan dan boleh digunakan untuk menyelesaikan hutang atau obligasi pembayaran di negara tersebut.

⁵ CBDC sering dikaitkan dengan teknologi teragih seperti DLT, iaitu semua rekod transaksi disimpan merentas rangkaian komputer (nod). Namun begitu, CBDC juga boleh direka bentuk menggunakan kaedah teknologi berpusat, dengan tahap kecekapan dan perlindungan daripada titik kegagalan tunggal yang berbeza.

⁶ Secara umum, terdapat dua kategori CBDC, iaitu CBDC runcit atau tujuan umum yang dikeluarkan untuk memudahkan transaksi runcit harian dan CBDC borong yang dikeluarkan untuk memudahkan penyelesaian antara institusi kewangan.

⁷ BIS dan bank pusat G7, "Central Bank Digital Currencies: Foundational Principles and Core Features", Oktober 2020, ms.3.

⁸ Sebagai contoh, sistem CBDC dapat bertindak sebagai satu kaedah pembayaran tambahan bagi mengurangkan pergantungan yang berlebihan pada sistem pembayaran yang sedia ada. Pemilihan DLT dalam reka bentuk CBDC juga dapat mengurangkan risiko titik kegagalan tunggal.

⁹ Beberapa contoh ciri reka bentuk CBDC termasuk sama ada CBDC menawarkan faedah (*interest-bearing*) dan sama ada pengguna dikenakan had kuantiti CBDC yang boleh dipegang.

pendanaan deposit bank dan berpotensi untuk menjejaskan penawaran kredit dalam ekonomi¹⁰, seterusnya meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan. Sistem CBDC juga perlu diperlengkap dengan kawalan yang mantap untuk mengurangkan risiko operasi dan keselamatan siber. Di samping itu, CBDC yang dikeluarkan oleh bank pusat asing dalam denominasi mata wang asing boleh menjejaskan keberkesanan penyaluran dasar monetari, sekiranya CBDC asing ini digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran di Malaysia. Oleh yang demikian, bank-bank pusat perlu menilai dengan teliti sebarang keputusan untuk mengeluarkan CBDC. Hal ini penting bagi memastikan CBDC direka bentuk dengan berhati-hati supaya tidak menjejaskan kestabilan monetari dan kewangan.

Motivasi untuk inisiatif CBDC didorong oleh keadaan khusus sesebuah negara

CBDC tidak seharusnya menjadi matlamat akhir. Sebaliknya, CBDC boleh menjadi suatu cara untuk mencapai hasil dasar awam yang lebih luas. Oleh itu, memahami pernyataan masalah dan matlamat dasar awam yang dikehendaki adalah penting sebagai panduan dalam membuat sebarang keputusan dan kajian mengenai

Gambar Rajah 3: Spektrum motivasi berhubung dengan inisiatif CBDC



Sumber: Laman sesawang dan penerbitan bank pusat serta aliran berita

¹⁰ Oleh sebab CBDC adalah instrumen yang mudah, cekap dan dijamin oleh bank pusat, pendeposit bank mungkin lebih cenderung untuk memegang dana dalam bentuk CBDC berbanding dengan menyimpan dana di dalam bank. Hal ini mungkin akan menjadi lebih ketara sekiranya CBDC juga menawarkan suatu bentuk pulangan. Pengeluaran deposit terutamanya oleh pendeposit runcit boleh mengurangkan ketersediaan pendanaan kos rendah dan stabil untuk institusi perbankan, dan seterusnya akan menyebabkan persaingan deposit dan meningkatkan kos pendanaan sistem perbankan. Dalam senario terburuk, sekiranya institusi perbankan tidak dapat mencari pengantian untuk sumber pendanaan ini, institusi perbankan mungkin perlu mengurangkan kunci kira-kira, sekali gus memberi impak kepada penawaran kredit. Dalam tempoh tekanan kewangan, hal ini mungkin mengakibatkan pengeluaran dana secara besar-besaran daripada deposit bank kepada CBDC, yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan.

CBDC. Perlu diketahui bahawa motivasi asas bagi inisiatif CBDC antara negara mungkin berbeza bergantung pada tahap pembangunan dan keadaan khusus sesebuah negara. Sebahagian motivasi yang mendasari inisiatif ini termasuk menggalakkan rangkuman kewangan¹¹, memodenkan sistem pembayaran domestik yang kurang maju¹², menambah baik pembayaran rentas sempadan, menyediakan akses berterusan kepada kaedah pembayaran yang dijamin oleh bank pusat¹³ sebagai tindak balas terhadap penggunaan wang tunai fizikal yang semakin berkurang, dan bagi menambah baik alat dasar monetari¹⁴ (Gambar Rajah 3).

Konteks dan pendekatan Malaysia terhadap CBDC

Pada masa ini, Bank tidak mempunyai rancangan untuk mengeluarkan CBDC dalam masa terdekat. Di Malaysia, sistem kewangan terus menyokong fungsi ekonomi sambil memenuhi keperluan individu dan perniagaan. Bagi mencapai matlamat ini, alat dasar monetari dan kewangan yang sedia ada kekal berkesan dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan¹⁵. Selain itu, sistem pembayaran domestik, termasuk Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform, RPP*) terus beroperasi dengan selamat dan cekap untuk menyokong keperluan ekonomi dan membolehkan pembayaran digital masa nyata¹⁶.

Memandangkan situasi ini berkembang dengan pantas, Bank akan menilai secara aktif potensi tawaran nilai CBDC berdasarkan perkembangan dalam landskap aset digital dan pembayaran. Keputusan dasar utama mengenai CBDC akan dibuat berdasarkan manfaat yang jelas kepada Malaysia secara keseluruhan, di samping memastikan risiko berkaitan yang timbul daripada pengeluaran CBDC, khususnya risiko kestabilan kewangan, diuruskan dengan berkesan. Pengeluaran CBDC perlu menjadi pelengkap kepada instrumen pembayaran yang sedia ada termasuk wang tunai fizikal bagi memastikan semua rakyat Malaysia, khususnya masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, mempunyai akses berterusan kepada penyelesaian pembayaran yang selamat dan cekap. Bank juga akan memantau secara aktif trend dalam penunjuk utama yang mempunyai impak secara langsung terhadap mandat Bank, yang boleh berfungsi sebagai rujukan data yang berguna bagi menilai kewajaran pengeluaran CBDC. Antara lain, penunjuk utama ini termasuk tahap penggunaan wang tunai fizikal di Malaysia¹⁷, sejauh mana aset digital yang diterbitkan secara persendirian digunakan bagi tujuan pembayaran di Malaysia¹⁸, dan sejauh mana CBDC sedang digunakan untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan¹⁹. Sebagai sebahagian daripada usaha Bank untuk meningkatkan pemahaman tentang risiko yang berkaitan dan implikasi terhadap dasar, Bank sedang giat membina keupayaan dalaman untuk menyokong keputusan berasaskan maklumat yang mencukupi mengenai pengeluaran CBDC termasuk melaksanakan pembuktian konsep (*proof-of-concept, POC*).

¹¹ Hal ini terutamanya terpakai bagi negara-negara yang mempunyai tahap rangkuman kewangan yang rendah.

¹² Bagi negara yang memiliki sistem pembayaran yang kurang maju, CBDC boleh menawarkan suatu cara untuk mempercepat peralihan kepada sistem pembayaran yang lebih baik dan maju.

¹³ Sebagai sebahagian daripada mandatnya, bank pusat menyediakan akses terhadap kaedah pembayaran yang sah diperlakukan kepada orang ramai dan melindungi nilainya dengan mengekalkan kestabilan harga.

¹⁴ Sebagai contoh, CBDC yang menawarkan faedah (*interest-bearing*) boleh digunakan sebagai alat untuk mempercepat penyaluran dasar monetari.

¹⁵ Maklumat lebih lanjut mengenai alat monetari dan kewangan Bank boleh didapati dalam laporan Tinjauan Ekonomi & Monetari 2020 Bank.

¹⁶ Maklumat lebih terperinci mengenai kemajuan peralihan kepada e-pembayaran boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap" dalam Laporan Tahunan 2020 Bank.

¹⁷ Sebarang pengurangan penggunaan wang tunai fizikal yang pantas boleh mengukuhkan keperluan pengeluaran CBDC bagi memastikan orang ramai terus mempunyai akses kepada kaedah pembayaran yang dijamin oleh bank pusat.

¹⁸ Walaupun aset digital yang diterbitkan secara persendirian tidak diiktiraf sebagai wang yang sah diperlakukan dan tidak dikawal selia sebagai instrumen pembayaran di Malaysia, hal ini tidak menghalang sebahagian orang ramai untuk berurusan menggunakan aset digital. Memandangkan hal ini, Bank memantau sejauh mana aset digital digunakan untuk tujuan pemindahan dana dan pembayaran barangan dan perkhidmatan.

¹⁹ Pengeluaran CBDC mungkin diperlukan untuk mempermudah perdagangan rentas sempadan dan memperkukuh kedudukan daya saing Malaysia berbanding dengan pesaing serantau.

Pengeluaran Mata Wang

Bank Negara Malaysia merupakan pengeluar tunggal wang kertas ringgit dan duit syiling iaitu mata wang tunggal yang sah diperlakukan di Malaysia.

Mandat Bank adalah untuk memastikan bekalan wang kertas ringgit dan duit syiling sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai (lihat rencana yang disertakan mengenai cabaran dalam menguruskan operasi mata wang semasa pandemik COVID-19), selain mengekalkan kualiti dan integriti mata wang dalam edaran (*currency in circulation*, CIC). Dalam melaksanakan mandat ini, Bank berusaha menguruskan operasi mata wang secara berkesan dari segi kos.


Mata wang dalam edaran

Mata wang fizikal digunakan sebagai medium pertukaran bagi memudahkan transaksi pembayaran dan sebagai simpanan nilai. Walaupun terdapat sekatan pergerakan dan peningkatan pesat dalam e-dagang dan perbelanjaan dalam talian pada tahun 2020, wang tunai kekal sebagai medium pembayaran yang paling banyak digunakan. Pada akhir tahun 2020, sejumlah kira-kira RM130.4 bilion wang kertas dan duit syiling berada dalam edaran, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 14.3%. Pertumbuhan ini merupakan kenaikan tertinggi CIC dalam tempoh sepuluh tahun sebelum ini (Rajah 1, 2019: 7.3%, purata sepuluh tahun sebelum ini ialah 8.9%). Peningkatan permintaan yang ketara untuk wang tunai, yang turut berlaku di negara-negara lain¹, adalah disebabkan oleh sikap berwaspada orang ramai dan perniagaan

¹ Menurut Currency News edisi bulan September 2020, sebanyak 53 mata wang mencatatkan median pertumbuhan tahunan sebanyak 14.5% pada tahun 2020 (2019: 6.7%), dengan lebih 60% negara mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan CIC yang tertinggi. Amerika Syarikat dan kawasan Euro melaporkan kadar peningkatan tahun-ke-tahun CIC yang melebihi 10%.


kecil yang cenderung untuk menyimpan wang tunai secara berlebihan semasa pandemik COVID-19. Dengan CIC yang lebih tinggi dan penurunan KDNK, kadar CIC Malaysia berbanding KDNK² meningkat kepada 8.3 berbanding dengan 6.6 pada tahun sebelumnya³ (Rajah 2).

Rajah 1 : Pertumbuhan CIC (%)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Kadar CIC berbanding KDNK (%)



Sumber: Bank Negara Malaysia

² Kadar CIC berbanding KDNK merupakan ukuran keamatan (*intensity*) wang tunai sesebuah negara.

³ Berdasarkan data pada tahun 2019 yang diperolehi daripada Bank for International Settlements, kadar CIC Malaysia berbanding KDNK (6.6) adalah lebih tinggi daripada Australia (4.0) dan UK (3.4) tetapi lebih rendah daripada Singapura (9.6) dan Jepun (19.3).

Operasi mata wang


Dalam menguruskan operasi mata wang, Bank memperoleh wang kertas daripada pencetak antarabangsa yang layak melalui tender terbuka dan menempa duit syiling di fasiliti penempaan Bank sendiri di Kilang Wang (KWG).

Tidak seperti wang kertas, Bank tidak dapat mengedar semula duit syiling yang sesuai untuk edaran pada skala yang sama. Hal ini kerana orang ramai kurang cenderung untuk mendeposit lebih duit syiling mereka di institusi kewangan. Bank menganggarkan bahawa sebanyak 30% daripada duit syiling yang dikeluarkan setiap tahun akhirnya terbiar di rumah, di dalam balang dan laci, sebagai “duit syiling mati” (*dead coins*). Untuk menggalakkan pagedaran semula duit syiling, Bank bekerjasama rapat dengan ejen duit syiling⁴ dan institusi kewangan untuk mengumpul duit syiling daripada orang ramai dan seterusnya dimasukkan semula ke dalam edaran. Pada tahun 2020, Bank telah mengumpul dan mengedar semula sebanyak 82.1 juta keping duit syiling atau 9.1% daripada keluaran

tahunan KWG. Jumlah ini merupakan penjimatan kos yang besar. Walau bagaimanapun, cabaran yang masih dihadapi adalah untuk mendapatkan kerjasama orang ramai supaya menggunakan semula lebih banyak duit syiling yang disimpan di rumah semasa membuat pembayaran transaksi runcit.

Tumpuan utama Bank adalah untuk mengekalkan kualiti wang kertas yang tinggi bagi memastikan orang ramai terus yakin dengan mata wang Malaysia. Hal ini memerlukan Bank melupuskan wang kertas yang telah lusuh dan rosak serta tidak lagi memenuhi standard kualiti dan menggantikannya dengan wang kertas baharu atau yang sesuai untuk edaran semula. Wang kertas yang sesuai untuk edaran semula (*fit banknotes*) adalah wang kertas terpakai yang memenuhi standard kualiti yang boleh diterima untuk diedarkan semula. Wang kertas yang didapati tidak lagi sesuai untuk edaran semula akan dilupuskan. Wang kertas ini diproses di Pusat Mata Wang Automatik (*Automated Cash Centre, ACC*) milik Bank dan pejabat-pejabat wilayah Bank di Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu. Secara keseluruhan,

Gambar Rajah 1: Pemprosesan Mata Wang di Pusat Mata Wang Automatik (*Automated Cash Centre, ACC*)



*Nota: Institusi Kewangan/Syarikat Perkhidmatan Perpindahan Wang Tunai

⁴ Ejen duit syiling menyediakan perkhidmatan logistik sehenti kepada Bank dan pelanggan, dengan semua duit syiling yang dikumpulkan daripada edaran akan diproses mengikut standard kualiti yang ditetapkan oleh Bank dan diasingkan berdasarkan tahap kesesuaiannya untuk edaran. Hanya duit syiling yang sesuai untuk edaran akan diedarkan semula, manakala duit syiling yang tidak sesuai untuk edaran akan dikembalikan kepada KWG untuk dilupuskan.


Bank memproses 2.3 bilion (2019: 2.9 bilion) keping wang kertas pada tahun 2020 dan melupuskan 23.3% (2019: 20%) daripada wang kertas ini yang tidak lagi memenuhi standard kualiti. ACC memproses kira-kira separuh daripada wang kertas yang dikumpulkan.

Pengeluaran Mata Wang

Dengan memanfaatkan kemudahan automasi canggih dan mesin pemrosesan berkelajuan tinggi, ACC mempunyai keupayaan yang besar untuk memproses wang kertas. Keupayaan ini membolehkan Bank memenuhi permintaan terhadap wang kertas yang sesuai untuk edaran semula dengan lebih cekap sepanjang tahun, meskipun ketika berhadapan dengan situasi pandemik.

Bank juga berperanan untuk memelihara integriti ringgit daripada pemalsuan wang kertas dan duit syiling. Pemalsuan mata wang merupakan suatu jenayah serius yang boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap ringgit. Bagi membanteras kegiatan pemalsuan wang kertas di negara ini, Bank bekerjasama rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan. Bank turut menganjurkan program kesedaran dan pendidikan mengenai mata wang. Pada tahun 2020, usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai isu-isu berkaitan dengan mata wang masih diteruskan meskipun secara maya. Usaha yang berterusan ini telah menyumbang kepada kadar pemalsuan mata wang Malaysia yang terus rendah. Pada akhir tahun 2020, kadar pemalsuan mata wang di Malaysia adalah kurang daripada satu bagi setiap sejuta keping (*piece per million*, ppm) wang kertas (2019: 1 ppm), dan kadar ini jauh lebih rendah berbanding dengan negara penanda aras yang lain (Rajah 3).

Rajah 3: Kadar pemalsuan mata wang Malaysia dan negara lain (ppm)




Nota: Data untuk tahun 2020 kecuali Thailand, New Zealand dan Kanada (2019)

Sumber: Bank Negara Malaysia serta laman sesawang dan laporan tahunan bank pusat masing-masing

Dalam menguruskan operasi mata wang, Bank berusaha memastikan kos operasi terus rendah dengan mengutamakan penggunaan dan pengagihan wang kertas yang sesuai untuk edaran semula. Pengedaran wang kertas yang sesuai untuk edaran semula sebagai alternatif kepada wang kertas baharu juga mengurangkan impak operasi mata wang Bank ke atas alam sekitar. Pencetakan 500 juta keping wang kertas baharu akan melepaskan sebanyak 1,450 tan karbon dioksida kepada alam sekitar

Gambar Rajah 2: Meminimumkan impak operasi mata wang ke atas alam sekitar

Mengeluarkan 500 juta keping wang kertas yang sesuai untuk edaran semula, dan bukan wang kertas baharu, boleh memberikan kesan positif yang ketara kepada alam sekitar





Pemandangan di dalam kawasan pemprosesan wang tunai yang menempatkan mesin-mesin pemprosesan wang tunai di ACC



Sekilas pandang bahagian dalam mesin pemprosesan wang tunai

selain menggunakan lebih 80 tan dakwat dan 2 juta kWh tenaga elektrik. Jumlah tenaga ini cukup untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada 7,500 buah rumah di Malaysia selama sebulan.

Bank turut mengeluarkan wang kertas atau duit syiling peringatan bagi memperingati peristiwa istimewa yang penting kepada negara. Pada tahun 2020, Bank mengeluarkan siri duit syiling peringatan bersempena dengan tiga peristiwa istimewa iaitu ulang tahun Universiti Kebangsaan Malaysia ke-50, ulang tahun penubuhan Putrajaya ke-25 dan

pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah bagi Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik pada tahun 2020 (Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC 2020).

Bank juga telah melaksanakan langkah-langkah untuk memberi orang ramai akses yang mudah dan selamat kepada perkhidmatan yang disediakan. Pada tahun 2020, Bank telah beralih kepada kaedah pesanan dan pembayaran secara dalam talian serta penghantaran duit syiling peringatan terus kepada pembeli. Di samping itu, Bank melancarkan proses



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan Ulang Tahun Universiti Kebangsaan Malaysia ke-50 (UKM50)



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan Ulang Tahun Penubuhan Putrajaya ke-25



Reka bentuk hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik 2020 di Malaysia (APEC 2020)

lelongan dalam talian sepenuhnya untuk lelongan ke-11 wang kertas Malaysia yang mempunyai nombor siri istimewa. Mulai bulan Januari 2021, Bank juga telah membenarkan penukaran wang kertas yang rosak di mana-mana kaunter institusi kewangan⁵ di seluruh negara. Sebelum ini, orang ramai hanya boleh berbuat demikian di ibu pejabat Bank dan Pejabat-pejabat BNM.

Akta Mata Wang 2020

Akta Mata Wang 2020 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2020. Akta ini menetapkan rangka kerja pengawalseliaan dan operasi yang menyeluruh untuk

pengurusan operasi mata wang. Undang-undang baharu ini akan melengkapkan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang sedia ada. Antara lain, undang-undang ini menghendaki mana-mana entiti yang terlibat dalam perniagaan pemprosesan mata wang⁶ untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam Perintah Mata Wang (Kehendak Pendaftaran) 2021 yang akan diwartakan tidak lama lagi. Mereka juga perlu berdaftar dengan Bank untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Selaras dengan peruntukan undang-undang baharu ini, bagi memastikan kualiti yang tinggi dan integriti mata wang dalam edaran, semua pemproses mata wang yang berdaftar perlu mematuhi standard kualiti dan integriti yang akan diumumkan oleh Bank pada tahun 2021.

⁵ Orang ramai akan mendapat nilai penuh wang kertas yang rosak dengan serta-merta dalam kes yang 'jelas'. Sebaliknya, kes-kes tertentu akan dirujuk oleh institusi kewangan kepada Bank. Orang ramai akan menerima nilai wang kertas yang rosak setelah kes tersebut dinilai oleh Bank. Kes yang jelas adalah apabila wang kertas yang rosak memenuhi semua syarat yang berikut:

- Saiz wang kertas yang rosak adalah dua pertiga atau lebih daripada ukuran asal;
- Wang kertas yang rosak tidak mengandungi sebarang tanda pada potret DYMM Yang di-Pertuan Agong atau tulisan yang menggambarkan slogan politik; dan
- Wang kertas rosak bukan disebabkan oleh tanda atau tulisan perkataan, angka dan lain-lain.

⁶ Seksyen 2(1) Akta Mata Wang 2020 mentakrifkan perniagaan pemprosesan mata wang sebagai perniagaan yang mengumpul, menyisih serta membungkus mata wang mengikut kualiti, kuantiti dan denominasi.

Operasi Mata Wang semasa Pandemik COVID-19

Mata wang dalam edaran (*Currency in Circulation, CIC*) berubah seiring dengan tahap kegiatan ekonomi. Berdasarkan data terdahulu, meskipun permintaan terhadap CIC negara kita adalah bermusim, sebahagian besarnya boleh dijangka. CIC meningkat dengan ketara setiap kali musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina serta pada cuti hujung tahun, dan berkurang selepas itu. Keadaan yang dapat dijangka ini membolehkan Bank menguruskan stok mata wang pada tahap yang wajar dan menyimpan stok tambahan lebih awal sebelum permintaan terhadap mata wang dijangka meningkat.

Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara tiba-tiba bagi membendung pandemik COVID-19, permintaan orang ramai terhadap wang tunai meningkat dengan mendadak seperti yang dinyatakan pada bahagian awal bab ini. Pada akhir tahun 2020, CIC mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 14.3% kepada RM130.4 bilion berbanding dengan purata sepuluh tahun sebanyak 8.9%.

Tahun 2020 menyaksikan perbelanjaan pengguna yang lebih lemah serta peningkatan e-dagang dan perbelanjaan dalam talian¹ yang pesat. Namun, bertentangan dengan jangkaan, CIC mencatatkan pertumbuhan kukuh. Keadaan ini terjadi akibat tindakan orang ramai yang menyimpan wang tunai secara berlebihan untuk keselesaan dan kesediaan mengharungi situasi pandemik. Hal ini berlaku bukan hanya di Malaysia malah banyak negara lain turut melaporkan fenomena yang sama.

Peningkatan permintaan secara mendadak terhadap wang tunai semasa PKP memberikan cabaran operasi kepada Bank dalam memastikan orang ramai terus mendapat akses mudah kepada wang tunai sepanjang tahun. Pada masa yang sama, apabila orang ramai memegang lebih banyak wang tunai, jumlah deposit daripada institusi kewangan yang diterima Bank sepanjang tahun menurun sebanyak 23%. Oleh yang demikian, wang kertas yang sesuai untuk edaran (*fit banknotes*) turut berkurang untuk diedarkan semula.

Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi peningkatan permintaan yang mendadak terhadap wang tunai, Bank telah melaksanakan tiga pelan tindakan. Pertama, Bank menggunakan penampannya iaitu stok mata wang tambahan yang disimpan melebihi jumlah penggunaan biasa. Stok penampunan ini disimpan bagi memastikan wang tunai mencukupi untuk memenuhi permintaan orang ramai yang meningkat secara mendadak dalam sebarang keadaan yang tidak dijangka. Semasa pandemik ini, menyimpan stok penampunan yang mencukupi terbukti amat diperlukan oleh Bank bagi memastikan tidak berlakunya kekurangan wang tunai dalam edaran sepanjang tahun 2020.

Kedua, Bank bekerjasama rapat dengan rakan strategik dalam industri terutamanya institusi kewangan dan syarikat perkhidmatan perpindahan wang tunai (*Cash-in-Transit, CIT*)² bagi memastikan ketersediaan wang tunai di lebih 12,000 mesin juruwang automatik (*automated teller machine, ATM*) di seluruh negara. Dalam hal ini, memandangkan institusi kewangan dan syarikat CIT diklasifikasikan sebagai perkhidmatan perlu, mereka terus dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

Ketiga, ACC milik Bank, yang mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk memproses wang kertas dalam jumlah yang besar untuk edaran semula, memainkan peranan penting dalam memenuhi peningkatan permintaan yang mendadak terhadap wang tunai semasa pandemik. Secara khusus, bagi memastikan kesinambungan perniagaan dan gangguan yang minimum terhadap operasi di ACC dan Pejabat BNM, Bank melaksanakan pembahagian operasi dan penubuhan pasukan sokongan. Sekiranya kakitangan terdedah kepada virus, kawasan yang terkesan disanitasi dengan sebaiknya dan pasukan sokongan akan mengambil alih operasi. Pematuhan sepanjang masa terhadap SOP kesihatan dan keselamatan diberi perhatian yang tinggi, terutamanya dalam mengamalkan penjarakan fizikal yang ketat dan penjagaan kebersihan diri.

¹ Contohnya, perbelanjaan kad debit dan dalam talian di Malaysia meningkat masing-masing sebanyak 26.8% dan 34.5% dalam tempoh antara 14 Oktober hingga 10 November 2020. Transaksi perbankan dalam talian juga meningkat sebanyak 10% pada S4 2020 berbanding dengan S3 2020.

² CIT melaksanakan fungsi pengumpulan dan pengedaran wang tunai di seluruh negara.

Gambar Rajah 1: Pelan Tindakan Bank bagi Menguruskan Operasi Mata Wang semasa Pandemik COVID-19


Menguruskan Bekalan Wang Tunai

Penggunaan penampunan wang tunai

Membuat pengeluaran daripada penampunan bagi memenuhi peningkatan permintaan yang mendadak terhadap wang tunai

Kerjasama dengan rakan strategik

Memastikan institusi kewangan dan syarikat CIT boleh beroperasi seperti biasa semasa PKP



Menguruskan Operasi Wang Tunai

Pembahagian operasi dan pasukan sokongan

Melaksanakan pelan kesinambungan perniagaan termasuk pembahagian operasi dan pasukan sokongan bagi operasi mata wang penting di Pusat Mata Wang Automatik (*Automated Cash Centre, ACC*) dan Pejabat BNM

Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) kesihatan dan keselamatan

Memastikan kakitangan mematuhi sepenuhnya SOP kesihatan dan keselamatan setiap masa

Secara ringkas, meskipun terdapat peningkatan permintaan secara mendadak yang tidak dijangka terhadap wang tunai dan keadaan persekitaran operasi yang mencabar akibat sekatan pergerakan, Bank berupaya untuk terus menyediakan akses serta menjamin ketersediaan wang tunai kepada orang ramai sepanjang tahun 2020. Hal ini dapat dicapai terutamanya dengan memastikan operasi wang tunai di ACC dan Pejabat BNM tidak terganggu selain mengadakan kerjasama rapat dengan rakan strategik Bank, iaitu institusi kewangan dan syarikat CIT.

Mengekalkan Integriti Kewangan

Bank terus komited untuk memelihara integriti sistem kewangan Malaysia dalam suasana pandemik dengan memastikan institusi pelapor terus patuh terhadap standard pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (*anti-money laundering and countering financing of terrorism, AML/CFT*).

Peranan Bank

Di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001*), Bank berperanan sebagai Unit Perisikan Kewangan (*Financial Intelligence Unit, FIU*) dalam negara. Bank turut bertanggungjawab menerajui rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang teguh dengan kerjasama Kementerian dan agensi yang berkaitan, demi melindungi negara daripada risiko dan ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing, ML/TF*). Tanggungjawab ini termasuk menyokong, menyelia dan menguatkuasakan pematuhan terhadap peraturan AML/CFT oleh institusi pelapor yang terdiri daripada institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial institutions, NBFi*)¹, serta perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (*designated non-financial businesses and professions, DNFBP*)².

¹ Termasuk syarikat kredit, perniagaan pemajakan dan pemfaktoran serta perkhidmatan kewangan melalui pos.

² Termasuk kasino, peguam, akauntan, peniaga logam berharga atau batu permata, perniagaan perjudian, pemegang pajak gadai, syarikat amanah dan ejen harta tanah berdaftar.

Peranan yang dijalankan oleh Bank memerlukan kerjasama yang erat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies, LEA*) dalam negara untuk memastikan hasil risikan kewangan disalurkan dengan kadar segera dan berkesan. Bagi memupuk tindakan berjaga-jaga dan responsif dalam menangani aktiviti ML/TF yang sentiasa berubah, maklumat yang berkaitan dengan trend, teknik dan ancaman ML/TF terkini juga dikongsi dengan LEA dan institusi pelapor. Bank juga mempengerusikan dan berperanan sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC*), yang diwakili oleh 16 Kementerian dan agensi Kerajaan. Platform antara agensi ini bertanggungjawab menyelaras, melaksana dan memantau inisiatif AML/CFT pada peringkat kebangsaan.

Tindak balas terhadap pandemik COVID-19

Bank telah memberikan keutamaan untuk membantu industri menangani cabaran ketika negara menghadapi keadaan pandemik supaya institusi pelapor lebih berwaspada terhadap jenayah yang timbul disebabkan kerentanan situasi pandemik. Bagi tujuan ini, Surat Pekeliling Mengenai Kehendak Pengawalseliaan terhadap Langkah-Langkah AML/CFT semasa Pandemik COVID-19 telah dikeluarkan pada bulan April 2020 untuk memberikan panduan tambahan mengenai pematuhan keperluan AML/CFT dengan mengambil kira impak COVID-19 terhadap operasi perniagaan. Antara lain, dokumen ini memperjelas fleksibiliti pengawalseliaan yang diberikan kepada institusi pelapor dalam melaksanakan langkah-langkah usaha wajar pelanggan (*customer due diligence, CDD*) secara jarak jauh berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan. Hal ini dapat memastikan akses yang berterusan kepada perkhidmatan kewangan. Bank juga mengeluarkan beberapa siri dokumen khidmat

Gambar Rajah 1: Rejim AML/CFT Malaysia

Bank Negara Malaysia – FIU di bawah AMLA 2001

Mewujudkan rangka kerja AML/CFT menyeluruh

Dasar			
Menyelaras, melaksana dan memantau inisiatif AML/CFT kebangsaan			
Fungsi	Pihak Berkepentingan yang Terlibat		Kerjasama Antarabangsa
Langkah Pencegahan	Institusi Pelapor <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan obligasi AML/CFT 	Pihak Berkuasa Penyelia <ul style="list-style-type: none"> Menyelia dan memantau pematuhan AML/CFT oleh institusi pelapor 	Kerjasama dengan rakan penyelia asing
Risikan	Unit Risikan Kewangan (FIU) <ul style="list-style-type: none"> Mengumpul, menganalisis dan menghantar hasil risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang 		Kerjasama melalui pertukaran risikan kewangan dengan FIU asing
Siasatan	Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang (LEA) <ul style="list-style-type: none"> Menyiasat kesalahan predikat dan ML/TF 		Kerjasama berhubung dengan siasatan bersama-sama rakan sejawat asing
Dakwaan & Badan Kehakiman	Dakwaan & Pihak Berkuasa Badan Kehakiman <ul style="list-style-type: none"> Membuat dakwaan berhubung dengan kesalahan predikat dan ML/TF, mengenakan hukuman yang berkesan, setara dan bersifat menghalang (<i>dissuasive</i>), serta merampas hasil aktiviti haram dan peralatan sesuatu kesalahan 		Kerjasama melalui bantuan perundangan bersama, ekstradisi dan kerjasama antarabangsa lain

nasihat kepada institusi kewangan, penanggung insurans dan pengendali takaful serta perniagaan perkhidmatan wang mengenai jenayah yang berkaitan dengan COVID-19, trend ML/TF dan tanda-tanda amaran (*red flags*) bagi membantu pemantauan transaksi dan juga pengesanan transaksi yang mencurigakan. Usaha ini, bersama-sama pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) institusi pelapor yang kukuh, bertujuan untuk mengekalkan integriti dan keyakinan terhadap sistem kewangan sambil memastikan perkhidmatan kewangan dapat disediakan kepada orang ramai secara berterusan tanpa sebarang gangguan sepanjang tempoh pandemik. Dalam tempoh ini, institusi pelapor terus mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan (*suspicious transaction report*, STR), yang disokong oleh keupayaan pemantauan dan analisis, yang sebahagian besarnya kekal utuh terutamanya dalam kalangan institusi kewangan.

Memperkuh rangka kerja AML/CFT

Bank mengawal dan menyelia lebih 30,000 institusi pelapor dalam sektor kewangan dan bukan kewangan

di bawah rangka kerja AML/CFT. Sebagai barisan pertahanan pertama terhadap jenayah kewangan, institusi pelapor tertakluk pada keperluan yang ditetapkan dalam dokumen dasar yang berkenaan³ bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko ML/TF.


Pada tahun 2020, Bank telah mengeluarkan dua dokumen panduan⁴ mengenai pemunyaan benefisial dan pengesahan identiti pelanggan. Panduan ini bertujuan memudahkan pelaksanaan keperluan-keperluan yang ditetapkan dalam dokumen dasar selain mengesyorkan langkah-langkah untuk memperkuh kawalan terhadap transaksi dan hubungan perniagaan yang berisiko tinggi.

Sebagai sekretariat NCC, Bank telah menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap pengaturan sedia ada, yang antara lain melibatkan penjajaran semula fokus dan hala tuju kebangsaan berkenaan AML/CFT selaras dengan perkembangan landskap teknologi dan risiko. Pelan strategik kebangsaan

³ Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Institusi Kewangan, DNFBP dan NBF1.


⁴ Panduan Pemunyaan Benefisial dan Panduan Pengesahan Pelanggan Individu untuk Usaha Wajar Pelanggan.

Gambar Rajah 2: Institusi Pelapor di bawah AMLA 2001 yang diselia oleh Bank



yang baharu akan lebih menekankan kerjasama yang lebih teguh melalui inisiatif bersama antara agensi serta penggunaan teknologi seperti analisis data,

Gambar Rajah 3: Penilaian Risiko Kebangsaan



dalam menyokong fungsi risikan, penyeliaan dan penyiasatan. Akhir sekali, pelan strategik ini akan mengambil kira hasil dapatan daripada Penilaian Risiko Negara (*National Risk Assessment, NRA*) yang sedang dijalankan. Penilaian ini dijalankan setiap tiga tahun pada peringkat kebangsaan dan bertujuan untuk menilai sejauh mana Malaysia terdedah kepada jenayah berisiko tinggi, serta jurang kelemahan pelbagai sektor, termasuk terhadap risiko baru muncul dalam landskap ML/TF.

Penyeliaan terhadap DNFBP dan NBFI

Berikutan pandemik yang melanda, Bank telah mengubah pendekatan penyeliaannya ke atas DNFBP dan NBFI dengan memberikan tumpuan terhadap penyeliaan secara jarak jauh. Pendekatan ini termasuk pemeriksaan yang melibatkan sidang video serta penggunaan instrumen pengawasan luar premis seperti Laporan Data dan Pematuhan 2020 (*Data and Compliance Report, DCR*). Bank juga telah mengadakan 12 klinik DCR secara dalam talian bagi memberikan panduan kepada institusi pelapor untuk mengemukakan maklum balas yang tepat. Panduan yang diberikan telah berjaya meningkatkan maklum balas DCR sebanyak sepuluh kali ganda berbanding dengan tahun 2019. Bank juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dan interaksi

secara maya, bersendirian serta melalui kerjasama dengan badan pengawalseliaan sendiri (*self-regulatory bodies, SRB*)⁵ dan persatuan industri untuk menangani isu AML/CFT yang dihadapi oleh industri dan seterusnya meningkatkan pemahaman mengenai pengawalseliaan AML/CFT. Sesi ini termasuk enam siri webinar, penyediaan pakar untuk webinar atau dialog yang dianjurkan oleh SRB, penerbitan tiga video kesedaran dan penerbitan buletin yang menyentuh topik ringkas mengenai AML/CFT serta isu yang berkaitan dengan COVID-19. Secara keseluruhan, inisiatif peningkatan pemahaman mengenai AML/CFT telah mencatatkan pertambahan penyertaan sebanyak dua kali ganda berbanding dengan tahun lepas. Di samping itu, dalam usaha untuk menambah baik pelaksanaan langkah-langkah pematuhan AML/CFT secara berterusan, inisiatif yang dipacu industri, pemantauan pematuhan AML/CFT yang diterajui SRB dan program latihan kepada tenaga pengajar (*train-the-trainer*) telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan.


Perkongsian risikan kewangan dan menyokong penguatkuasaan undang-undang

Sebagai kustodian risikan kewangan di bawah AMLA 2001, Bank mengumpul, menganalisis dan menyalurkan risikan kewangan yang disyaki berkaitan dengan aktiviti ML/TF kepada LEA dalam negeri dan FIU asing, untuk siasatan lanjut ke atas kesalahan di bawah bidang kuasa mereka. Bagi membolehkan tanggungjawab ini dilaksanakan dan seterusnya melindungi sistem kewangan, Bank bergantung pada pelaksanaan obligasi pelaporan yang teratur, termasuk pengendalian CDD serta penghantaran STR dan laporan nilai ambang tunai (*cash threshold reports, CTR*) oleh institusi pelapor secara berkualiti dan tepat pada waktunya. Sebagai ahli Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force, FATF*)⁶ dan Kumpulan FIU Egmont

(*Egmont Group of FIU*)⁷, Bank komited untuk memastikan pematuhan terhadap Saranan FATF⁸, serta mempunyai obligasi tertentu untuk mematuhi kebebasan operasi dan tahap kerahsiaan yang tinggi dalam mengendalikan maklumat risikan yang dikongsi antara agensi penguatkuasaan dan FIU asing.

Bilangan STR yang dihantar oleh institusi pelapor meningkat sebanyak 18% kepada 133,978 pada tahun 2020. Secara khususnya, Bank mendapati kenaikan yang ketara dalam penghantaran STR adalah berkaitan dengan penipuan, perjudian haram, pertaruhan haram dan kesalahan cukai yang disyaki. Lebih 80% hasil risikan kewangan yang dikemukakan kepada LEA pada tahun 2020 berunsurkan jenayah berisiko tinggi⁹, yang kebanyakannya disyaki berkaitan dengan aktiviti penipuan (42%). Pendedahan tersebut juga telah membawa kepada penangkapan dan seterusnya pendakwaan terhadap lebih 50 individu yang terlibat dalam kegiatan rasuah dan perjudian haram. Selain itu, hasil pendedahan ini juga telah mendorong kepada rampasan hasil jenayah bernilai lebih RM366 juta dan pemerolehan semula hasil sebanyak lebih RM172 juta. Hasil pendedahan ini juga telah membolehkan pembekuan dibuat ke atas hasil haram yang disimpan di luar negara serta pemerolehan semula dana yang dipindahkan secara penipuan.

Rajah 1: Peratus hasil risikan berkaitan dengan jenayah serius



Sumber: Bank Negara Malaysia

⁵ SRB merujuk organisasi yang mewakili profesion tertentu (cth. peguam, akauntan atau setiausaha syarikat), dan terdiri daripada ahli daripada profesion tersebut, berperanan menyelia individu yang layak untuk menyertai bidang tersebut dan merupakan pengamal profesion tersebut, dan melaksanakan fungsi penyeliaan atau pemantauan tertentu.

⁶ FATF merupakan badan antara kerajaan yang menetapkan piawaian antarabangsa dan menggalakkan pelaksanaan langkah undang-undang, pengawalseliaan dan operasi yang berkesan bagi memerangi ancaman terhadap integriti sistem kewangan antarabangsa.

⁷ Kumpulan FIU Egmont menyediakan platform yang selamat untuk bertukar-tukar kepakaran dan risikan kewangan bagi memerangi ML/TF, sambil memupuk komunikasi yang lebih baik dalam kalangan FIU.

⁸ Saranan FATF merupakan piawaian dunia yang disahkan pada peringkat antarabangsa untuk memerangi ML/TF, pembiayaan percambahan dan ancaman lain yang berkaitan.

⁹ Jenayah berisiko tinggi termasuk penipuan (42%), rasuah (8%), jenayah terancang (3%), penyeludupan (1%), pengedaran dadah (3%) seperti yang dikenal pasti di bawah NRA 2017, serta keganasan dan pembiayaan keganasan (18%) dan pembiayaan percambahan (7%).

Berdasarkan STR yang diterima berkaitan penipuan, akaun keldai¹⁰ (*mule account*) didapati telah disalahgunakan dengan lebih meluas dalam melakukan pelbagai jenis penipuan. Bagi menangani isu yang semakin membimbangkan ini, pendekatan yang menyeluruh dan terselaras telah dirumuskan oleh pihak berkuasa melalui tindakan penguatkuasaan tegas di bawah AMLA 2001. Untuk mempergiatkan usaha ini, Bank telah melaksanakan langkah pencegahan dengan mempertingkatkan tahap kesedaran orang ramai dan menambah baik platform interaksi dengan mereka melalui platform 'Amaran Scam' untuk memberikan amaran berkenaan dengan risiko penyalahgunaan akaun mereka. Bagi tujuan ini, Bank menggalakkan perkongsian maklumat yang lebih lancar dalam kalangan institusi pelapor dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk berfungsi sebagai mekanisme amaran awal supaya dapat mengesan pemegang akaun keldai dengan lebih cekap, serta memastikan dana dalam akaun tersebut dapat dibekukan.

Bank memanfaatkan hubungannya yang erat dengan pihak berkepentingan utama dalam usaha berterusan untuk membanteras jenayah kewangan. Salah satu platform tersebut ialah Rangkaian Perisikan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Intelligence Network, MyFINET*), iaitu platform perkongsian awam-swasta di Malaysia yang bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat antara sektor awam dengan swasta dan seterusnya meningkatkan kemampuan sektor swasta untuk mengesan tingkah laku dan transaksi yang mencurigakan berkaitan dengan jenayah serius, seperti rasuah, pembiayaan percambahan (*proliferation financing, PF*)¹¹ dan perdagangan orang dalam (*insider trading*). Platform ini juga berupaya untuk memberikan sokongan yang berterusan kepada FIU asing, dan ini terbukti berkesan dengan pemerolehan semula dengan serta-merta dana yang dipindahkan secara penipuan ke dalam akaun bank di Malaysia berjumlah RM7 juta.

Bank terus meningkatkan keupayaannya untuk memantau dan mengesan jenayah menggunakan sains data untuk menganalisis STR bagi mengenal pasti STR yang memerlukan perhatian segera. Pendekatan ini

merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih besar untuk memanfaatkan sains data bagi membuat jangkaan risiko yang bakal dihadapi, meningkatkan keberkesanan analisis terutamanya bagi kes-kes yang rumit, dan mengumpulkan pendedahan berkualiti dan berimpak tinggi untuk LEA yang berkenaan.

Penyertaan global untuk memerangi jenayah kewangan

Bank mewakili negara pada peringkat antarabangsa dengan mengambil bahagian dalam pelbagai forum global. Sebagai Pengerusi Bersama Kumpulan Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram (*Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG*)¹² dari tahun 2020-2022, Bank menerajui beberapa bidang keutamaan yang merangkumi peningkatan penyeliaan ke atas sektor-sektor DNFBP, meningkatkan kepakaran dan penggunaan analisis data oleh pihak berkuasa, serta menggalakkan amalan terbaik dalam kerjasama awam-swasta. Selain itu, Bank juga telah menyumbang kepakaran teknikal untuk penilaian bersama¹³ yang dijalankan oleh FATF dan APG.

Satu aspek penting ialah hubungan kukuh Bank dengan pelbagai FIU asing, yang dijalin melalui keahlian Bank dalam Kumpulan FIU Egmont, dan melalui Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding, MoU*) dengan negara lain. Sehingga kini, Malaysia telah memeterai sebanyak 44 MoU, dengan empat MoU lagi masih dalam peringkat rundingan.

Pada peringkat serantau, Bank mengetuai tiga projek bersama negara-negara lain dalam Kumpulan Perunding Risikan Kewangan (*Financial Intelligence Consultative Group, FICG*), iaitu suatu forum serantau yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama bersilang dalam pertukaran risikan kewangan dan peningkatan keupayaan berdasarkan keutamaan jenayah transnasional, di samping memperdalam pemahaman risiko ML/TF yang utama pada peringkat serantau. Projek-projek ini termasuk pembangunan tanda-tanda amaran pengubahan

¹⁰ Pemegang akaun keldai merupakan individu yang membenarkan akaunnya digunakan oleh individu lain untuk menerima deposit berkaitan aktiviti penipuan.

¹¹ PF merujuk pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*weapons of mass destruction, WMD*) selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkenaan, iaitu *United Nation Security Council Resolutions, UNSCR 1718 (2006)* mengenai Republik Rakyat Demokratik Korea dan resolusi penggantinya dan *UNSCR 2231 (2015)* berkaitan dengan Iran.

¹² APG merupakan organisasi antara kerajaan serantau, yang tertumpu pada usaha untuk memastikan pematuhan berkesan terhadap piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF. APG adalah sebahagian daripada rangkaian global yang merangkumi organisasi-organisasi yang serupa (iaitu *FATF-Style Regional Bodies, FSRB*) dan adalah yang terbesar dari segi keahlian dan saiz geografi.

¹³ Penilaian bersama ialah sistem tinjauan negara setara yang menganalisis tahap pematuhan standard AML/CFT antarabangsa serta keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh negara tersebut.

hasil rasuah transnasional dan pembentukan platform yang selamat bagi perkongsian maklumat untuk memudahkan komunikasi serta perkongsian maklumat antara FIU serantau.

Langkah selanjutnya

Bank akan terus berusaha untuk melindungi integriti sistem kewangan. Bagi langkah

selanjutnya, usaha yang akan dilaksanakan termasuk memanfaatkan teknologi untuk menambah baik pemantauan, mendorong hasil risikan kewangan yang berkualiti dan mengekalkan kerjasama yang berkesan dengan pihak berkepentingan utama. Pihak yang berkepentingan akan dapat memerangi ancaman ML/TF dengan lebih responsif dan berkesan dengan kemahiran yang lebih tinggi untuk menjangka dan menentukan ancaman ketara yang bakal dihadapi.

Pengurusan Bank

- 78 Tenaga Kerja Bank
- 83 Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari
- 92 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 98 Menyantuni Rakyat Malaysia
- 104 *Rencana: Asas bagi Memperkasakan Pengurusan Kewangan Anda*
- 108 Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa

Pengurusan Bank



Pengurusan Bank

Warga Bank

Warga kerja merupakan aset Bank yang paling penting. Melalui warga kerja, Bank berupaya melaksanakan mandatnya. Oleh itu, Bank berusaha untuk menarik minat sumber tenaga kerja yang terbaik di Malaysia dan mewujudkan persekitaran yang mendorong mereka untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan banyak cabaran kepada warga Bank kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan cara kerja yang baharu. Beberapa penyesuaian diperlukan untuk bekerjasama secara berkesan, berkomunikasi, serta berbincang dan berinteraksi antara satu

sama lain tanpa pertemuan secara fizikal. Hal ini turut mempercepatkan penggunaan teknologi mesyuarat secara maya. Warga Bank berupaya untuk mengekalkan ketangkasan serta menyesuaikan diri dengan norma baharu ini. Perhatian khusus diberikan pada usaha menyediakan pengaturan kerja yang terus menyokong aliran maklumat penting secara selamat dan tepat pada masanya bagi penilaian risiko dan proses membuat keputusan. Bank turut menitikberatkan usaha memelihara kesejahteraan kakitangan pada tempoh yang luar biasa ini. Usaha tersebut turut melibatkan persediaan persekitaran yang menyokong kakitangan Bank untuk terus mencapai tahap produktiviti dan penglibatan kakitangan yang tinggi.

Memastikan warga Bank terus selamat sepanjang tempoh yang mencabar ini

Bank menubuhkan pasukan petugas daripada pelbagai fungsi untuk menangani semua aspek keselamatan dan kesejahteraan kakitangannya secara menyeluruh serta memastikan

Penolong Gabenor Fraziali Ismail memberi taklimat secara maya kepada media mengenai program Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar Bank Negara Malaysia.



kesinambungan urusan Bank. Hal ini termasuk mengkaji semula pengaturan kerja bagi memenuhi keperluan penjarakan fizikal dan mengurangkan risiko jangkitan. Bank telah mengingatkan kakitangannya secara berkala mengenai tanggungjawab masing-masing, dan alat kelengkapan kesihatan peribadi juga telah diagihkan kepada semua kakitangan pada peringkat awal penularan ini. Bank turut memberikan keutamaan terhadap pemberian sokongan berhubung dengan kesihatan mental melalui *Worklife Assistance Programme*.

Bank telah menggalakkan kakitangannya untuk bekerja dari jarak jauh, dan hanya 20% sahaja yang bekerja di pejabat. Pengaturan bekerja dari rumah (*work from home*, WFH) memberikan cabaran khusus dalam mengasimilasikan kakitangan baharu, mengekalkan tahap penglibatan serta memupuk persekitaran yang sesuai untuk interaksi yang berkualiti antara ahli pasukan kerja. Bagi menangani isu ini, Bank banyak memanfaatkan platform pembelajaran secara maya bagi memastikan warga kerjanya terus saling berhubung dan dapat memahami keutamaan Bank dengan jelas dalam usaha mengurus krisis ini. Bank menjalankan pelbagai pemantauan rapi (*pulse-checks*) bagi memahami isu yang dihadapi oleh warga Bank. Melalui pemantauan ini, Bank mendapati kebanyakan warga Bank dapat menyesuaikan diri dengan baik di bawah pengaturan WFH yang berpanjangan. Meskipun ada kebimbangan yang dibangkitkan mengenai kurangnya interaksi sosial antara rakan sekerja, warga Bank telah dapat menyesuaikan diri dengan pantas terhadap peningkatan penggunaan alat digital untuk membuat keputusan yang lebih cekap dan kerjasama yang lebih erat. Kefahaman yang diperoleh daripada pemantauan ini akan terus membantu Bank menyokong kakitangannya dengan berkesan apabila Bank memanfaatkan teknologi dengan sebaiknya bagi mengoptimumkan norma kerja baharu untuk jangka lebih panjang.

Perubahan penting cara bekerja di Bank

Bank secara berperingkat telah menyediakan peralatan yang diperlukan oleh semua kakitangan untuk membolehkan mereka bekerja dari jarak jauh dalam keadaan selamat dan cekap. Langkah ini memperluaskan usaha berterusan untuk memperkukuh infrastruktur digital Bank, khususnya bagi menambah baik proses kerja dan meningkatkan

daya tahan siber. Di samping itu, Bank juga mengubah suai cara kakitangan bekerjasama bagi meningkatkan keberkesanan dalam menangani krisis ini serta kepantasan memberi tindak balas. Bank telah mewujudkan beberapa pasukan pelbagai fungsi yang terdiri daripada semua pakar bidang yang berkaitan untuk memberikan tumpuan pada usaha menangani isu-isu khusus. Tumpuan pasukan-pasukan ini bukan hanya pada tindak balas dasar Bank terhadap krisis bahkan juga kepada isu-isu berkaitan dengan pengurusan dalaman organisasi. Pada masa yang sama, Bank menggembeng semula kakitangannya mengikut bidang keutamaan yang lebih penting.

Seiring dengan langkah melengkapkan kakitangannya dengan peralatan yang perlu, Bank telah mengubah suai proses pengurusan tenaga kerja mahirnya, daripada pemberian biasiswa, pengambilan serta pergerakan tenaga kerja mahir hinggalah kepada pembelajaran dan pembangunan. Pada tahun 2020, sebanyak 43 biasiswa telah dianugerahkan kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dalam program prauniversiti, ijazah pertama dan sarjana. Bank turut menyediakan program peningkatan kemahiran yang tepat pada masanya (*just-in-time*) dalam penggunaan alat dan sumber digital. Kebanyakan daripada perubahan ini akan meningkatkan ketangkasan Bank pada masa hadapan dalam persekitaran norma kerja baharu dan perubahan harapan kakitangan.

Gambar Rajah 1: Menyesuaikan proses pengurusan bakat dengan pandemik

 <p>Temu duga & penilaian melalui sidang video</p> <p>untuk calon pekerja baharu dan penerima biasiswa, serta pergerakan tenaga mahir dalaman</p>	 <p>Pelaporan diri untuk bertugas & on-boarding pekerja baharu secara maya</p> <p>147 pekerja baharu melaporkan diri untuk bertugas sejak pandemik bermula</p>
 <p>Ujian psikometri & penyerahan video</p> <p>untuk mempertingkatkan ketelitian penilaian bakal pemegang biasiswa</p> <p>43 biasiswa dianugerahkan kepada pelajar dan kakitangan yang cemerlang</p>	 <p>Pembelajaran secara maya untuk pembangunan berterusan</p> <p>seperti e-pembelajaran, webinar dan bilik darjah secara maya telah giat dijalankan</p> <p>67% kakitangan menghadiri 2,401 program, dengan 95% daripadanya merupakan pembelajaran secara maya</p>

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank juga telah membuat pelarasan dan meringkaskan proses penilaian prestasi kerja bagi mengambil kira keadaan khusus yang berlaku pada tahun 2020. Kategori dan penunjuk prestasi telah dikaji semula, mengambil kira keperluan untuk memastikan data individu masih mencukupi untuk proses pengurusan tenaga kerja mahir yang kritikal dan memelihara budaya organisasi berasaskan prestasi. Pendekatan yang ringkas ini mengambil kira perubahan persekitaran operasi Bank yang memerlukan keutamaan organisasi diubah dan keperluan untuk kakitangan menyesuaikan diri dengan pengaturan kerja dalam norma baharu.


Bank juga memberikan tumpuan pada perancangan awal untuk memastikan strategi modal insannya terus relevan dalam persekitaran selepas pandemik. Penggunaan teknologi jarak jauh yang lebih pesat, peralihan kepada kerja dari jarak jauh dan penekanan lebih tinggi terhadap pasukan pelbagai fungsi telah

menegaskan perlunya penyusunan semula fungsi dan meningkatkan kemahiran beberapa kumpulan tertentu warga kerja Bank agar mereka dapat terus menjalankan tugas dengan berkesan. Inisiatif ini termasuk pembangunan bersasar berhubung dengan kelancaran digital serta pengurusan pejabat dan pentadbiran secara profesional bagi kumpulan sokongan pentadbiran Bank. Bank juga terus memberikan sokongan kepada warga kerjanya untuk mendapatkan kelayakan profesional dan meneruskan pembelajaran dalam bidang yang berkaitan dengan mandat Bank.


Pengurusan tenaga kerja mahir terus diperkukuh

Bank terus menggalakkan pelarasan yang lebih baik antara warga kerja, mandat dan keutamaan organisasinya. Hal ini mencerminkan keperluan

Gambar Rajah 2: Demografi Tenaga Mahir



Nota: Generasi milenial (atau Gen Y) ditakrifkan sebagai individu yang lahir antara tahun 1981 hingga 1996.



Jawatan	Pembahagian gender	
Pengurusan Kanan	43%	57%
Pengurus	58%	42%
Eksekutif Peringkat Pertama	57%	43%
Bukan Eksekutif	37%	63%

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Pembelajaran dan Pembangunan



**Pelaburan pembelajaran dan pembangunan
(learning and development, L&D)
daripada gaji kasar:**

4.12%

[purata 3 tahun (2017–2019): 6.92%]

Nota:

- Pelaburan L&D terdiri daripada program pembelajaran, mesyuarat antarabangsa untuk pendedahan semasa kerja kepada pemahaman dan rangkaian baharu, biasiswa pasca siswazah kepada kakitangan, pemprofilan kepimpinan dan kos kakitangan L&D.
- Pelaburan lebih rendah akibat pembatasan terhadap pembelajaran dan mesyuarat antarabangsa secara bersemuka semasa pandemik.



**Purata masa pembelajaran
bagi setiap eksekutif**

30 jam


[purata 3 tahun
(2017–2019): 56 jam]

Nota:

- Walaupun jumlah masa pembelajaran lebih rendah, bilangan program adalah lebih tinggi pada 2,401 (purata 3 tahun: 1,343), dengan kebanyakannya merupakan pembelajaran secara maya. Sesi secara maya ini lebih pendek tetapi mengandungi lebih banyak interaksi dan perbincangan pembelajaran.

**Nisbah pembelajaran secara maya kepada
pembelajaran secara bersemuka – 95:5**

[purata 3 tahun (2017–2019) –1:99]



**Pembelajaran secara
maya**

39% Webinar dalam talian


39% E-pembelajaran

11% Bilik darjah secara maya

3% Audio siar

2% Interaksi dalam talian

1% Pensijilan dalam talian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank untuk meningkatkan ketangkasnya sebagai sebuah organisasi supaya dapat terus berfungsi dengan berkesan dalam persekitaran yang pesat berubah. Bank telah mula melaksanakan kajian semula terhadap struktur organisasinya dengan tujuan untuk memperkukuh budaya kerjasama dan akauntabiliti, memanfaatkan dengan lebih baik keupayaan intelek dan pengalaman warga Bank secara kolektif serta mengoptimumkan sumber Bank. Di samping itu, kajian semula untuk menilai dan mengoptimumkan keperluan tenaga kerja di seluruh Bank serta menggalakkan dan mempertingkatkan ciri saling boleh tukar dan pergerakan warga kerja juga telah dimulakan. Bank turut menyelaras semula pelbagai fungsi dalam kumpulan perkhidmatan korporatnya, dan mengaktifkan semula satu jawatankuasa tadbir urus peringkat tinggi bagi memberikan tumpuan pada pengawasan urusan operasi seperti pengurusan fasiliti dan keselamatan organisasi. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh ahli luar yang terdiri daripada pakar industri yang mempunyai perspektif

profesional yang cukup luas. Penambahbaikan kepada perkhidmatan korporat Bank ini bertujuan untuk memastikan urusan operasi di Bank dikendalikan dengan lebih cekap.

Baru-baru ini Bank menubuhkan Pejabat Etika & Integriti. Tujuan penubuhan pejabat ini adalah untuk memperkukuh dan mengekalkan budaya integriti yang mantap di Bank dengan memberikan tumpuan lebih khusus terhadap piawaian etika dan tingkah laku beretika yang dikehendaki oleh Bank. Fungsi-fungsi ini akan turut menyediakan saluran bebas kepada warga kerja Bank untuk mendapatkan nasihat dan sokongan yang saksama mengenai hal-hal berkaitan dengan peraturan tatakelakuan, proses formal atau perkara lain yang berkaitan dengan etika.

Bank terus memastikan warga kerjanya berkembang secara profesional dengan memberikan peluang kepada mereka untuk mempertingkatkan kemahiran sejajar dengan peranan yang diperluas,



Warga Bank

mempercepat tempoh untuk menjadi cekap dan membina keupayaan pekerjaan pada masa hadapan. Keupayaan ini termasuk sains dan analisis data, bidang teknikal berkaitan risiko iklim, kelancaran digital, serta ketangkasan dan daya tahan. Bank turut memberikan tumpuan pada pembinaan keupayaan baharu untuk meningkatkan kecemerlangan operasi dalam bidang sasaran, seperti penerapan teknologi, robotik dan automasi yang lebih tinggi bagi memodenkan

proses penempatan duit syiling, penyimpanan yang selamat serta logistik bagi pengedaran duit syiling dan mata wang. Untuk mengekalkan barisan tenaga kerja mahir yang mantap, rancangan penggantian (*succession planning*) Bank terus diberikan keutamaan penting. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan proses selanjutnya telah dilakukan bagi mengenal pasti dan memupuk bakal pemimpin Bank melalui pelan pembangunan bersasar yang disesuaikan mengikut individu.

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari

Pada tahun 2020, Bank terus melaksanakan strategi dan inisiatif berkaitan iklim bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi yang lebih lestari.¹

Pengenalan

Perubahan iklim membawa bersama kesan yang pelbagai dan ketara terhadap dunia, ekonomi dan sistem kewangan negara.² Bagi Bank, usaha menyediakan sistem kewangan negara untuk lebih berdaya tahan terhadap iklim bukan sahaja penting tetapi juga sejajar dengan matlamat Bank untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan. Hal ini memerlukan pengawalan dan penyeliaan yang sesuai bagi memastikan institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk mengukur dan mengurangkan risiko iklim dengan sewajarnya serta terus terlindung daripada risiko tersebut dengan secukupnya. Langkah ini membolehkan institusi kewangan memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Di pihak Bank, perubahan sedang dibuat pada operasi dalamannya supaya konsisten dengan amalan yang lestari. Sebagai sebahagian daripada pelaporan tahunannya, Bank buat kali pertama akan menzahirkan tadbir urus dan strategi pengurusan risiko iklim selaras dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai

Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD).

Pendekatan Bank yang menyeluruh


Pada peringkat Bank, terdapat tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas mengenai peranan yang dimainkan oleh barisan pengurusan kanan. Bank menerapkan pendekatan yang menyeluruh untuk menguruskan risiko iklim di bawah pengawasan Jawatankuasa Pengurusan yang diketuai oleh Gabenor manakala seorang Timbalan Gabenor menerajui usaha membangunkan strategi iklim Bank dan memantau pelaksanaannya. Timbalan Gabenor dibantu oleh Ketua Penyelaras yang berperanan untuk menghubungkan dan menyelaraskan inisiatif iklim di seluruh Bank selain menyediakan laporan berkala kepada Jawatankuasa Pengurusan Bank tentang kemajuan keseluruhan. Pengurusan kanan seterusnya melaporkan secara berkala kemajuan dan inisiatif risiko iklim kepada Lembaga Pengarah Bank sebagai sebahagian daripada penilaian berkala terhadap kestabilan kewangan, pengurusan rizab dan risiko organisasi Bank.

Pertimbangan terhadap kelestarian iklim diterapkan dalam pelbagai fungsi Bank. Pelaksanaan strategi risiko iklim Bank disokong oleh tujuh aliran kerja merentas fungsi dalaman (Gambar Rajah 1). Pasukan strategi iklim dalaman menyokong penjajaran, aliran maklumat, penglibatan luaran dan respons kepada isu-isu yang merentas pelbagai aliran kerja serta memberikan sokongan kepada Ketua Penyelaras.

¹ Menangani risiko iklim terus menjadi keutamaan Bank disebabkan oleh kaitannya secara langsung dengan mandat Bank untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan - Rencana tentang "Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat" dalam Laporan Tahunan Bank 2019. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2724769/ar2019_bm_box1.pdf

² Kira-kira 11.7% daripada aset yang dipegang oleh peserta institusi kewangan Malaysia adalah dalam sektor yang berpotensi terdedah kepada perubahan iklim - Rencana tentang "Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat" dalam Laporan Tahunan Bank 2019. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2724769/ar2019_bm_box1.pdf

Gambar Rajah 1: Aliran kerja dalam Bank untuk menguruskan risiko iklim



Mengenal pasti keutamaan yang jelas

Lima teras utama menyokong keutamaan Bank dalam mengurus risiko iklim dan menyokong peralihan yang teratur ke arah sistem kewangan yang lebih lestari (Gambar Rajah 2). Tumpuan penting adalah pada usaha membina asas utama bagi membolehkan institusi kewangan mengukuhkan amalan pengurusan risiko iklim dan pada masa yang sama menyokong usaha peralihan oleh ejen ekonomi. Bagi tempoh tiga tahun akan datang, Bank menyasarkan untuk menyepadukan sepenuhnya pertimbangan risiko berkaitan iklim dalam penilaian penyeliaannya. Selain itu, Bank juga ingin mencapai kemajuan penting dalam usaha mencerminkan risiko iklim dalam rangka kerja kehematan dan juga dalam penilaian makroekonomi dan kestabilan kewangan.

Sepanjang tahun 2020, Bank terus berbincang dan berhubung rapat dengan industri kewangan dalam dua bidang. Pertama, kemajuan institusi kewangan dalam usaha menerapkan pertimbangan risiko iklim dalam strategi perniagaan dan strategi risiko mereka. Industri kewangan semakin giat mengambil kira pertimbangan pengurusan risiko iklim dalam operasi dan proses membuat keputusan meskipun kemajuannya masih tidak sekata dalam kalangan


institusi disebabkan oleh jurang pengetahuan, data dan kecekapan tenaga kerja. Kedua, bidang berhubung dengan peluang untuk memperluas dan mengetengahkan produk dan perkhidmatan kewangan yang menyokong aktiviti dan pelaburan rendah karbon serta berdaya tahan terhadap iklim. Hal ini penting terutamanya dalam usaha mencapai pemulihan ekonomi yang mampan dalam era selepas pandemik.

Bekerjasama dengan pengawal selia dan institusi kewangan lain

Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) merupakan platform penting bagi kerjasama antara pengawal selia dengan industri berhubung dengan daya tahan iklim. Menerusi platform ini, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menjalin kerjasama erat dengan industri kewangan untuk memacu dan menyokong usaha sektor kewangan mengurus risiko berkaitan iklim dan memudahkan peralihan perniagaan ke arah amalan yang lestari.

Pada tahun 2020, JC3 telah menyokong pelaksanaan rancangan yang berikut bagi memantapkan amalan risiko iklim dalam sektor kewangan:

Gambar Rajah 2: Teras utama strategi iklim Bank



- Pelaksanaan rintis dan penambahbaikan Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip yang dibangunkan untuk institusi kewangan. Pelaksanaan taksonomi oleh institusi kewangan pada masa hadapan akan memberikan maklumat perkembangan dalam bentuk dokumen amalan rujukan mengenai pengurusan risiko iklim dan analisis senario.
- Kaji selidik amalan penzahiran berkaitan iklim oleh institusi kewangan di Malaysia berpandukan saranan yang dibuat oleh TCFD. Hasil pemerhatian kaji selidik ini akan menjadi input kepada Panduan Aplikasi Mengenai Penzahiran Berkaitan Iklim yang sedang dibangunkan untuk mendorong pelaksanaan saranan TCFD secara sukarela dan meningkatkan kualiti penzahiran.
- Mengenal pasti jurang pasaran dan langkah-langkah untuk meningkatkan permintaan dan penawaran pembiayaan hijau. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah meneroka instrumen pendanaan alternatif dan mengurangkan halangan kepada penyelesaian yang inovatif.
- Membangunkan dan menganjurkan beberapa program asas dan jangkauan dengan kerjasama beberapa rakan berpengetahuan terpilih. Usaha ini merupakan sebahagian daripada pendekatan menyeluruh JC3 untuk membina keupayaan industri dan meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan yang berkaitan mengenai perubahan iklim dan kesannya, serta perlunya tindakan berkaitan iklim.
- Menyokong dasar negara untuk memudahkan dan mempercepat respons sektor kewangan terhadap risiko iklim melalui pelbagai perbincangan dan interaksi dengan kementerian dan agensi yang berkaitan. Langkah ini termasuk perbincangan dan interaksi secara berkala dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air sebagai platform untuk menjalinkan hubungan erat antara anggota JC3 dengan Kerajaan.
- Mewujudkan inisiatif Aliran Kerja Data bagi mengurangkan jurang yang ada berhubung dengan maklumat berkaitan risiko iklim dan alam sekitar. Maklumat ini amat penting untuk pengurusan, penzahiran dan analisis senario risiko iklim. JC3 telah meluluskan satu pelan kerja awalan bagi memajukan usaha ini pada tahun 2021.

Jadual 1: Kemajuan dan hasil inisiatif di bawah lima teras utama tahun 2020

TERAS UTAMA	HASIL	KEMAJUAN
Bermula dengan diri sendiri	Mengambil kira kelestarian dalam pelaburan	Faktor-faktor kelestarian disepadukan dalam amalan pengurusan rizab Bank melalui penerapan kriteria dan pertimbangan kemampan seperti Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance, ESG) dan Pelaburan Tanggungjawab Sosial (Socially Responsible Investing, SRI) dalam proses pelaburan Bank
	Mengurangkan jejak karbon dalam operasi Bank	Melaksanakan program pengurusan dan pemantauan tenaga yang cekap untuk membentuk profil penggunaan elektrik dan merumuskan rangka kerja serta inisiatif cekap tenaga Melaksanakan penggunaan bahan pembungkusan mesra alam sepenuhnya di tempat jualan makanan dan minuman di Bank, menggalakkan pengurangan penggunaan plastik sekali guna di tempat jualan makanan tersebut dan semasa sebarang acara diadakan. Secara keseluruhan, penggunaan plastik dapat dikurangkan kira-kira 60% pada tahun 2020 Menggalakkan penggunaan wang kertas yang lebih tahan lama, yang seterusnya mengurangkan jumlah pelupusan wang pada masa hadapan. Usaha ini dilakukan dengan (i) penggunaan substrat lebih tahan lasak, cth. wang kertas polimer yang merupakan 43.7% daripada jumlah CIC*; (ii) edaran semula wang kertas yang sesuai untuk edaran, yang mencakupi 73.3% daripada pengeluaran wang kertas tahunan pada tahun 2020; dan (iii) meningkatkan kesedaran orang ramai tentang cara yang betul untuk mengendalikan wang kertas supaya boleh digunakan untuk jangka masa yang lebih lama Mempercepat peralihan kepada e-pembayaran. Jumlah transaksi pembayaran terus mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 14% kepada 5.5 billion transaksi pada tahun 2020. Secara purata, seorang individu di Malaysia melakukan sebanyak 170 transaksi e-pembayaran pada tahun 2020 (daripada 150 transaksi pada tahun 2019)** Menambah penawaran pembelajaran dalam talian oleh Muzium dan Galeri Seni melalui lawatan berpandu secara maya, pameran 360° secara maya dan aktiviti pendidikan dalam talian
Perbincangan dan interaksi & pembinaan keupayaan	Dasar kebangsaan yang jelas dan penyelarasan dasar yang lebih baik	Menganjurkan dialog dan perbincangan meja bulat dengan kementerian dan agensi yang berkaitan untuk mendapatkan lebih kejelasan mengenai dasar kebangsaan, dan menggalakkan penyelarasan tindak balas antara Kerajaan dengan sektor kewangan terhadap risiko iklim
	Kerjasama lebih erat dengan Kerajaan	Menyertai acara dan webinar jangkauan berkaitan iklim Kerajaan anjuran Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Malaysian Green Technology and Climate Change Centre
	Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai risiko iklim dalam kalangan kakitangan Bank dan industri kewangan	Menganjurkan program pembinaan keupayaan bersiri untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan kebolehan dan kefahaman teknikal kakitangan dan peserta industri mengenai risiko iklim. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan luar seperti ASEAN Low Carbon Energy Programme, Climate Governance Malaysia dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) Menerapkan modul mengenai perubahan iklim dalam program induksi untuk kakitangan baharu Bank bagi jabatan-jabatan pengawalan dan penyeliaan. Lebih 30 peluang pembelajaran untuk kakitangan ditawarkan melalui platform Bank Learn from Anywhere
Menyepadukan risiko iklim dalam penilaian makroekonomi & kestabilan kewangan	Memperdalam pemahaman mengenai saluran pemindahan risiko iklim	Memetakan saluran pemindahan risiko berkaitan iklim (fizikal dan peralihan) untuk memahami potensi kesannya kepada ekonomi Malaysia (sektor dan ejen). Langkah ini juga menyokong pembangunan analisis kepekaan dan senario tekanan yang lebih luas dalam usaha merangkumkan laluan risiko iklim terhadap sistem kewangan (menjelang akhir tahun 2021)
	Memantapkan pengawasan dan unjuran makroekonomi	Penyelidikan yang sedang dijalankan menumpukan kepada peningkatan pengawasan dan penambahbaikan unjuran Bank untuk penerapan kesan risiko iklim yang lebih baik ke atas pemboleh ubah makroekonomi
Mengukuhkan kehendak pengawalan dan penyeliaan dalam pengurusan risiko iklim	Memperkuh daya tahan terhadap risiko iklim dalam sektor kewangan	Mengkaji semula Kertas Perbincangan Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip susulan maklum balas yang diterima daripada proses mendapatkan maklum balas orang ramai (dokumen yang telah dimuktamadkan dijangka diterbitkan pada awal tahun 2021) Perbincangan dan interaksi sedang diadakan dengan institusi kewangan mengenai tindakan yang telah diambil bagi menambah baik amalan pengurusan risiko iklim susulan maklumat Bank berhubung dengan kehendak pengawalseliaan mengenai isu ini Menetapkan tanda aras amalan terbaik berhubung dengan amalan pengurusan risiko berkaitan iklim (akan dirangkumkan dalam saranan garis panduan yang akan dikeluarkan pada tahun 2021)
Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembiayaan & pelaburan hijau	Memantapkan ketampakan institusi kewangan berhubung dengan dasar kelestarian negara	Menyokong pertimbangan kelestarian dan pertimbangan hijau dalam dasar kebangsaan dari perspektif sektor kewangan melalui persidangan meja bulat serta perbincangan dan interaksi dua hala dengan kementerian yang berkaitan dan Majlis Tindakan Ekonomi
	Melaksanakan penilaian berasaskan kesan untuk menilai cadangan pembiayaan dan pelaburan	Bekerjasama dengan industri kewangan untuk mengeluarkan Panduan Mengikuti Sektor VBIAF*** untuk Minyak Sawit, Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga pada bulan Ogos. Kerja membangunkan Panduan Mengikuti Sektor VBIAF untuk Pembuatan, Pembinaan dan Infrastruktur, serta Minyak dan Gas sedang dijalankan (akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2021)


* Mata wang dalam edaran

** Lebih banyak trend terdapat dalam Bab 1.5 mengenai Menggalakkan Sistem Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat

*** Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF). Panduan Mengikuti Sektor VBIAF merupakan sebahagian daripada alat pengurusan risiko berasaskan sektoral dan aktiviti (butiran lanjut dalam Bab 1.4 mengenai Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif)

Gambar Rajah 3: Ciri penting Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip

Lima Prinsip Panduan untuk merangkumkan kesan kegiatan ekonomi dan operasi perniagaan terhadap iklim dan alam sekitar




Menyumbang kepada kepimpinan berwawasan serantau dan antarabangsa

Bank bergiat aktif pada peringkat serantau dan antarabangsa berhubung dengan isu berkaitan iklim yang boleh memberikan kesan kepada mandat Bank. Pada peringkat ASEAN, Bank mengetuai Pasukan Petugas Peranan Bank-bank Pusat ASEAN dalam Pengurusan Risiko berkaitan Iklim dan Alam Sekitar. Matlamat Pasukan Petugas ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai pandangan bank-bank pusat ASEAN tentang kesan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar terhadap kestabilan kewangan dan monetari serta peranan dan batasan bank-bank pusat tersebut dalam menangani risiko tersebut. Satu laporan telah diterbitkan pada bulan November 2020 dengan mengemukakan sejumlah saranan yang tidak mengikat (*non-binding recommendations*) untuk bank-bank pusat ASEAN. Laporan ini telah diluluskan oleh para Gabenor ASEAN pada bulan Oktober 2020 (Gambar Rajah 4). Saranan yang tidak mengikat ini tertumpu pada sektor perbankan dan pada masa yang sama menekankan kepentingan kerjasama merentas sektor dan pelbagai pihak berkepentingan.

Keutamaan penting termasuk membangunkan taksonomi serantau, meningkatkan keupayaan teknikal, membangunkan Peta Hijau ASEAN dan mempertimbangkan pembentukan rangka kerja pengumpulan data ASEAN.

Selain penglibatan dalam rantau ini, Bank turut menjadi anggota baharu dalam Jawatankuasa Pemandu Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia untuk Menghijaukan Sistem Kewangan (Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System, NGFS). Keanggotaan ini mencerminkan komitmen dan penglibatan Bank yang aktif dalam misi dan inisiatif NGFS. NGFS merupakan platform penting untuk penggubal dasar bertemu, berkongsi amalan terbaik dan menyumbang kepada pembangunan pengurusan risiko iklim dalam sektor kewangan. NGFS terus mencapai kejayaan penting dalam menyediakan kepimpinan intelektual menerusi pelbagai projek penyelidikan serta membangunkan pelbagai sumber praktikal yang berkesan untuk penyelia dan penggubal dasar yang bertujuan membantu mengetengahkan perkhidmatan kewangan hijau. Keanggotaan NGFS yang lebih pelbagai amat dialu-alukan bagi menggalakkan proses yang inklusif untuk bertindak balas terhadap sesuatu yang pada asasnya merupakan suatu cabaran global.

Gambar Rajah 4: Tema utama saranan yang tidak mengikat daripada “Report on The Roles of ASEAN Central Banks in Managing Climate and Environment-related Risks”



Gambar berkumpulan anggota Pasukan Petugas ASEAN

Meningkatkan kesedaran menerusi komunikasi

Pada tahun 2020, Bank mempergiat usaha meningkatkan kesedaran tentang risiko iklim dan kesannya terhadap kestabilan kewangan. Usaha ini termasuk berkongsi inisiatif iklim dan juga perspektif Bank tentang perlunya sektor

kewangan mengurus risiko berkaitan iklim dan alam sekitar. Pengurusan kanan dan pegawai Bank telah mengambil bahagian sebagai penceramah dalam pelbagai forum serta webinar tempatan dan antarabangsa berkaitan dengan perubahan iklim. Antaranya, Financing Climate Action Conference 2020 yang dianjurkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; Webinar Perubahan Iklim anjuran Kementerian Alam Sekitar dan Air;

Working Meeting on Climate Finance yang dipengerusikan Presiden Perancis, Emmanuel Macron, sempena memperingati ulang tahun kelima Perjanjian Paris; Climate Risk Asia Week oleh majalah The Economist; dan Pelancaran World Bank Sustainable and Inclusive Finance Forum.

Menerusi penglibatan tersebut, Bank terus menggalakkan dan menyokong tindakan secara kolektif untuk menangani cabaran iklim. Khususnya, bidang tumpuan utama penglibatan luaran Bank termasuk tindakan bersama bagi menyokong usaha meningkatkan penzahiran kewangan berkaitan iklim serta memperkukuh analisis dan pengurusan risiko iklim dalam sektor

kewangan. Sebagai sebuah ekonomi ASEAN, Bank turut mendapat manfaat daripada kerjasama erat yang berterusan dengan bank-bank pusat di rantau ini. Perkongsian perspektif, pemahaman dan pengalaman yang berharga dalam menangani isu-isu iklim dan alam sekitar yang sama-sama dihadapi oleh ekonomi di rantau ini menjadi input penting untuk memastikan dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh Bank dapat menghasilkan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari. Kerjasama ini turut diperluas dengan memanfaatkan operasi institusi kewangan serantau di ASEAN untuk mempercepat dan meningkatkan inisiatif pengurusan risiko iklim dan pembiayaan hijau.

Gabenor Nor Shamsiah Yunus sebagai penceramah dalam Working Meeting on Climate Finance: Towards Carbon Neutrality 2050 yang dipengerusikan oleh Presiden Perancis, Emmanuel Macron



Gabenor Nor Shamsiah Yunus sebagai salah seorang penceramah dalam Climate Risk Asia Week 2020 yang dianjurkan oleh The Economist

Langkah selanjutnya

Matlamat Bank adalah untuk memperkasa sektor kewangan bagi memacu agenda kewangan lestari pada masa hadapan ketika Bank terus berusaha mewujudkan ekosistem yang kondusif dan koheren ke arah ekonomi rendah karbon. Oleh itu, usaha meningkatkan kesediaan industri kewangan dalam pengurusan dan penzahiran risiko iklim terus menjadi keutamaan. Pada tahun 2021, Bank akan memberikan tumpuan pada usaha mewujudkan kebiasaan dan daya tarikan (*familiarity and traction*) yang kukuh bagi menggalakkan penggunaan Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip serta Rangka Kerja Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan

berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) di seluruh industri. Langkah ini akan memudahkan pemahaman dan pengukuran yang lebih berkesan terhadap kesan iklim dan alam sekitar akibat kegiatan ekonomi. Selain itu, panduan rujukan pengurusan risiko dan analisis senario sedang dirumuskan untuk tujuan rundingan dengan institusi kewangan pada akhir tahun 2021. Usaha ini akan menyokong inisiatif yang sedang dijalankan serentak bagi menggalakkan lebih banyak penzahiran berkaitan iklim dalam kalangan institusi kewangan selaras dengan saranan TCFD.

Satu lagi keutamaan ialah menambahkan instrumen kewangan hijau dan menangani jurang pasaran

Climate Bonds - Connected
Webinar Programme

Central Banks, Climate Change and Stress Testing
Thursday 23 July 16:30 Kuala Lumpur / 10:30 Paris / 09:30 London

Sarah Breeden
Executive Director,
UK Prudential
Regulatory Authority

Jessica Chew
Deputy Governor,
Bank Negara Malaysia

Prashant Vaze
Head of Policy &
Government, Climate
Bonds Initiative

Sean Kidney
CEO, Climate Bonds
Initiative

Climate Bonds Initiative

Timbalan Gabenor Jessica Chew Cheng Lian sebagai salah seorang ahli panel dalam webinar yang dianjurkan oleh Climate Bonds Initiative



Penolong Gabenor Fraziali Ismail menyampaikan Ucapan Penutup pada Climate Governance Malaysia Showcase semasa Climate Week New York 2020

dalam kewangan lestari terutamanya bagi produk dan penyelesaian yang boleh memenuhi keperluan perniagaan yang terjejas akibat bencana iklim yang kerap berlaku di negara ini seperti banjir. Seiring dengan usaha ini juga, Bank akan bekerjasama dengan pihak industri menerusi JC3 untuk menambahkan program teknikal berstruktur bagi membina keupayaan dalam pengurusan risiko iklim dalam sektor kewangan.

Bank juga akan terus bekerjasama dan berinteraksi dengan kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan untuk menyelaraskan keutamaan sektor kewangan dengan komitmen dan sumbangan yang telah ditetapkan pada peringkat negara ke arah ekonomi yang lebih lestari. Hal ini termasuk menyediakan input kepada Kerajaan mengenai peranan sektor kewangan dalam menangani isu-isu perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Bank Negara Malaysia terdedah kepada pelbagai risiko yang boleh menjejaskan keupayaan Bank untuk melaksanakan mandatnya jika tidak diurus.

Sebagai bank pusat negara, dedahan risiko kewangan Bank berpunca daripada aktiviti dan operasi yang memberikan kesan kepada kedudukan kewangan Bank seperti pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa. Hal ini merangkumi dedahan kepada risiko pasaran seperti pergerakan dalam kadar pertukaran, kadar faedah dan harga pasaran lain yang berpotensi untuk menjejaskan nilai pelaburan Bank. Bank turut terdedah kepada risiko kredit, iaitu potensi kerugian akibat kemungkiran penerbit sekuriti atau rakan niaga pelaburan.

Bank juga terdedah kepada risiko bukan kewangan yang berpunca daripada operasi harian Bank dan pelbagai faktor luaran. Risiko ini termasuk peristiwa berkaitan operasi yang boleh mengganggu operasi Bank atau menyebabkan kesan sistemik. Bank turut terdedah kepada risiko reputasi berpunca daripada tingkah laku kakitangan, perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan, serta peristiwa yang berkait dengan operasi dan keputusan dasar Bank.

Bagi menangani risiko-risiko ini secara sistematik, Bank telah menetapkan rangka kerja pengurusan risiko yang membantu memastikan operasi dan aktiviti Bank dijalankan secara berhemat dan bertanggungjawab. Bank mengambil pendekatan yang bersepadu dan kohesif dalam pengurusan risiko bagi memastikan risiko utama yang dihadapi oleh Bank dapat dikenal pasti, dinilai, dipantau dan diurus secara berkesan.

Selain struktur dan proses yang formal, Bank juga memberikan penekanan kepada budaya risiko yang mantap yang menggalakkan kesedaran risiko dan

komunikasi secara terbuka mengenai risiko. Matlamat Bank adalah untuk semua kakitangan pada semua peringkat dan merentas Bank mampu mengenal pasti, memahami, melaporkan dan mengambil tindakan terhadap risiko yang dihadapi oleh Bank.

Struktur tadbir urus risiko Bank menekankan tanggungjawab bersama terhadap risiko pengurusan, bermula daripada setiap unit urusan Bank dan diperkukuh melalui fungsi pengurusan dan kawalan risiko yang mantap. Lembaga Pengarah, yang disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga, memikul tanggungjawab menyeluruh terhadap tadbir urus dan pengawasan risiko. Lembaga Pengarah ini juga menentukan “hala tuju daripada pihak atasan” dalam memupuk budaya risiko yang mantap.

Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko yang kukuh merentas seluruh fungsi dan operasi Bank. Tanggungjawab ini dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (*Risk Management Committee*, RMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab. Jawatankuasa-jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala untuk membincangkan isu-isu risiko strategik dan kritikal yang dihadapi oleh Bank. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi menyokong RMC, dalam melaksanakan pengawasan terhadap pengurusan risiko kewangan dan risiko operasi.

Bagi menyokong Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan melaksanakan fungsi pengawasan terhadap risiko, tanggungjawab untuk menangani dan mengurus risiko dinyatakan dengan jelas melalui model “pertahanan tiga barisan”. Setiap satu daripada tiga barisan tersebut mempunyai peranan yang penting untuk mengurus risiko dengan berkesan.

Dalam melaksanakan mandatnya, Bank perlu mengambil risiko. Bank maklum bahawa tidak semua risiko dapat disingkirkan. Sebaliknya, Bank berusaha untuk beroperasi dalam lingkungan

kesanggupan mengambil risiko dan toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bank juga menilai kos, manfaat dan keseimbangan lain dalam pengawalan atau pengurangan risiko. Bagi tujuan ini, Bank mempunyai proses untuk mengenal pasti, menilai, menentukan keutamaan, melaporkan dan memantau dedahan risiko kewangan, operasi dan reputasi Bank.

Bagi mengurus risiko kewangan, Bank memantau dedahan risiko pasaran, mudah tunai dan kreditnya dengan teliti, serta melaksanakan had dan kawalan risiko. Dalam portfolio rizab antarabangsa Bank, pelaburan diperuntukkan berpandukan tanda aras pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang menggariskan kesanggupan jangka panjang Bank untuk mengambil risiko dan mendapatkan pulangan. Penyimpangan daripada tanda aras ini dikawal menggunakan had risiko, jawatankuasa yang diberi autoriti untuk membuat keputusan, serta garis panduan pelaburan. Bank juga menetapkan rangka kerja risiko kredit yang menggariskan pelaburan dan aktiviti yang dibenarkan. Bagi operasi am Bank seperti penyediaan belanjawan, pemerolehan dan pembayaran, tadbir urus dan kawalan telah disediakan untuk memastikan Bank memperuntukkan perbelanjaannya dan mengurus kewangannya secara berhemat.

Bagi mengurus risiko bukan kewangannya, Bank telah menyediakan struktur untuk mengenal pasti dan memantau risiko secara awal atau *ex-ante*. Struktur ini termasuk mekanisme untuk barisan pertama menjalankan pengawasan dan penilaian risiko, memantau tahap risiko dan menjalankan simulasi berdasarkan senario. Mekanisme ini membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan memastikan terdapat perlindungan yang berkesan dan mencukupi untuk mengurangkan dedahan risiko Bank. Sistem pelaporan insiden turut melengkapi mekanisme ini dengan memudahkan pelaporan insiden secara sistematik, seterusnya membolehkan Bank bertindak balas dengan lebih cepat terhadap insiden operasi, termasuk gangguan urusan. Satu rangka kerja yang konsisten bagi menganalisis kesan dan kemungkinan risiko membolehkan Bank mengenal pasti dan memberikan tindak balas pantas terhadap risiko gangguan yang mungkin mempunyai implikasi sistemik, disokong oleh

kesinambungan urusan dan pelan pengurusan krisis yang dikemas kini secara berkala.

Pengurusan risiko semasa pandemik

Pandemik COVID-19 telah memberi cabaran baharu yang menguji daya ketahanan Bank sebagai sebuah organisasi. Bank dengan pantas telah melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan mandatnya dapat dipenuhi. Langkah-langkah ini melibatkan pengurusan risiko dalam empat bidang, iaitu keselamatan dan kesejahteraan kakitangan, kesinambungan fungsi kritikal, dedahan terhadap risiko dan teknologi akibat bekerja dari jarak jauh, dan risiko reputasi yang timbul daripada keputusan dasar Bank (Gambar Rajah 1). Pengajaran yang diperoleh daripada krisis ini digunakan untuk menyemak dan mengukuhkan amalan pengurusan risiko dan kesiapsiagaan krisis supaya Bank lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Kesinambungan urusan dan pengurusan krisis

Semua sistem dan fungsi kritikal terus beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan yang ketara, termasuklah fungsi penting seperti operasi perbendaharaan, pengurusan mata wang dan sistem pembayaran. Kakitangan dalam fungsi kritikal telah dibahagikan kepada tiga kumpulan pemulihan, dan pembahagian operasi diaktifkan pada permulaan krisis. Premis pengasingan juga telah dikenal pasti dari awal dan disediakan untuk kakitangan yang mungkin lebih terdedah kepada risiko jangkitan. Saluran komunikasi yang berkesan dan jelas telah diwujudkan, termasuklah dengan pihak berkuasa yang berkaitan¹. Pengaturan ini membolehkan penyebaran maklumat yang cepat, pelaporan isu kritikal yang tepat pada masanya dan proses membuat keputusan yang pantas.

Pengurusan risiko kesihatan

Keutamaan Bank adalah untuk memastikan keselamatan kakitangan (sila rujuk bab mengenai Warga Bank untuk maklumat lanjut mengenai cara Bank membuat penyesuaian terhadap pengaturan kerjanya). Fungsi dan proses yang melibatkan pertemuan dengan orang ramai seperti sidang akhbar, mesyuarat, operasi BNM LINK serta operasi

¹ Pihak berkuasa ini termasuk Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Gambar Rajah 1: Bidang Tumpuan Pengurusan Risiko Semasa Pandemik COVID-19



Sumber: Bank Negara Malaysia

Muzium dan Galeri Seni dilakukan secara dalam talian. Bank juga memperkenalkan inisiatif untuk menyokong kesejahteraan kakitangan. Inisiatif ini termasuklah penyediaan program kaunseling dan kesihatan mental, latihan dan pembelajaran dalam talian, serta pertemuan maya dengan pucuk pimpinan Bank secara berkala.

Pengurusan risiko keselamatan maklumat, keselamatan siber dan teknologi

Bank terus berwaspada terhadap risiko siber. Pada tahun 2020, Bank terus meningkatkan dan mengukuhkan kawalan keselamatan maklumat untuk akses dari jarak jauh dan perkongsian maklumat bagi mengurus risiko yang berkaitan dengan bekerja dari rumah. Kawalan ini bertujuan untuk mengurangkan risiko kehilangan data, dedahan risiko teknologi dan ancaman siber. Bank meneruskan usaha untuk memupuk budaya kesedaran keselamatan siber yang lebih kukuh dalam kalangan kakitangannya.

Pengurusan risiko reputasi

Bank menitikberatkan pengurusan pihak berkepentingan dan strategi komunikasi bagi mengurus risiko yang timbul berikutan pelaksanaan dasarnya dalam membantu individu dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik. Strategi ini berguna untuk membantu orang ramai memahami dasar Bank dan meningkatkan keberkesanan dasar tersebut. Pelbagai saluran komunikasi digunakan dalam usaha jangkauan Bank, termasuk media sosial. Perbincangan dan interaksi dengan pihak yang berkepentingan memainkan peranan utama dalam menyokong pelaksanaan dasar yang berkesan sebagai tindak balas terhadap pandemik. Pelaksanaan ini termasuk perbincangan dan interaksi secara berkala dengan industri kewangan dan peminjam yang terjejas untuk meningkatkan keberkesanan dana bantuan dan langkah pemulihan yang diwujudkan oleh Bank, serta langkah bantuan bayaran balik pinjaman bagi membantu peminjam yang memerlukannya.

Audit dalaman


Jawatankuasa Audit Lembaga (*Board Audit Committee*, BAC) bertanggungjawab untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman Bank dan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan pengawalseliaan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab terhadap fungsi audit dalaman Bank dan integriti penyata kewangan Bank.

Jabatan Audit Dalam memberi jaminan bebas (*independent assurance*) kepada Jawatankuasa Audit Lembaga mengenai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman Bank. Jabatan ini menjalankan penilaian berkala mengenai aktiviti jabatan dan entiti yang berkaitan dengan Bank untuk mengenal pasti dan menangani sebarang risiko. Pelan audit dibangunkan setiap tahun dan dikaji semula setiap suku tahunan untuk memastikan aktiviti audit mengambil kira perubahan

dalam profil risiko Bank dan risiko yang baru. Selain memberikan jaminan, jabatan ini juga menjadi pemerhati bebas bagi beberapa projek dan jawatankuasa penting Bank untuk membantu memastikan kawalan dalaman dan pengaturan tadbir urus sentiasa dipatuhi. Aktiviti audit dijalankan dengan mematuhi keperluan Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman (*International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing*) oleh Institute of Internal Auditors. Prinsip-prinsip yang didukung oleh *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* diterapkan dalam pendekatan audit untuk menilai persekitaran kawalan Bank.

Jabatan Audit Dalam juga menyediakan laporan suku tahunan bebas mengenai aktiviti pengurusan rizab antarabangsa Bank kepada Menteri Kewangan. Laporan ini bertujuan memberikan jaminan kepada Menteri Kewangan bahawa rizab antarabangsa telah diurus menurut dasar dan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Gambar Rajah 2: Bidang Tumpuan Audit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keutamaan audit pada tahun 2020 diubah suai sejajar dengan perubahan dalam keutamaan Bank dan risiko akibat pandemik. Audit yang dikendalikan pada tahun 2020 tertumpu pada keselamatan siber dan infrastruktur teknologi, interaksi dengan pihak berkepentingan, pengurusan modal insan, penggubalan dasar serta pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan pengawalseliaan Bank (Gambar Rajah 2). Beberapa langkah turut diambil untuk menambah baik rangka kerja dan penilaian audit. Langkah ini termasuk memperkenalkan perbincangan dan interaksi audit luar kitaran (*off-cycle*) yang berterusan, penggunaan teknologi dan analisis data yang lebih meluas dalam penilaian audit dan penilaian yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sumber (*value for money*). Amalan baik yang didapati melalui


penilaian audit di seluruh Bank turut dikongsikan bagi meningkatkan kualiti kawalan dalaman.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah memperkukuhkan lagi keperluan untuk pengurusan risiko dan pengaturan tadbir urus dalaman yang pragmatik dan tangkas bagi bertindak balas terhadap ancaman yang baru timbul. Usaha ini melibatkan penajajaran falsafah pengurusan risiko secara konsisten dengan amalan terbaik, khususnya dalam analisis risiko, teknologi dan keselamatan siber. Hal ini juga melibatkan pemantapan budaya risiko di seluruh Bank. Pengurusan risiko secara berhemat amat penting untuk memastikan Bank melaksanakan mandatnya dengan berkesan dan menguruskan sumber secara bertanggungjawab.


Rujukan

Pengurusan Risiko Organisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko



* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank

** Dipengerusikan oleh Gabenor

*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan Bank mempengaruhi berjuta-juta rakyat Malaysia dan perniagaan di Malaysia. Oleh yang demikian, Bank berusaha untuk mengekalkan pendekatan yang terbuka dan telus dalam komunikasinya agar pihak berkepentingan memahami usaha dan misi Bank.

Interaksi dengan pihak berkepentingan menjadi tonggak pelaksanaan dasar komunikasi Bank untuk mengurangkan pelbagai kesan pandemik. Sehubungan dengan itu, Bank mempergiat usaha jangkauan dengan masyarakat, institusi kewangan dan komuniti perniagaan melalui pertemuan, webinar dan sesi interaksi secara maya. Bank juga menjangkau ke pelbagai pihak berkepentingan menerusi media cetak, digital dan sosial. Dengan cara ini, Bank dapat memenuhi keperluan orang ramai berhubung dengan maklumat, terutamanya bagi membantu individu dan perniagaan menguruskan kewangan mereka semasa menghadapi tempoh yang mencabar ini.

Langkah-langkah untuk membantu individu serta perusahaan kecil dan sederhana yang terjejas

Bagi menyokong pelaksanaan moratorium pinjaman secara automatik dan program Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar (Targeted Repayment Assistance, TRA) (rujuk tentang Menggalakkan Kestabilan Kewangan untuk maklumat lanjut), Bank bekerjasama erat dengan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), persatuan perbankan dan institusi perbankan, untuk memberikan maklumat dan nasihat kepada peminjam yang terjejas. Selain itu, Bank menerbitkan panduan “Pathway-to-Action”, dan membuat hantaran lain di platform media sosial Bank bagi membimbing peminjam dalam proses untuk mendapatkan bantuan.

Kempen “Dapatkan Bantuan Awal” telah dilancarkan untuk menggalakkan peminjam yang terjejas supaya membincangkan obligasi kewangan dengan penyedia perkhidmatan kewangan mereka. Secara keseluruhan, lebih 150 program kesedaran yang melibatkan TRA telah diadakan, yang telah membantu lebih 1.2 juta peminjam menguruskan bayaran balik pinjaman mereka.


Bank menemui secara terus dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti perniagaan, dewan perniagaan, persatuan pengguna, Kementerian dan agensi Kerajaan, anggota parlimen serta pemimpin agama di seluruh negara mengenai langkah yang dilaksanakan oleh Bank untuk mengurangkan impak pandemik tersebut. Pertemuan ini diadakan untuk menjelaskan tujuan, kos dan manfaat bantuan pembayaran balik termasuk moratorium pinjaman. Selain itu, kebanyakan sesi interaksi dimanfaatkan untuk mempromosikan dan mendapatkan maklum balas tentang kemudahan pembiayaan yang dibangunkan oleh Bank, termasuk dana Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (High Tech Facility – National Investment Aspirations, HTF-NIA). Bank juga memindahkan fungsi Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) kepada AKPK untuk PKS lebih mudah mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat mengenai cara penstrukturan semula pinjaman mereka. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk tentang Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif dan institusi kewangan lain.

Media cetak dan elektronik memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat tentang moratorium secara automatik, TRA dan kemudahan pembiayaan PKS. Bank telah bersiaran dalam lebih 17 program merentas stesen-stesen radio wilayah, menjangkau sehingga lebih 400,000 orang pendengar dan bekerjasama dengan beberapa stesen televisyen untuk menyiarkan siri hebahan khidmat awam berkaitan dengan TRA. Selain itu, Bank turut bekerjasama dengan agensi kerajaan, pengawal selia dan syarikat telekomunikasi untuk mewujudkan kesedaran dan membetulkan salah faham mengenai moratorium dan TRA melalui hebahan khidmat awam (hantaran SMS) kepada sejumlah 43 juta pelanggan.

Mempertingkatkan kesedaran tentang penipuan kewangan

Kedanaan ekonomi yang meleset, kadar faedah deposit yang rendah dan pelbagai pakej bantuan yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan Kerajaan menyebabkan penipu mereka-reka peluang kewangan palsu untuk mengambil kesempatan ke atas golongan yang mudah tertipu dan kurang berpengetahuan. Oleh itu, Bank juga memberikan penekanan terhadap pendidikan orang ramai mengenai penipuan kewangan. Bank telah membuka laman Facebook yang diberikan nama Amaran Scam pada 1 Julai 2020 untuk memberikan maklumat terkini secara berkala, termasuk hantaran media sosial

Gambar Rajah 1: Interaksi dengan orang ramai dan inisiatif komunikasi untuk bantuan bayaran balik pinjaman



daripada agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain, tentang maklumat berkaitan dengan penipuan kewangan, panduan dan pelbagai modus operandi penipuan kewangan. Kandungan laman ini direka untuk memudahkan perkongsian dan yang penting supaya orang ramai turut dapat berkongsi pengalaman peribadi mereka menerusi halaman ini. Matlamatnya adalah untuk mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan membuat keputusan yang bijak mengenai urusan kewangan mereka.

Saluran untuk orang ramai

BNMLINK bertindak sebagai saluran utama untuk berinteraksi dengan masyarakat dan perniagaan

kecil. Perkhidmatan ini boleh diakses daripada ibu pejabat BNM di Kuala Lumpur dan lima Pejabat BNM di seluruh negara. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh sekatan pergerakan dan langkah pembendungan, kebanyakan interaksi telah dilakukan secara maya sepanjang tahun. Borang elektronik yang dikenali sebagai “eLINK” telah digunakan untuk mengendalikan pertanyaan dan aduan daripada individu dan perniagaan dengan lebih berkesan.

Berlatarbelakangkan sekatan pergerakan, BNMLINK menjadi pusat rujukan penting bagi pengguna kewangan mendapatkan maklumat tentang perkara seperti bantuan bayaran balik, moratorium pinjaman, Sistem Maklumat Rujukan



Pelbagai panduan mengenai penipuan kewangan dikongsi dalam halaman Facebook Amaran Scam bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang ramai supaya tidak menjadi mangsa penipuan.



Sebagai sebahagian daripada usaha menyantuni masyarakat, Bank bekerjasama dengan saluran penyiaran untuk berkongsi maklumat tentang Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Secara Bersasar.



Penyedia perkhidmatan kewangan mengambil bahagian dalam acara Kempen Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (RAC) di Shah Alam agar orang ramai dapat membincangkan mengenai pilihan bayaran balik pinjaman mereka secara bersemuka.

8 Tanggapan Salah Mengenai Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar

Sangat mudah memohon

Tanggapan Salah #1

"Tanpa moratorium menyeluruh, peminjam sukar mendapat bantuan"

- Peminjam yang layak memohon akan mendapat bantuan kerana 100% permohonan akan dipaparkan.
- Bantuan hanya diberikan kepada yang memohon.
- Jika peminjam ada pilihan permohonan pinjaman yang lain, boleh dipaparkan kepada pihak BNM.

Tanggapan Salah #2

"Bantuan bayaran balik pinjaman bersasar hanya untuk B40"

Bantuan diberikan untuk semua yang terjejas* akibat pandemik

- Merupakan:
- Peminjam yang terjejas akibat pandemik.
- Tidak layak permohonan dan (10% dan 100% kepada peminjam bersejarah).

Tanggapan Salah #3

"Bank minta terlalu banyak dokumen"

B40*	Tidak perlu
Merentas-Sektor	Tidak perlu
M40*	Pengalihan aset
PKS	Dokumen mudah

Tanggapan Salah #4

"Proses permohonan terlalu lama"

Tunggu permohonan

Penerima BSN dan perusahaan mikro	24 Jam
Penerima BPN	5 Hari
PKS	14 Hari

Tanggapan Salah #5

"Saya tidak dapat memohon kerana PKPD dan PKPB"

- Bank masih beroperasi
- Anda boleh memohon melalui beberapa saluran seperti telefon, e-mail atau secara dalam talian

Tanggapan Salah #6

"Bantuan masih tidak cukup untuk menampung hutang"

- Merupakan:
- Peminjam yang terjejas akibat pandemik.
- Tidak layak permohonan dan (10% dan 100% kepada peminjam bersejarah).

• Hubungi AAKP untuk bantuan lanjut

Tanggapan Salah #7

"Tiada kos tambahan untuk bantuan bayaran balik pinjaman bersasar"

- Peminjam akan terus dikenakan ke atas semua angsuran
- Perimbangan pilihan anda dengan bank
- Sambung angsuran pinjaman jika anda mampu

Tanggapan Salah #8

"Rekod CCRIS saya akan terjejas"

Semua permohonan Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar sebelum 30 Jun 2022 tidak akan dipaparkan dalam rekod CCRIS anda

Sekiranya memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman, ingat 3 langkah ini

Hubungi bank anda terlebih dahulu

- Telefon, e-mail atau laman web bank anda untuk bantuan lanjut

Hubungi AAKP untuk dapatkan nasihat atau pilihan bayaran bayaran balik alternatif

Jika masih mengalami masalah, akan boleh hubungi melalui hotline @MURAH

Lapan salah tanggap tentang Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Secara Bersasar telah dikenal pasti dan dijelaskan melalui beberapa siri hantaran ke media sosial.

Kredit Berpusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) dan penipuan kewangan. Terdapat peningkatan sebanyak 74% dalam interaksi purata harian (sebelum PKP: 453 interaksi; PKP: 787 interaksi). BNMLINK melalui bnm.my/RAsurvey berfungsi sebagai pusat hubungan utama untuk merujuk dan menyelesaikan isu yang dihadapi oleh peminjam yang terjejas dengan bank masing-masing berkaitan dengan TRA.


Bank terus menyediakan akses kepada laporan CCRIS untuk membantu pengguna kewangan menilai obligasi kewangan mereka. Bank mempercepatkan masa maklum balas permohonan laporan CCRIS melalui e-mel kepada tiga hari bagi memenuhi keperluan segera peminjam. Pejabat BNM di seluruh negara juga telah membuka premis sementara untuk menyediakan khidmat nasihat kewangan dan akses kepada laporan CCRIS untuk pengguna kewangan.

Interaksi dengan belia

Sejajar dengan tumpuan Bank mengenai kepentingan pendidikan dan peningkatan kemahiran kewangan, Bank memperbanyak interaksi maya bersama belia, dengan memberikan tumpuan pada pelajar di universiti awam dan swasta. Melalui sesi yang sangat interaktif bersama pelajar di Universiti Teknologi MARA (cawangan Sarawak), International Medical University (IMU), Sunway University, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan INCEIF, Bank mendengar aspirasi generasi muda Malaysia dan mengambil kira pandangan mereka mengenai isu utama ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh negara. Bank berkongsi perspektif tentang kesan COVID-19 ke atas ekonomi Malaysia, langkah-langkah dasar untuk mengurangkan kesan itu, kepentingan pengurusan kewangan peribadi serta topik semasa



Sesi interaksi maya bersama pelajar universiti yang disertai sehingga 1,000 peserta pada suatu masa. Hal ini menunjukkan penerimaan dan minat mereka yang mendalam terhadap sesi-sesi seperti ini.



lain seperti perubahan iklim dan pengangguran belia. Tujuan perkongsian ini adalah untuk menarik minat dan membangkitkan kesedaran dalam kalangan generasi siswazah akan datang tentang isu-isu penting pada masa ini, dan usaha yang diperlukan untuk meraih kejayaan dan meningkatkan daya tahan.

tahun kebelakangan ini. Sekatan pergerakan juga menyerlahkan perlunya maklumat dalam format video, dengan bilangan video yang dihasilkan dan dimuat naik ke dalam saluran YouTube Bank meningkat lebih tiga kali ganda.


Perkembangan platform media digital Bank

Satu kesan positif daripada pandemik ini ialah minat orang ramai yang semakin mendalam terhadap aktiviti Bank. Keadaan ini telah meningkatkan keberadaan Bank yang nyata melalui media sosial Bank iaitu Facebook, Instagram, Twitter, LinkedIn dan YouTube. Video sidang akhbar dan video bermaklumat lain, testimoni daripada pemilik perniagaan PKS serta maklumat infografik disiarkan dengan meluas melalui saluran digital bagi membantu orang ramai dan perniagaan mengenal pasti penyelesaian yang relevan serta mendapatkan maklumat untuk memantapkan kesejahteraan kewangan mereka. Bagi menggalakkan interaksi dua hala, Bank telah membangunkan petikan maklumat ringkas (*bite-sized information*) dan interaktif untuk platform media sosial.

Melalui hantaran berjadual yang lebih kerap berserta ciri-ciri baharu termasuk aktiviti interaktif seperti tinjauan pendapat (*polls*) dan cerita pendek yang menarik, keberadaan media sosial Bank berkembang dengan ketara beberapa

Rajah 1: Interaksi dengan orang ramai yang lebih meluas melalui media sosial

Peningkatan pengikut platform sosial media Bank, tahun ke tahun (%)



Sumber: Bank Negara Malaysia


Muzium dan Galeri Seni (MAG)

Muzium dan Galeri Seni (MAG) Bank di Kuala Lumpur berfungsi sebagai platform pembelajaran informal yang penting untuk berinteraksi dengan orang ramai. Melalui pameran dan program pendidikannya, Muzium ini bukan sahaja menggalakkan penghayatan

terhadap ilmu numismatik dan warisan seni, tetapi juga meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang peranan Bank dalam sektor ekonomi dan kewangan.

Pada tahun 2020, MAG terpaksa ditutup kepada orang ramai buat sementara waktu disebabkan oleh pandemik, tetapi MAG telah membawakan pengisiannya ke alam maya. Pengisian ini termasuk lawatan maya ke MAG dan dua pameran maya sempena ulang tahun ke-60 Bank, 'Demi Tanah Air: 60 Tahun sebagai Bank Pusat' (bnm.gov.my/bnm60th) dan satu lagi tentang teknologi kewangan (Fintech), 'Teknologi Kewangan:

Nyata Kepada Maya' (bnm.gov.my/fintech). Program pendidikan maya MAG ditujukan kepada semua lapisan masyarakat dan terutamanya berkisar tentang pendidikan kewangan, ilmu numismatik nasional dan warisan seni berkaitan dengan sosioekonomi serta perubahan iklim. Programnya merangkumi kisah pendek, pelajaran ringkas, pembelajaran berasaskan pertandingan dan siri wacana maya. Pameran dan program pendidikan ini telah dikunjungi oleh lima juta pelawat secara maya, termasuk pelajar, kanak-kanak dan remaja, serta diharapkan dapat memberikan mereka pengalaman pembelajaran yang bermakna mengenai dunia kewangan dan ekonomi.



Kini orang ramai boleh mengakses dan berinteraksi dengan dua pameran MAG melalui alam maya iaitu 'Demi Tanah Air: 60 Tahun sebagai Bank Pusat' dan 'Teknologi Kewangan: Nyata kepada Maya'.

Asas bagi Memperkasakan Pengurusan Kewangan Anda

Pengurusan kewangan yang baik merupakan suatu kemahiran hidup yang sangat penting. Seperti kemahiran lain, pengurusan kewangan memerlukan pengetahuan, kesabaran dan ketabahan serta perlu sentiasa diamalkan untuk berjaya.

Cara kita membuat keputusan kewangan dipengaruhi oleh pelbagai faktor¹. Kesedaran mengenai faktor-faktor ini dan pemahaman tentang kekuatan dan kelemahan kita sebagai individu membolehkan kita menyesuaikan tingkah laku supaya sejajar dengan matlamat kita. Sebagai contoh, jika kita mahu bersara dengan selesa, kita perlu menyimpan, tidak berbelanja secara berlebihan dan menguruskan kewangan dengan sewajarnya. Matlamat ini memerlukan perancangan jangka panjang dan disiplin diri untuk membuat perubahan gaya hidup yang diperlukan.

Langkah pertama dalam pengurusan kewangan ialah menjadi pengetahuan kewangan. Kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2018 mendapati bahawa satu daripada tiga rakyat Malaysia menganggap diri mereka mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang rendah².

Celik kewangan merangkumi pelbagai aspek. Pertama, kefahaman tentang konsep kewangan asas (Gambar Rajah 1) seperti nilai wang mengikut masa, inflasi, kadar faedah dan faedah terkompoun. Pengguna juga perlu memahami ciri-ciri risiko kewangan dan manfaat mempelbagaian.

Gambar Rajah 1: Konsep Kewangan Asas



Faedah biasa – faedah yang dikira berasaskan amaun asal



Faedah kompaun – faedah yang dikira berasaskan amaun permulaan dan faedah terkumpul dari tempoh terdahulu



Nilai masa wang – nilai wang pada hari ini lebih tinggi berbanding nilai bagi amaun yang sama pada masa hadapan



Kepelbagaian – risiko dikurangkan apabila wang atau pelaburan diperuntukkan dalam pelbagai akaun atau instrumen kewangan



Risiko kewangan – lebih tinggi risiko yang diambil, lebih besar pulangnya; lebih rendah risiko yang diambil, lebih kecil pulangnya

Pengetahuan mengenai konsep-konsep penting ini akan memperkasakan pengguna untuk membuat keputusan kewangan sepanjang hayat berdasarkan maklumat yang mencukupi. Mereka berkemungkinan besar akan mencapai matlamat pengurusan kewangan yang cekap.

Pemahaman konsep-konsep tersebut akan membantu pengguna untuk lebih menghargai akan pentingnya pengurusan kewangan secara berhemat, terutamanya simpanan dan membina dana kecemasan. Sebagai panduan yang baik, penampunan yang mencukupi adalah apabila seseorang itu mempunyai simpanan sebanyak tiga hingga enam bulan untuk perbelanjaan bulanan. Seperti kebanyakan tabiat lain, simpanan perlu dimulakan

¹ Hal ini berkaitan dengan konsep bias kelakuan (*behavioural biases*). Sebagai contoh, rujuk Kahneman, D. (2011). *Thinking, fast and slow*. London: Allen Lane.

² Petikan daripada Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018 Bank Negara Malaysia mengenai Kaji Selidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan dari Segi Permintaan (halaman 102-104).

berdikit-dikit dan dibuat secara berterusan. Ketabahan merupakan kunci utama. Ada banyak lagi panduan mudah yang boleh memberikan perbezaan yang besar bagi menambah baik kedudukan kewangan kita. Gambar Rajah 2 memberikan beberapa panduan penting tersebut.

Gambar Rajah 2: Panduan Pengurusan Kewangan yang Berhemat





- | | |
|---|--|
|  Bayar diri anda dahulu – berbelanja selepas membuat simpanan dan bukan sebaliknya |  Lindungi kekayaan anda. Anda telah bekerja keras untuknya |
|  Mula menyimpan sekarang, walaupun sedikit. Jangan lupa dana kecemasan. Buat simpanan secara automatik, contohnya debit secara automatik atau potongan gaji |  Kenal pasti risiko, contohnya kos pendidikan dan perubatan yang lebih tinggi, bencana alam, kehilangan pendapatan. Pertimbangkan insurans/takaful sebagai sebahagian daripada perancangan kewangan |
|  Cuba bayar sepenuhnya, atau tinggalkan hanya sedikit baki tertunggak yang perlu dibayar untuk kad kredit anda. Semak penyata secara berkala untuk memantau penggunaan |  Sentiasa berwaspada. Elak daripada menjadi mangsa penipuan kewangan |
|  Buat belanjawan untuk pantau perbelanjaan anda, walaupun perbelanjaan yang kecil |  Rancang persaraan tanpa mengira usia anda |
|  Pelbagaikan portfolio pelaburan anda untuk mengurangkan risiko |  Kaji semula dan selaraskan perancangan kewangan anda mengikut realiti semasa |

Sebahagian daripada pengurusan kewangan kita termasuk peminjaman secara berhemat untuk membiayai pembelian yang besar seperti rumah, kereta dan motosikal atau untuk mengembangkan perniagaan. Apabila membuat pinjaman tersebut, seseorang individu bukan sahaja perlu mengetahui perkara asas pinjaman (contohnya, cara kadar faedah dikira) serta terma dan syaratnya tetapi juga hak pengguna (Gambar Rajah 3). Sebagai panduan yang baik, jumlah pembayaran balik hutang bulanan seharusnya tidak melebihi 60% daripada pendapatan bersih peminjam selepas mengambil kira potongan wajib untuk pembayaran cukai serta caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Gambar Rajah 3: Panduan Peminjaman yang Bertanggungjawab

- | | |
|--|--|
| 1 Buat pinjaman mengikut kemampuan anda | 7 Fahami terma penting dan cetak halus dalam perjanjian pinjaman sebelum menurunkan tanda tangan (tanya sekiranya anda tidak faham) |
| 2 Cari maklumat berkaitan dengan pinjaman dan pertimbangan pilihan yang ada | 8 Fahami kos dan caj lain untuk produk pinjaman yang berbeza |
| 3 Fahami nisbah hutang kepada pendapatan (ketahui cara supaya nisbah kekal rendah) | 9 Runding terma-terma (contohnya amaun ansuran, tempoh pinjaman) dengan bank anda |
| 4 Pastikan baki mencukupi untuk belanja harian dan penampungan kecemasan selepas membuat bayaran balik pinjaman | 10 Ketahui bila dan di mana untuk mendapatkan bantuan jika mengalami kesukaran kewangan |
| 5 Jangan lupa kos tambahan (perlu dibayar sendiri) berkaitan peminjaman, contohnya yuran guaman, penyelenggaraan kereta, premium insurans | 11 Beritahu institusi kewangan jika anda menukar maklumat perhubungan |
| 6 Buat bayaran balik pinjaman sebelum tarikh akhir (untuk mengelak bayaran tambahan) | 12 Beri maklum balas anda dengan segera apabila dihubungi institusi kewangan melalui surat, e-mel atau telefon |

Gambar Rajah 4: Hak Peminjam terhadap Penzahiran

-  Diberikan Lembaran Penzahiran Produk yang mengandungi maklumat penting mengenai kadar pembiayaan sebenar, ansuran bulanan, amaun bayaran balik penuh, fi dan caj
-  Diberikan penyata pinjaman sekurang-kurangnya sekali setahun
-  Dimaklumkan 7 hari lebih awal apabila ansuran bulanan anda dikaji semula disebabkan oleh perubahan kadar pembiayaan
-  Dimaklumkan 21 hari lebih awal sebelum institusi kewangan membuat sebarang perubahan pada syarat-syarat perjanjian pinjaman anda

Persediaan untuk menghadapi perubahan keadaan kehidupan adalah penting. Seperti yang dialami semasa pandemik baru-baru ini, cabaran yang tidak dijangka boleh mengubah kehidupan kita melalui pelbagai keadaan yang tidak diduga. Pengguna perlu mengetahui langkah-langkah yang boleh diambil apabila menghadapi keadaan sedemikian. Dalam hal ini, pengguna yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik hutang perlu mendapatkan bantuan awal dan membincangkan situasi mereka dengan institusi kewangan masing-masing.

Sebagai pilihan lain, pengguna yang menghadapi masalah kewangan boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan bantuan. Bantuan ini termasuk kaunseling kewangan dan khidmat nasihat yang praktikal mengenai pengurusan kewangan. AKPK juga memberikan pendidikan kewangan mengenai penggunaan wang secara bertanggungjawab dan pengurusan hutang pada pelbagai peringkat kehidupan.

Sekiranya peminjam menghadapi masalah berurusan dengan institusi kewangan, mereka boleh membuat aduan kepada BNMTLELINK di bnm.my/RASurvey. Pengguna yang memerlukan bantuan penyelesaian juga boleh menghubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Ombudsman for Financial Services, OFS) di www.ofs.org.my. OFS menyediakan saluran yang bebas, adil dan cekap untuk menyelesaikan pertikaian antara pengguna dengan institusi kewangan.

Gambar Rajah 5: Bantuan dan Khidmat Nasihat untuk Pengguna



AKPK

- ✓ Kaunseling kewangan dan nasihat mengenai pengurusan kewangan
- ✓ Pendidikan kewangan mengenai cara menggunakan wang secara bertanggungjawab dan pengurusan hutang pada pelbagai peringkat kehidupan
- ✓ Maklumat lanjut di www.akpk.org.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BNMTLELINK

- ✓ Aduan tentang Bantuan Bayaran Balik melalui www.bnm.my/RASurvey
- ✓ Aduan dan khidmat nasihat untuk pengguna kewangan melalui www.bnm.gov.my/complaint-redress



OFS
OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES
OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

OFS

- ✓ Saluran yang bebas, adil dan cekap untuk menyelesaikan pertikaian dengan institusi kewangan
- ✓ Maklumat lanjut di www.ofs.org.my

Yang terakhir dan tidak kurang pentingnya ialah pengguna yang bermaklumat juga boleh membezakan antara pelaburan yang sah dengan penipuan kewangan. Kesedaran ini adalah hasil daripada pemahaman bahawa risiko sentiasa wujud dalam aktiviti kewangan dan janji pulangan tinggi tanpa risiko lazimnya merupakan tanda amaran. Gambar Rajah 6 di bawah menunjukkan beberapa ciri utama penipuan yang perlu diberi perhatian dan Gambar Rajah 7 pula menunjukkan beberapa cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan. Pengguna boleh berkunjung ke Facebook Amaran Scam di <https://www.facebook.com/amaranpenipuan> untuk maklumat lanjut.

Gambar Rajah 6: Ciri Utama Penipuan Kewangan yang Perlu Diketahui



Pulangan yang tinggi atau tidak realistik bagi amaun pelaburan yang kecil



Tekanan untuk membuat komitmen segera/cepat tanpa berpeluang untuk mempertimbangkan tawaran pelaburan dengan sewajarnya



Jaminan pelaburan yang mudah dan tanpa risiko



Bayaran pendahuluan atau maklumat peribadi diperlukan untuk mendapatkan barangan, perkhidmatan, wang atau ganjaran



Panggilan yang tidak dijangka dengan tawaran yang terlalu menarik sehingga tidak masuk akal



Laman sesawang palsu dengan URL yang mencurigakan serta tatabahasa dan ejaan yang salah atau tidak tepat. Jangan klik pada pautan atau e-mel yang menimbulkan kesangsian



Kenyataan bahawa kekayaan boleh dihasilkan dengan kemahiran, usaha atau masa yang minimum

Gambar Rajah 7: Jangan Jadi Mangsa Penipuan Kewangan



Simpan semua data peribadi, maklumat kewangan, kata laluan, PIN dan TAC dengan selamat. Jangan dedahkan maklumat ini dengan mudah walaupun seseorang itu memperkenalkan dirinya sebagai pihak berkuasa penguatkuasaan



Dapatkan maklumat perkembangan terkini mengenai pemalsuan dan penipuan kewangan



Sentiasa meneliti komunikasi, tawaran dan cadangan. Fikirkan sama ada benar atau palsu. Jika ragu-ragu, jangan terlibat atau membuat apa yang diarahkan



Bercakap hanya dengan wakil penyedia khidmat kewangan (PKK) yang disahkan

- ✓ Minta wakil untuk menunjukkan bukti pengenalan
- ✓ Sahkan dengan PKK sebelum bersetuju dengan sebarang permintaan
- ✓ Sekat panggilan yang tidak dikehendaki dan saring pesanan teks



Laporkan pemalsuan dan penipuan yang disyaki kepada badan-badan yang berkaitan walaupun anda bukan mangsanya

Sebagai kesimpulan, pengurusan kewangan yang baik merupakan tanggungjawab kita kepada keluarga dan juga diri kita sendiri. Melalui pengurusan kewangan yang berhemat, kesukaran dan cabaran besar yang dihadapi dalam kehidupan dapat dielakkan. Pengurusan kewangan boleh menjadikan kehidupan kita bertambah baik kerana kita mempunyai lebih banyak kebebasan dan ketenangan fikiran. Pengguna kewangan boleh mendapat manfaat dengan mengamalkan panduan pengurusan wang yang berguna daripada buku, webinar, *podcast*, rencana dan perkongsian oleh pakar kewangan yang sah.

Perbincangan dan Interaksi Antarabangsa

Malaysia kekal komited untuk berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan institusi rakan sejawat Bank pada peringkat global.

Implikasi pandemik COVID-19 pada peringkat dalam negeri dan global telah mempengaruhi perbincangan dan interaksi antarabangsa Bank dengan ketara pada tahun 2020. Kepentingan kerjasama antarabangsa yang lebih kukuh meningkat berikutan pandemik dan krisis ekonomi yang bersifat global.

Perbincangan dan interaksi pada tahun 2020

Menangani impak COVID-19

Forum global dan serantau pada tahun 2020 tertumpu pada perkongsian pandangan dan pengalaman tentang dasar mengenai pandemik COVID-19. Mesyuarat dalam kalangan penggubal dasar diadakan lebih kerap dan dibuat secara maya seiring dengan perubahan keadaan semasa. Bank mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai platform pada peringkat antarabangsa dan serantau, termasuk di International Monetary Fund (IMF), Bank for International Settlements (BIS), Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks (EMEAP), Association of Southeast Asian Nation (ASEAN) dan ASEAN+3, iaitu RR China, Jepun dan Korea. Perbincangan tertumpu pada dinamik volatiliti pasaran kewangan di rantau ini; cabaran kestabilan kewangan yang berkaitan dengan pelaksanaan dan penamatan langkah-langkah yang berhubung dengan COVID-19; risiko kesolvenan dan kredit; isu tematik mengenai risiko data besar dan siber; serta isu jangka panjang berkaitan dengan kadar faedah yang rendah, pasaran pekerja yang semakin lemah, kemungkinan kesan negatif jangka panjang terhadap ekonomi dan kehilangan pengeluaran yang kekal. Penglibatan dalam platform ini memberikan Bank perspektif berharga yang menyediakan maklumat dan memudahkan

penilaian Bank terhadap risiko yang pelbagai serta tindak balas dasar.

Bagi menyokong APEC 2020 yang dianjurkan oleh Malaysia, Bank bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan United Nations Capital Development Fund (UNCDF) dalam penganjuran Cabaran Ekonomi Jangka Pendek APEC (APEC Gig Economy Challenge, GEC). GEC menghasilkan pelbagai penyelesaian berasaskan digital yang inovatif dan bertujuan untuk membantu pekerja sambilan (*gig workers*) meningkatkan pendapatan dan keselamatan ekonomi secara mampan dengan memudahkan pekerja meningkatkan kemahiran mereka dan menambah baik akses kepada produk kewangan yang mampu milik. Peserta yang mendapat tempat teratas diberikan peluang untuk membentangkan penyelesaian mereka pada Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC. Mereka juga mendapat bantuan teknikal dan geran daripada UNCDF Malaysia serta mengambil bahagian dalam dialog dengan Bank mengenai hal-hal pengawalseliaan.

Memastikan daya tahan

Jaringan keselamatan kewangan: Bagi mengukuhkan daya tahan Malaysia terhadap krisis kewangan, Bank terus berusaha untuk memperkukuh jaringan keselamatan kewangan negara. Bagi tujuan ini, pengaturan swap dua hala berjumlah USD3 bilion dengan Bank of Japan telah diwujudkan. Pengaturan ini dijangka menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara. Bank juga memperbaharui pengaturan swap mata wang tempatan dua hala berjumlah KRW5 trilion/RM15 bilion dengan Bank of Korea bagi tempoh tambahan tiga tahun. Pengaturan ini dijangka menggalakkan perdagangan dua hala ke arah pembangunan ekonomi dan mengeratkan kerjasama kewangan antara kedua-dua negara.

Anggota-anggota forum ASEAN+3 juga bersetuju untuk meningkatkan Chiang Mai Initiative

Gambar Rajah 1: Infografik Mengenai Cabaran Ekonomi Jangka Pendek APEC

Cabaran Ekonomi Jangka Pendek APEC

Satu program pemangkin untuk mencari penyelesaian inovatif bagi memacu kesejahteraan kewangan pekerja ekonomi jangka pendek

- Lebih **100** permohonan dari seluruh dunia
- **10 pasukan** menyertai bootcamp dan program inovasi selama lapan minggu
- **USD30,000** untuk setiap pasukan bagi tiga pasukan teratas serta bantuan teknikal
- **Malaysia sebagai lapangan ujian** untuk memperhalusi penyelesaian bagi menambah baik kedudukan kewangan pekerja sambilan dalam rantau Asia Pasifik
- **Tiga pasukan teratas**



PAYWATCH


- Menyediakan akses segera kepada pekerja untuk dibayar gaji dalam masa nyata, sebelum hari gaji.
- Meminimumkan kemungkinan pekerja sambilan membuat pinjaman daripada peminjam tidak formal.

Versa

- Menyediakan pulangan setara dengan Deposit Tetap tetapi juga berciri mudah tunai yang sama seperti Akaun Simpanan.
- Membantu pekerja sambilan mengoptimalkan wang tunai yang tidak digunakan dan pada masa yang sama memenuhi keperluan mudah tunai.

hyred

- Platform pasaran "Zasss" untuk memadan pekerja sambilan dengan peluang menjana pendapatan.
- Menggalakkan mereka untuk membangunkan pelbagai kemahiran dan kepakaran.



Multilateralisation (CMIM) IMF De-Linked Portion (IDLP)¹ daripada 30% kepada 40%. Susulan daripada itu, akses CMIM IDLP Malaysia bertambah daripada USD6.8 bilion kepada USD9.1 bilion. Selain itu, Bank mewujudkan akses kepada kemudahan repo US Federal Reserve Foreign and International Monetary Authorities (FIMA). Kemudahan ini dapat digunakan untuk mengurangkan keperluan pendanaan dolar AS apabila diperlukan.

Agenda berkaitan iklim dan kelestarian: Bank memainkan peranan aktif dalam mempergiat usaha pengurusan risiko berkaitan iklim dan alam sekitar dalam sektor kewangan di forum ASEAN. Melalui peranan sebagai pengerusi ASEAN Senior Level Committee (SLC) on Financial Integration, Bank menerajui perumusan dan penerbitan 'Laporan Peranan Bank-bank Pusat ASEAN dalam Menguruskan

Risiko Berkaitan Iklim dan Alam Sekitar' (Laporan). Laporan ini menilai implikasi risiko berkaitan iklim dan alam sekitar bagi kestabilan kewangan dan monetari, serta peranan dan had peranan bank-bank pusat. Laporan tersebut, yang juga mengemukakan set saranan yang tidak mengikat kepada Bank-bank Pusat ASEAN, telah diterbitkan dan dikongsi bersama Network for Greening the Financial System (NGFS). Laporan ini telah menggerakkan kerjasama Bank-bank Pusat ASEAN untuk mengurus risiko yang berkaitan iklim dan alam sekitar serta menyumbang kepada pembentukan agenda iklim untuk Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN pada tahun-tahun yang akan datang. (Butiran saranan Laporan disediakan dalam bab "Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari").

Kerjasama Bank dengan bank-bank pusat dan pengawal selia kewangan pada peringkat global telah dipergiatkan dalam memberikan tindak balas antarabangsa yang berkesan terhadap risiko iklim apabila Bank menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu NGFS. Bank juga terus menyokong kepentingan menangani perubahan iklim, termasuk sebagai

¹ Pembiayaan CMIM mempunyai dua bahagian, iaitu IMF De-Linked Portion (IDLP) dan IMF Linked Portion (ILP). CMIM-IDLP merujuk kepada pengatur maksimum bagi anggota yang boleh disediakan di bawah pengaturan CMIM dan tidak bergantung pada program pinjaman IMF. CMIM-ILP merujuk kepada pengatur maksimum bagi anggota yang boleh disediakan di bawah pengaturan CMIM dan hanya dapat diakses selari dengan program pinjaman IMF.

sebahagian daripada usaha pemulihan ekonomi global, melalui penyertaan Bank dalam berbagai acara serantau dan antarabangsa. Hal ini termasuk penyertaan dalam Singapore Fintech Festival 2020, Launch of The World Bank Sustainable and Inclusive Finance Forum, Islamic Finance News (IFN) Asia Forum, Financing Climate Action Conference dan Economist Climate Risk Asia Week.

Keselamatan siber: Bank terus bekerjasama dengan bank pusat serantau untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan pendigitalan kewangan yang pesat. Pada tahun 2020, Bank menerajui usaha serantau dalam pengoperasian ASEAN Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform (CRISP) dengan termeterainya memorandum persefahaman (*memorandum of understanding*, MOU) antara anggota peserta. ASEAN CRISP merupakan platform bagi Bank-bank Pusat ASEAN untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik mengenai risikan ancaman keselamatan siber, serta membina keupayaan teknikal dalam bidang ini.

Memperkuh integrasi untuk menyokong perdagangan dan pelaburan

Sebagai sebahagian daripada peranan sebagai pengerusi ASEAN SLC, Bank memainkan peranan penting dalam memperkuh integrasi kewangan serantau. Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN telah meluluskan inisiatif untuk memudahkan lebih banyak penggunaan mata wang tempatan untuk perdagangan dan pelaburan di rantau ini, memacu kecekapan pembayaran yang lebih tinggi, dan memudahkan pembayaran runcit rentas sempadan. Inisiatif tersebut merangkumi Garis Panduan ASEAN Mengenai Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (ASEAN Guidelines on Local Currency Settlement Cooperation Framework), Garis Panduan Pelaksanaan Dasar (Implementing Policy Guidelines, IPG) Mengenai Rangka Kerja Pembayaran untuk Pembayaran Runcit Masa Nyata Rentas Sempadan ASEAN (ASEAN Payments Framework for Cross-Border Real-Time Retail Payments di rantau ASEAN serta Lampiran mengenai Kes Penggunaan IPG (Use Cases of the IPG).

Bank turut mengetuai rundingan dan memuktamadkan komitmen perkhidmatan kewangan Malaysia untuk

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP), perjanjian perdagangan bebas terbesar di dunia. RCEP telah ditandatangani pada 15 November 2020. Perjanjian ini akan membuka peluang untuk perdagangan dan pelaburan berkembang maju, termasuk bagi sektor perkhidmatan kewangan.

Kepimpinan dan perkongsian

Pada tahun 2020, kepimpinan Bank dalam beberapa forum telah tamat, termasuk sebagai pengerusi Islamic Financial Services Board Council (IFSB); pengerusi bersama ASEAN SLC mengenai Integrasi Kewangan dengan National Bank of Cambodia (2018-2020); dan timbalan pengerusi bersama Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan EMEAP (Monetary and Financial Stability Committee, MFSC) dan pelbagai kumpulan kerja EMEAP dalam bidang penyeliaan perbankan serta infrastruktur pembayaran dan pasaran (2018-2020). Bank juga mula menjadi pengerusi bersama Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG) (2020-2022). APG merupakan organisasi antara kerajaan yang menumpukan pada usaha memastikan anggotanya melaksanakan piawaian antarabangsa dengan berkesan terhadap pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan berkaitan dengan senjata pemusnah besar-besaran. (Butiran kerja serantau Bank tentang pengubahan wang haram disediakan dalam bab “Mengekalkan Integriti Kewangan”).

Di samping itu, Bank turut dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pasaran BIS sebagai pengiktirafan kepada ekonomi sedang pesat membangun yang semakin penting dalam sistem kewangan global. Jawatankuasa ini meneliti perkembangan pasaran kewangan serta trend struktur jangka panjang yang mempunyai potensi implikasi terhadap fungsi pasaran kewangan dan operasi bank pusat.

Bank terus berkongsi pengalaman dan kepakaran teknikalnya dengan bank-bank pusat, pihak berkuasa penyeliaan dan institusi berkaitan yang lain. Bank memberikan sokongan tersebut melalui seminar dan bengkel mengenai pelbagai isu, termasuk mengenai dasar makroekonomi, pengurusan aliran modal, dan operasi mata wang asing bank pusat. South East Asian Central Banks (SEACEN), Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) dan Bank Dunia untuk menganjurkan

beberapa program ini. Walaupun terdapat penurunan mendadak dalam bilangan interaksi kerjasama teknikal dua hala pada tahun 2020, Bank masih berbincang dan berinteraksi dengan 62 negara dalam kerjasama teknikal. Usaha ini termasuk program maya dengan AFI pada bulan November 2020 yang merangkumi 37 negara.

Langkah selanjutnya

Pemulihan global masih tidak sekata dengan pengubahan haluan rantaian bekalan global dan strategi perniagaan. Faktor utama perubahan itu

termasuk penerapan pendigitalan yang pesat, proses globalisasi dan dinamik serantau yang berubah-ubah. Pada tahun 2021, Bank akan meneruskan kerjasama yang menggalakkan kemampanan pertumbuhan ekonomi di rantau ini, menyelaraskan apabila perlu, usaha menamatkan langkah-langkah bantuan dengan sempurna ketika ekonomi sedang beransur pulih, dan memelihara kestabilan sistem monetari dan kewangan antarabangsa secara amnya. Keutamaan lain pada peringkat antarabangsa termasuk memajukan agenda kelestarian dan perubahan iklim, pembangunan ekonomi digital dan rangkuman kewangan.

Tadbir Urus

114 Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Berkanun Bank

Tadbir Urus



Tadbir Urus

Bank Negara Malaysia (Bank) bertanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Pengaturan tadbir urus memastikan Bank dapat terus melaksanakan mandatnya sebagai institusi berwibawa dan bebas dengan berkesan. Pengaturan ini adalah seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang turut ditadbir oleh Bank - serta dasar dalaman yang dibangunkan dalam institusi sejak sekian lama. Di samping memperjelaskan peranan dan tanggungjawab Bank, struktur tadbir urus Bank dibentuk untuk menggalakkan kepentingan akauntabiliti dan standard integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas dan operasi Bank.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Gabenor dan ahlinya terdiri daripada Timbalan-timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas yang membentuk sebahagian besar daripada ahli Lembaga Pengarah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik semua ahli Lembaga Pengarah, kecuali Timbalan-timbalan Gabenor, yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Seperti yang digariskan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawasi pengurusan dan operasi Bank bagi memastikan Bank kekal kukuh dari aspek kewangan dan operasi serta menggunakan sumber-sumber kewangannya dengan cekap dan berkesan dalam pelaksanaan mandatnya.

Berdasarkan peruntukan undang-undang yang menetapkan Lembaga Pengarah wajib bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan, mesyuarat bulanan secara maya buat pertama kali telah diadakan pada bulan Mac 2020 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara. Sepanjang tempoh yang mencabar pada tahun 2020, Lembaga Pengarah dan Pengurusan

Kanan Bank mengadakan perbincangan secara berterusan mengenai tindak balas dasar Bank termasuk komunikasi awam dan interaksi dengan pihak berkepentingan utama, risiko dan kawalan persekitaran, rangka kerja tadbir urus dan inisiatif pembangunan modal insan. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah mengawasi dan memberikan pandangan berhubung dengan langkah-langkah dasar Bank dalam menangani kesan pandemik terhadap individu dan perniagaan yang terjejas. Langkah-langkah dasar yang dilaksanakan dalam tempoh yang mencabar ini juga bertujuan memelihara kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Lembaga Pengarah juga menyokong penuh usaha Bank untuk beralih kepada cara kerja baharu dan kekal berdisiplin, berhemat dan bertanggungjawab dalam menguruskan sumber-sumbernya.

Pada tahun 2020, Lembaga Pengarah mencatatkan kadar kehadiran sebanyak 96.4% bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan kehadiran penuh bagi mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Lembaga Pengarah

Jawatan	Ahli	Lembaga	BGC	BAC	BRC
Pengerusi	Nor Shamsiah Yunus	14/14			
Ex-officio	Abdul Rasheed Ghaffour	14/14			
	Jessica Chew Cheng Lian	14/14			
	Marzunisham Omar ¹	8/8			
	Dato' Asri Hamidon @ Hamidin ² (Ketua Setiausaha Perbendaharaan)	5/9*			
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay ³	14/14	7/7	6/6	
	Dato Sri Lim Haw Kuang	14/14	7/7		6/6
	Dato' Paduka Sulaiman Mustafa	14/14	7/7	6/6	2/2
	Chin Suit Fang	14/14	1/1	6/6	6/6
	Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon ⁴	11/12*		4/4	5/5
	Tan Sri Mohamed Azman Yahya ⁵	8/8	6/6		4/4

Bersara pada tahun 2020

Ex-officio	Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir (Ketua Setiausaha Perbendaharaan)	4/4			
------------	---	-----	--	--	--

Nota:

- ¹ Dilantik sebagai Timbalan Gabenor dan ahli Lembaga Pengarah pada 15 Jun 2020.
 - ² Dilantik pada 14 Mei 2020, selepas persaraan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir pada 1 Mei 2020.
 - ³ Dilantik semula pada 1 Mac 2020.
 - ⁴ Dilantik pada 16 Mac 2020.
 - ⁵ Dilantik pada 1 Jun 2020.
- *Berikutan komitmen terdahulu yang tidak dapat dielakkan.

Program Induksi dan Pembangunan Lembaga Pengarah

Bank mempunyai program *on-boarding* yang komprehensif bertujuan untuk memberikan perspektif kepada ahli Lembaga Pengarah yang baharu mengenai mandat utama, kepentingan dasar, rangka kerja tadbir urus dan aspek operasi Bank, lantas melengkapkan mereka untuk menjalankan peranan pengawasan dengan cekap. Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas ini membawa bersama mereka kemahiran, pengetahuan dan pengalaman serta kewibawaan dan pandangan yang bernilai tentang perspektif makroekonomi dan penggubalan dasar. Di samping itu, mereka juga mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai isu-isu sektor kewangan, perniagaan dan awam, serta berpengalaman luas dalam bidang perakaunan, kewangan, komunikasi awam, maklumat dan teknologi, pengurusan risiko dan audit. Sepanjang tahun 2020, Lembaga Pengarah telah mengikuti pelbagai sesi latihan yang berkaitan dengan isu-isu kontemporari seperti mata wang digital, keselamatan siber dan risiko perubahan iklim, serta perlunya tadbir urus yang tangkas era selepas pandemik. Sesi latihan ini membolehkan mereka sentiasa mengikuti perkembangan semasa serta peka terhadap trend-trend yang baru muncul dan perkembangan terkini yang mungkin memberikan kesan kepada Bank.

Lembaga Pengarah*

- 1 **Nor Shamsiah Yunus**
Pengerusi
- 2 **Abdul Rasheed Ghaffour**
- 3 **Jessica Chew Cheng Lian**
- 4 **Marzunisham Omar**
- 5 **Dato' Asri Hamidon @ Hamidin**
- 6 **Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay¹**
- 7 **Dato Sri Lim Haw Kuang**
- 8 **Dato' Paduka Sulaiman Mustafa**
- 9 **Chin Suit Fang**
- 10 **Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**
- 11 **Tan Sri Mohamed Azman Yahya**



¹ Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay yang merupakan ahli Lembaga Pengarah yang lama berkhidmat iaitu selama 21 tahun. Dato' N. Sadasivan a/l N.N Pillay menamatkan tempoh perkhidmatan beliau pada 14 Mac 2021.

* Pada 1 March 2021

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga yang ahlinya terdiri daripada Ahli Bukan Eksekutif Bebas sahaja. Setiap Jawatankuasa ini akan berpandukan bidang rujukan masing-masing bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan terhadap pentadbiran Bank.

Sepanjang tahun 2020, Jawatankuasa Lembaga ini menilai dan membincangkan perkara-perkara penting yang mempunyai kesan ke atas Bank dengan tujuan untuk memastikan adanya semak dan imbang dalaman yang mencukupi terhadap pengurusan dan operasi Bank.

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (BGC)	Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)	Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC)
Bilangan Mesyuarat	7	6	6
Keahlian	<p>Pengerusi: Dato' Paduka Sulaiman Mustafa</p> <ul style="list-style-type: none"> · Dato' N. Sadasivan a/l N. N Pillay · Dato Sri Lim Haw Kuang · Tan Sri Mohamed Azman Yahya⁶ <p>Note: ⁶ Dilantik pada 1 Jun 2020. Susulan itu, Chin Suit Fang tidak lagi menjadi ahli BGC, bagi tujuan penggiliran keahlian Jawatankuasa Lembaga.</p>	<p>Pengerusi: Chin Suit Fang⁷</p> <ul style="list-style-type: none"> · Dato' N. Sadasivan a/l N. N Pillay · Dato' Paduka Sulaiman Mustafa · Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon⁸ <p>Note: ⁷ Dilantik sebagai Pengerusi pada 16 Mac 2020 untuk menggantikan Dato' N. Sadasivan dan ini merupakan sebahagian daripada pelan penggantian Lembaga. ⁸ Dilantik pada 16 Mac 2020.</p>	<p>Pengerusi: Dato Sri Lim Haw Kuang</p> <ul style="list-style-type: none"> · Chin Suit Fang · Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon⁹ · Tan Sri Mohamed Azman Yahya¹⁰ <p>Note: ⁹ Dilantik pada 16 Mac 2020. Susulan itu, Dato' Paduka Sulaiman Mustafa tidak lagi menjadi ahli BRC. ¹⁰ Dilantik pada 1 Jun 2020.</p>
Peranan dan Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab untuk mengawasi rangka kerja dan amalan tadbir urus Bank • Menilai dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan dasar belanjawan, pelan operasi dan dasar ganjaran Bank • Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Bank yang lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab terhadap integriti akaun dan penyata kewangan Bank • Mengawasi kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan Bank terhadap keperluan undang-undang • Menilai dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit Bank, serta mengawasi tindakan pihak pengurusan apabila menangani hasil siasatan yang penting (<i>material findings</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab terhadap pengawasan risiko kewangan, operasi, reputasi, teknologi dan keselamatan siber • Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi Bank • Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pernyataan kesanggupan menanggung risiko oleh Bank dan dasar risiko utama Bank

Pengurusan Kanan

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan Bank dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada Bank. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi Bank bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang lebih jelas bagi pelbagai fungsi Bank.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan Bank yang lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pandangan mengenai urusan Bank, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan yang penting. Jawatankuasa-jawatankuasa ini termasuk jawatan kuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Dasar Bersama, yang merupakan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberi impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini membolehkan Bank memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh Bank untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman yang perlu diterapkan di Bank serta mengemudi operasi Bank. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan Bank berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya dan menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan konsisten sejajar dengan kepentingan Bank dan seterusnya memberikan manfaat kepada negara.

Pengurusan Kanan*



Nor Shamsiah Yunus
Gabenor



Abdul Rasheed Ghaffour
Timbalan Gabenor



Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor



Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor



Norzila Abdul Aziz
Penolong Gabenor



Mohd. Adhari Belal Din
Penolong Gabenor



Abu Hassan Alshari Yahaya
Penolong Gabenor



Annan Zaylani Mohamad Zahid
Penolong Gabenor



Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor



Fraziali Ismail
Penolong Gabenor



Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor

* Pada 31 Mac 2021.

Pegawai-Pegawai Kanan Yang Lain*

Ekonomi Dasar Monetari Antarabangsa Pengurusan Data dan Statistik	Idwan Suhardi Hakim Dr. Mohamad Hasni Sha'ari Raja Syamsul Anwar Raja Mohammed Affandi Ong Li Ming
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan <i>Pejabat-pejabat perwakilan:</i> Pejabat Perwakilan London Pejabat Perwakilan New York Pejabat Perwakilan Beijing Dasar Pertukaran Asing	Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid Shahredza Minhat Azizul Sabri Abdullah Soo Woan Chin Albert See Choon Kwang
Pembangunan Kewangan dan Inovasi Perbankan Islam dan Takaful Pembangunan Insurans Kewangan Pembangunan dan Rangkuman Kewangan	Suhaimi Ali Madelena Mohamed Lau Chin Ching Arlina Ariff
Penyeliaan Konglomerat Kewangan Penyeliaan Perbankan Penyeliaan Insurans dan Takaful Pakar Risiko dan Penyeliaan Teknologi Pemantauan Pembayaran	Vijayakumar MV Nair Mohd Zabidi Md Nor Hew Ee-Lu Daniel Chin Shen Li Shahariah Othman
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Mohd Fuad Arshad
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan Dasar Kewangan Pruden Konsumer dan Amalan Pasaran Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang	Qaiser Iskandar Anwarudin Cindy Siah Hooi Hoon Lim Hsin Ying Nik Mohamed Din Nik Musa

* Pada 31 Mac 2021.

Pengurusan dan Operasi Mata Wang Kewangan	Azman Mat Ali
LINK dan Pejabat BNM	Affendi Rashdi
Pejabat BNM Johor Bahru	Nor Rafidz Nazri
Pejabat BNM Pulau Pinang	Rosnani Mahamad Zain
Pejabat BNM Kuching	Hasjun Hashim
Pejabat BNM Kota Kinabalu	Mohd Irman Haji Mohd Din
Pejabat BNM Kuala Terengganu	Zambre Ismail
Unit Perolehan Berpusat	Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini
	Shum Sook Yi

Modal Insan Strategik	Abd. Rahman Abu Bakar
Pusat Pembangunan Modal Insan	Kristina Rai
Perkhidmatan Modal Insan	Faizal Muhammad Sudin

Ketua Pegawai Informasi	Tay Gim Soon
Teknologi Korporat	Victor Khor Eng Swee
Infrastruktur Teknologi Digital	Leong Kwan Seng
Keselamatan Siber dan Perlindungan Data	Aizuddin Mohd Ghazali

Ketua Pegawai Perkhidmatan	Shamsuddin Mohd Mahayidin
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Razman Samsudin
Hospitaliti dan Muzium	Hairi Adam
Pengurusan Keselamatan Organisasi	Ahmad Azaharudin Mohd Anuar

Pejabat Gabenor	Abd. Rahman Abu Bakar
Pejabat Etika dan Integriti	Santamarie Shamni Arulanandam
Audit Dalam	Marina Abdul Kahar
Pengurusan Risiko	Beh Cheng Hoon
Undang-Undang	Izhar Ismail
Komunikasi Strategik	Shasha Kartini Ridzam

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu adalah di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan Bank. Oleh itu, bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga serta memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (*Central Bank of Malaysia Act 2009*, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) Bank Negara Malaysia diberi tanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari.¹ Sehubungan dengan ini, MPC membuat keputusan mengenai kadar faedah dasar, atau dikenali sebagai Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) untuk mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan hala tuju dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadap imbalan risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi dalam negeri. MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini boleh menjejaskan prospek ekonomi. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (*Monetary Policy Statement*, MPS) disiarkan kepada orang ramai untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan jumlah ahlinya tidak kurang daripada tiga tetapi tidak melebihi tujuh orang ahli, termasuk ahli dari luar Bank yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank. Pada masa ini, MPC mempunyai lapan orang ahli, dengan dua daripadanya ahli dari luar Bank. Komposisi keahlian MPC yang sedemikian bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman penting ahlinya agar keputusan yang dibuat bersama mengenai dasar monetari adalah tepat dan menyeluruh.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Jessica Chew Cheng Lian

Marzunisham Omar

Norzila Abdul Aziz

Dr. Norhana Endut

Dato' Dr. Gan Wee Beng (Ahli Luar)

Nor Zahidi Alias (Ahli Luar)

* Pada 31 Mac 2021.

¹ Untuk maklumat terperinci mengenai perkembangan MPC serta tadbir urus dan prosesnya, sila rujuk 'Rencana: Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009). Jawatankuasa Eksekutif ini membantu Bank dalam pelaksanaan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan bagi menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh Bank untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Dalam pelaksanaan mandatnya, Jawatankuasa Eksekutif ini menyemak, menilai dan memutuskan cadangan Bank bagi:

- Mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank supaya mengambil langkah-langkah tertentu demi kepentingan kestabilan kewangan;
- Memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- Memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju atau mungkin tidak akan berdaya maju.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan fungsi pengantaraan kewangan yang berterusan dan berkesan, termasuk fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur, serta memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan kebanyakannya merupakan ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan Bank. Ahli-ahlinya tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Pada tahun 2020, Jawatankuasa Eksekutif ini bermesyuarat sebanyak dua kali untuk membincangkan risiko terhadap kestabilan kewangan, dengan memberikan tumpuan pada potensi kesan pandemik COVID-19 terhadap sistem kewangan.

Ahli-ahli*

Nor Shamsiah Yunus (Pengerusi)

Abdul Rasheed Ghaffour

Dato' Asri Hamidon @ Hamidin

Datuk Syed Zaid Albar

Rafiz Azuan Abdullah

Yoong Sin Min (Pakar Luar)

Dato' Abdul Rauf Rashid (Pakar Luar)

* Pada 31 Mac 2021.

Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi bagi perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009) memperkukuh peranan dan fungsi MPS sebagai badan berautoriti untuk menentukan hukum Syarak bagi aktiviti kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (Bank).

MPS memegang peranan penting untuk memastikan ketekalan keputusan Syariah yang diterima pakai oleh industri perbankan Islam dan takaful. Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS merupakan rujukan utama institusi kewangan Islam untuk memastikan pematuhan Syariah sepenuhnya dalam struktur dan pelaksanaan aktiviti kewangan mereka. Selain itu, CBA 2009 memperuntukkan bahawa isu-isu Syariah yang dibawa ke mahkamah atau dibangkitkan dalam sebarang prosiding timbang tara hendaklah dirujuk kepada MPS untuk tujuan kejelasan dan kepastian.

MPS menyediakan asas Syariah untuk pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif bagi perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Dalam hal ini, MPS menentukan ciri-ciri penting kontrak dengan mengambil kira pelbagai pandangan Syariah, dapatan penyelidikan serta kebiasaan dan amalan pasaran. Menerusi ahlinya secara individu dan kolektif, MPS memberikan sokongan berterusan kepada lebih banyak inovasi produk dan juga menggalakkan pengharmonian tafsiran Syariah dalam menjelaskan nilai asas kewangan Islam, selaras dengan keperluan sosial dan pasaran, sama ada tempatan dan global.

Ahli-ahli MPS dilantik setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri Kewangan selepas berbincang dengan Bank. Kini, MPS mempunyai sembilan orang ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang berpengalaman luas di dalam dan luar negara, terutamanya dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam. Pada tahun 2020, Bank mengemas kini Bidang Rujukan MPS sebagai sebahagian daripada semakan berkala bagi memperkukuh kualiti dan ketelitian perbincangan Syariah. Semakan ini memberikan penekanan kepada keperluan oleh Bank berhubung dengan pengetahuan ahli MPS yang meluas dan mendalam dari segi Syariah dan disiplin yang berkaitan, pengalaman profesional, komitmen dan ketekunan serta keupayaan penyelidikan mereka. Kepelbagaian sedemikian akan memastikan MPS berupaya menangani dan memberikan respons terhadap perubahan isu yang dihadapi oleh sektor kewangan Islam di Malaysia.

Ahli-ahli*

Datuk Dr. Mohd Daud Bakar (Pengerusi)

Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Haji Opir

Dato' A. Aziz. A. Rahim

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali

Dr. Marjan Muhammad

Burhanuddin Lukman

Zainal Abidin Jamal

* Pada 31 Mac 2021.

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Services Act 2013*, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Services Act 2013*, IFSA). Jawatankuasa ini mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran atau remedi kewangan yang dikenakan oleh Bank dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Jawatankuasa ini menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang tidak berpuas hati untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Bank. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan Bank atau menghendaki Bank mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai keputusan baharu mengikut hasil siasatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dan terdiri daripada kalangan Pengarah Bukan Eksekutif Bank atau individu lain dari luar Bank.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Prof. Dr. Choong Yeow Choy

Chin Suit Fang

Lillian Leong Bee Lian

* Pada 31 Mac 2021.

Kewangan Bank

- 135 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020
- 136 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020
- 137 Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Kewangan Bank



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (Bank) mengurus kewangannya dengan matlamat bagi memastikan Bank mempunyai sumber untuk melaksanakan mandatnya iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Dalam melaksanakan mandat ini, Bank komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan sumber Bank.

Meskipun Bank merupakan badan berkanun, Bank tidak bergantung pada dana awam daripada Kerajaan untuk membiayai operasi harian. Sebaliknya, operasi Bank dibiayai oleh pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan Bank dalam rizab antarabangsa negara. Pada tahun 2020, Bank telah menjana pendapatan berjumlah RM13,492 juta (2019: RM11,129 juta), selepas ditolak kos berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab antarabangsa dan kos menjalankan operasi monetari.

Daripada jumlah pendapatan ini, Bank mengeluarkan perbelanjaan untuk mengurus dan mentadbir operasi (“perbelanjaan berulang”) dan perbelanjaan untuk membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang selaras dengan objektif dan fungsi utama Bank (“perbelanjaan pembangunan”). Hal ini termasuk perbelanjaan yang melibatkan operasi mata wang Bank dan perbelanjaan untuk menyenggara infrastruktur pembayaran negara. Pada tahun

2020, perbelanjaan berulang dan perbelanjaan pembangunan ini berjumlah RM3,219 juta (2019: RM2,161 juta).

Pada tahun 2020, Bank menjana keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM10,235 juta (2019: RM8,926 juta). Daripada jumlah ini, RM6,235 juta akan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am (2019: RM26 juta). Baki keuntungan bersih sebanyak RM4,000 juta (2019: RM3,500 juta) akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen.

Pada 31 Disember 2020, jumlah aset Bank adalah sebanyak RM488,044 juta (2019: RM458,967 juta). Daripada jumlah ini, sebahagian besar (89%) terdiri daripada portfolio rizab antarabangsa yang berjumlah RM432,373 juta (2019: RM431,457 juta).

Liabiliti Bank berpunca terutamanya daripada deposit oleh institusi kewangan (RM146,028 juta) dan mata wang dalam edaran (RM130,424 juta).



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 135 hingga 150.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta hasil operasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas **perak**uanan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya **adalah** bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 MAC 2021



BANK NEGARA MALAYSIA

**PENYATA Pengerusi dan
SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, Nor Shamsiah Yunus dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2020 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

**NOR SHAMSIAH YUNUS**
Pengerusi26 FEBRUARI 2021
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

**CHIN SUIT FANG**
PENGARAH26 FEBRUARI 2021
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Affendi Rashdi, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 26 Februari 2021.)



Di hadapan saya,



NO. 58A, JALAN BUKIT RAJA
TAMAN SEPUTEH, 58000 KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

ASET	Nota	2020 RM juta	2019 RM juta
Emas dan Pertukaran Asing	3	421,775	422,211
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa	4	5,829	4,584
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	4,769	4,662
Kertas Kerajaan Malaysia	5	11,145	1,978
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	2,996	2,630
Pinjaman dan Pendahuluan	7	17,520	7,112
Tanah dan Bangunan	8	4,164	4,162
Aset-aset Lain	9	19,846	11,628
Jumlah Aset		<u>488,044</u>	<u>458,967</u>
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		130,424	114,097
Deposit oleh: Institusi Kewangan		146,028	163,714
Kerajaan Persekutuan		3,648	3,568
Lain-lain	10	15,056	543
Kertas Bank Negara	11	9,614	15,834
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	7,788	7,619
Liabiliti-liabiliti Lain	12	4,810	2,959
Jumlah Liabiliti		<u>317,368</u>	<u>308,334</u>
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	14,857	14,831
Rizab Risiko	15	144,746	131,436
Rizab Penilaian Semula Tanah	16	738	740
Keuntungan Sebelum Agihan	17	10,235	3,526
Jumlah Modal		<u>170,676</u>	<u>150,633</u>
Jumlah Liabiliti dan Modal		<u>488,044</u>	<u>458,967</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM juta	2019 RM juta
Jumlah Pendapatan	18	13,492	11,129
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	19	(1,251)	(1,325)
Perbelanjaan Pembangunan	20	(1,968)	(836)
Jumlah Perbelanjaan		(3,219)	(2,161)
Untung Bersih Sebelum Perbelanjaan Cukai		10,273	8,968
Tolak: Cukai	21	(38)	(42)
Untung Bersih Selepas Perbelanjaan Cukai		10,235	8,926
Tolak: Pengagihan Pindahan kepada Rizab Risiko	15	-	(5,400)
Keuntungan Sebelum Agihan Tahun Semasa	17	10,235	3,526

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
- (b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
- (c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
- (d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
- (e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
- (f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
- (g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
- (h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
- (i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 26 Februari 2021.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- (a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang berkaitan setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawab Bank untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada piawaian perakaunan yang berkaitan dalam beberapa aspek tertentu.
- (b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 Asas Pengukuran dan Perakaunan

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akrual, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 Penukaran Mata Wang Asing

- (a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.
- (b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh tahun kewangan berakhir. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.
- (c) Semua keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti diiktiraf dalam Rizab Risiko, manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan semasa tarikh penjualan bagi Aset-aset Lain dan Liabiliti-liabiliti Lain diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.4 Emas

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.5 **Sekuriti Asing**

Sekuriti asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau dalam Penyata Pendapatan. Setelah penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian direalisasikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.6 **Untung Bersih**

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan kepada pemegang saham Bank.

2.7 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam Penyata Pendapatan. Sebaliknya, amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah Aset-aset Lain dan perbezaan antara harga belian dengan harga jualan balik diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

2.8 **Tanah dan Bangunan**

- (a) Bank telah mempermodakan semua tanahnya, manakala bangunan kekal dinyatakan pada nilai kos nominal RM10 setiap satu.
- (b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodakan adalah termasuk harga belian berserta sebarang kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.
- (c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai penilaian semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik Bank akan dilaksanakan setiap 10 tahun sekali dengan sebarang lebih daripada penilaian semula diiktiraf terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.
- (d) Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai manakala tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan. Tanah (pegangan bebas dan pajakan) dinilai semula setiap 10 tahun dan nilai saksama ditentukan berasaskan bukti daripada pasaran yang dilaksanakan oleh penilai profesional yang bertauliah. Bangunan disusut nilai kepada nilai nominal pada tahun pembelian.
- (e) Sebarang keuntungan atau kerugian yang direalisasikan daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu. Selepas tanah dijual, penilaian semula yang sebelum ini direkodkan dalam Rizab Penilaian Semula Tanah akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

2.9 **Aset Tetap Lain**

Semua aset tetap lain dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.10 Kemerosotan Nilai Aset Kewangan

Semua aset dinilai secara berkala untuk kerugian kemerosotan apabila berlaku sesuatu peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak dapat diperolehi semula. Jika terdapat penunjuk sedemikian, kemerosotan nilai akan dikaji semula untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya.

3. Emas dan Pertukaran Asing

	2020 RM juta	2019 RM juta
Emas	9,463	7,723
Sekuriti Asing	382,279	383,051
Deposit Asing	5,409	8,929
Baki di Bank Pusat Lain	12,842	13,116
Lain-lain	11,782	9,392
	421,775	422,211

4. Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)

Objektif IMF adalah untuk memupuk kerjasama monetari global, menjamin kestabilan kewangan, memudahkan perdagangan antarabangsa, menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. IMF juga memberikan khidmat nasihat dan pembiayaan sementara kepada negara anggotanya sekiranya berlaku kesukaran imbalan pembayaran.

Kedudukan Rizab IMF

Kedudukan ini terdiri daripada bahagian rizab kuota Malaysia, pemberian pinjaman di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kuota IMF menentukan kekuatan undian sesebuah negara anggota, sumbangan kewangan kepada IMF, jumlah pembiayaan yang boleh diterima oleh negara anggota sekiranya menghadapi kesukaran imbalan pembayaran dan jumlah Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) yang diperuntukkan kepada negara anggota. Kedua-dua program FTP dan NAB adalah untuk memberikan pinjaman kepada negara anggota.

Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)

Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) ialah aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh IMF. SDR diperuntukkan secara berkala kepada negara anggota IMF berdasarkan saiz kuota negara anggota. Negara anggota boleh menggunakan SDR untuk memperoleh rizab pertukaran asing dari negara anggota lain serta membuat pembayaran termasuk kepada IMF.

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)

Peruntukan Hak Pengeluaran Khas ialah liabiliti kepada IMF yang merupakan amaun SDR yang telah diterima sejak penubuhannya.

BANK NEGARA MALAYSIA

	2020 RM juta	2019 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	5,829	4,584
Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR)	4,769	4,662
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)	(7,788)	(7,619)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	<u>2,810</u>	<u>1,627</u>

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2020 RM juta	2019 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	9,939	1,819
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,206	159
	<u>11,145</u>	<u>1,978</u>

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**

Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**

Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim yang bertujuan untuk memberikan bantuan dan menyokong pemulihan perusahaan kecil dan sederhana yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan juga untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama mereka. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2020 RM juta	2019 RM juta
Dana untuk Industri Kecil dan Sederhana	16,210	5,766
Dana Rumah Mampu Milik	1,000	1,000
Lain-lain	310	346
	<u>17,520</u>	<u>7,112</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

8. Tanah dan Bangunan

	2020 RM juta	2019 RM juta
Tanah, pada kos		
Pegangan bebas	3,318	3,314
Tanah, pada penilaian semula		
Pegangan bebas	694	694
Pajakan	152	154
	<u>4,164</u>	<u>4,162</u>
	2020 RM juta	2019 RM juta
Tanah pajakan		
Pada 1 Januari	154	167
Tolak: Pelunasan Terkumpul	(2)	(13)
Pada 31 Disember	<u>152</u>	<u>154</u>
	2020 RM	2019 RM
Bangunan, pada nilai nominal		
Pegangan bebas	2,240	2,230
Pajakan	1,370	1,380
	<u>3,610</u>	<u>3,610</u>

Tanah pegangan bebas dan pajakan, pada penilaian semula, telah dinilai semula oleh penilai bebas pada 1 Ogos 2014.

9. Aset-aset Lain

Aset-aset Lain termasuk sekuriti yang dibeli melalui perjanjian repo berbalik dan pelaburan dalam saham dan bon yang diperolehi di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2020 RM juta	2019 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	14,833	6,490
Pelaburan dalam Saham dan Bon	4,390	4,390
Lain-lain	623	748
	<u>19,846</u>	<u>11,628</u>

BANK NEGARA MALAYSIA

10. Deposit oleh Lain-lain

Sebahagian besar deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

11. Kertas Bank Negara

Kertas Bank Negara merupakan alat dasar monetari tambahan yang diterbitkan oleh Bank untuk mengurus mudah tunai dalam pasaran wang domestik. Alat dasar ini termasuk Bil Antara Bank yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNIB) dalam mata wang asing yang juga merupakan sebahagian daripada operasi pasaran Bank untuk mengurus mudah tunai mata wang asing dalam pasaran wang domestik.

12. Liabiliti-liabiliti Lain

Sebahagian Liabiliti-liabiliti Lain ialah sekuriti dijual di bawah perjanjian repo sebanyak RM2,577 juta (2019: RM1,643 juta).

	2020 RM juta	2019 RM juta
Perjanjian Repo	2,577	1,643
Akruan	1,858	954
Lain-lain	375	362
	<u>4,810</u>	<u>2,959</u>

13. Modal

Mengikut seksyen 6 Akta Bank Negara Malaysia 2009, modal Bank adalah sebanyak RM100,000,000 dan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

14. Kumpulan Wang Rizab Am

	2020 RM juta	2019 RM juta
Pada 1 Januari	14,831	14,810
Amaun yang diluluskan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am pada tahun semasa	26	21
Pada 31 Disember	<u>14,857</u>	<u>14,831</u>

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun berakhir 2019 sebanyak RM26 juta telah diluluskan oleh Menteri pada 3 April 2020.

BANK NEGARA MALAYSIA

15. Rizab Risiko

Rizab Risiko ialah penampungan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Rangka kerja pengukuran risiko pasaran digunakan untuk membuat anggaran penampungan kewangan yang diperlukan bagi mengimbangi kesan kerugian luar jangka berikutan faktor yang di luar kawalan Bank.

	2020 RM juta	2019 RM juta
Pada 1 Januari	131,436	113,477
Peningkatan dalam tahun semasa	13,310	12,559
Pindahan daripada keuntungan bersih	-	5,400
Pada 31 Disember	<u>144,746</u>	<u>131,436</u>

16. Rizab Penilaian Semula Tanah

Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebih tanah (pegangan bebas dan pajakan) yang belum direalisasikan apabila penilaian semula dibuat. Selepas dijual, lebih tanah yang berkaitan dengan aset yang direalisasikan itu akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

17. Keuntungan Sebelum Agihan

	2020 RM juta	2019 RM juta
Baki 1 Januari	3,526	2,521
Tolak: Pengagihan yang diluluskan pada tahun semasa		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	(26)	(21)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	<u>(3,500)</u>	<u>(2,500)</u>
	-	-
Keuntungan sebelum agihan bagi tahun semasa	<u>10,235</u>	<u>3,526</u>
Baki 31 Disember	<u>10,235</u>	<u>3,526</u>

Menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009, pengagihan kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan pengisytiharan dividen kepada Kerajaan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan Menteri, dan jika diluluskan akan diiktiraf dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2021.

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun berakhir 2019 berjumlah RM3.5 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 3 April 2020.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am sebanyak RM6.235 bilion dan dividen sebanyak RM4.0 bilion kepada Kerajaan.

BANK NEGARA MALAYSIA

18. **Jumlah Pendapatan**

Jumlah pendapatan terdiri daripada hasil pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

19. **Perbelanjaan Berulang**

Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

20. **Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

21. **Cukai**

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas pendapatan asing daripada dividen dan faedah serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

22. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

22.1 **Aset Luar Jangka**

Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2020 ialah RM1,840 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1,000 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business (ASB) dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

BANK NEGARA MALAYSIA

22.2 Komitmen

Jumlah komitmen pada 31 Disember 2020 terdiri daripada perkara-perkara yang berikut:

	Nota	2020 RM juta	2019 RM juta
Jumlah Komitmen			
International Monetary Fund (IMF)	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	15,417	16,371
Pengaturan Baharu untuk Meminjam (NAB)	(ii)	1,883	1,823
Sumbangan Dua Hala	(iii)	4,017	4,093
Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)	(b)	70	68
Pengaturan Swap	(c)		
Pengaturan Swap ASEAN	(i)	1,205	1,228
Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala dengan			
People's Bank of China (PBOC)	(ii)(a)	105,706	110,000
Bank of Korea (BOK)	(ii)(b)	15,000	15,000
Bank Indonesia (BI)	(ii)(c)	8,000	8,000
Bank of Japan (BOJ)	(ii)(d)	12,051	-
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(iii)	36,571	37,263
Perjanjian Repo dengan Ahli EMEAP	(iv)	20,085	20,465
		<u>220,005</u>	<u>214,311</u>

(a) Keanggotaan dengan IMF

- (i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak SDR2,665 juta, bersamaan dengan RM15,417 juta (2019: SDR2,892 juta, bersamaan dengan RM16,371 juta) atau dalam mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.
- (ii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2020, jumlah kredit yang belum digunakan di bawah NAB ialah SDR325 juta, bersamaan dengan RM1,883 juta (2019: SDR322 juta, bersamaan dengan RM1,823 juta).
- (iii) Pada 23 Julai 2012, Bank telah bersetuju memberikan sumbangan dua hala kepada IMF berjumlah USD1,000 juta, bersamaan dengan RM4,017 juta (2019: USD1,000 juta, bersamaan dengan RM4,093 juta) yang diperuntukkan untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**

Komitmen Bank sebanyak SDR12 juta, bersamaan dengan RM70 juta (2019: SDR12 juta, bersamaan dengan RM68 juta) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(c) **Pengaturan Swap**

(i) **Pengaturan Swap ASEAN**

Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada negara anggota yang menghadapi kesukaran imbalan pembayaran. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD300 juta, bersamaan dengan RM1,205 juta (2019: USD300 juta, bersamaan dengan RM1,228 juta) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA daripada mana-mana negara anggota pada tahun kewangan tersebut.

(ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**

- (a) Pada 20 Ogos 2018, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China (PBOC) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM105.7 bilion (2019: RM110 bilion).
- (b) Pada 25 Januari 2017, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan Bank of Korea (BOK) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion (2019: RM15 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.
- (c) Pada 27 September 2019, Bank telah memeterai perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Tempatan Dua Hala (Local Currency Bilateral Swap Arrangement, LCBSA) dengan Bank Indonesia (BI) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank di bawah LCBSA ialah RM8 bilion (2019: RM8 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan LCBSA pada tahun kewangan tersebut.

BANK NEGARA MALAYSIA

(d) Pada 18 September 2020, Bank telah memeterai perjanjian Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA) dengan Bank of Japan (BOJ) yang bertujuan membolehkan kedua-dua pihak berkuasa ini menjalankan urusan niaga swap mata wang tempatan masing-masing untuk dolar Amerika Syarikat. Pengaturan ini menyediakan sehingga USD3 bilion untuk kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank di bawah BSA ialah RM12.1 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**

Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi kesukaran imbalan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara anggota yang menghadapi masalah imbalan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2020, jumlah komitmen Bank adalah sebanyak USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM36.6 bilion (2019: USD9.1 bilion, bersamaan dengan RM37.3 bilion) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

(iv) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**

Bank telah menandatangani perjanjian repo berjumlah USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.1 bilion (2019: USD5 bilion, bersamaan dengan RM20.5 bilion) dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan. Pada 31 Disember 2020, tiada permohonan untuk bantuan mudah tunai daripada mana-mana anggota.

23. Pengurusan Risiko Kewangan

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya. Hal ini bertujuan memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau secara harian. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank yang menyebabkan Bank tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan Bank untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang terhasil daripada harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Pertimbangan ini menambah baik rangka kerja risiko kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus risiko yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

24. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Staff Welfare Account, SWA) dan Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**

SWA ditubuhkan pada 1 Mac 1991 di bawah seksyen 15 (5) dan (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958, manakala Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958. Kedua-dua SWA dan Akaun Dana Perubatan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

SWA ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia 1991. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah 1991, SWA hendaklah ditadbir oleh jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah (Jawatankuasa Lembaga). Akaun SWA disediakan secara berasingan daripada akaun-akaun Bank yang lain dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Bank. Objektif SWA adalah untuk memberikan pinjaman kepada kakitangan untuk aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, membiayai aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan kakitangan Bank dan memberikan anugerah kecemerlangan pelajaran kepada anak-anak kakitangan. SWA juga menguruskan pampasan insurans kakitangan yang meninggal dunia, yang diterima oleh pihak waris yang belum mencapai had kelayakan umur.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Akaun Dana Perubatan ini adalah untuk membantu Bank membiayai perbelanjaan perubatan para pesara Bank dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan di bawah Akaun Kebajikan Kakitangan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun Kebajikan Kakitangan.

BANK NEGARA MALAYSIA

25. Angka Perbandingan

Beberapa angka perbandingan tertentu telah dinyatakan semula supaya selaras dengan perubahan dalam dasar perakaunan pada tahun semasa. Pada tahun-tahun sebelumnya, Bank telah merekodkan sekuriti asing berdasarkan kos terlunas. Berkuat kuasa tahun 2020, Bank telah mengubah dasar perakaunannya untuk menilai sekuriti asing berdasarkan nilai saksama. Perubahan dasar perakaunan ini menghendaki pelarasan dilakukan kepada sekuriti asing dan rizab risiko. Kesan daripada perubahan ini terhadap angka perbandingan adalah seperti yang berikut:

	Seperti dinyatakan sebelumnya RM juta	Pelarasan nilai saksama RM juta	Seperti dinyatakan semula RM juta
<u>Penyata Kedudukan Kewangan</u>			
Emas dan Pertukaran Asing (Nota 3)	414,844	7,367	422,211
Rizab Risiko (Nota 15)	124,069	7,367	131,436